Program pengantarabangsaan universiti yang telah diperhebatkan pada tahun 2016. UiTM telah berjaya menjalinkan hubungan kolaborasi dengan 19 universiti luar negara dalam pelbagai bidang. Sebanyak 10 *Summer Programme* dan Mobiliti telah berjaya menarik penglibatan pelajar dari pelbagai universiti terkemuka seperti Korea (Hanyang University), Jepun (Gunma University, Bunkyo Gakuin University, Toyo University), United Kingdom (Sussex University), Indonesia (Institut Agama Islam Negeri Mataram) dan menghasilkan pendapatan sebanyak RM304,502. Pertambahan bilangan rangkaian usaha sama dengan universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia membantu memperkukuhkan aktiviti pengantarabangsaan UiTM sebagai pelaburan kepada universiti pada masa akan datang.

Sebagai sebuah IPTA yang terbesar di Malaysia, UiTM sangat mementingkan kualiti yang dihasilkan. Ini termasuklah dari aspek pengurusan kualiti universiti. Penarafan Universiti ini merupakan salah satu Headline KPI untuk semua universiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia. Lantaran, tahun 2016 memperlihatkan pencapaian cemerlang UiTM dalam aspek pembangunan dan pengurusan akademik yang mengikut kehendak negara, industri dan bidang kepakaran tertentu berdasarkan standard *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA), *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA), ketetapan badan-badan profesional serta keperluan ISO 9001.

Dari aspek ketampakan, UiTM kini semakin menyerlah melalui pelbagai kejayaan staf dan pelajar mengharumkan nama UiTM di mata dunia sepanjang tahun 2016. UiTM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) secara konsisten untuk memastikan kecemerlangan bakat pelajar diletakkan pada

tahap yang tertinggi. Ini bersesuaian dengan perlaksanaan dasar pembangunan pelajar dan sekaligus membantu meletakkan nama UiTM pada peta dunia. Pelbagai penganjuran aktiviti pelajar yang melibatkan aspek akademik dan ilmiah, khidmat masyarakat dan sosial, kreatif dan inovasi, sukan dan rekreasi, kerohanian, kebudayaan dan warisan dan keusahawanan giat dijalankan demi melahirkan graduan holistik dan berkualiti.

Begitu juga ketampakan universiti di peringkat global juga telah menunjukkan peningkatan. Menerusi pencapaian dalam QS Ranking, UiTM kini berada pada kedudukan ke-701 (ke atas) Dunia, kedudukan ke-181 Asia dan kedudukan ke-8 Malaysia. Sementara itu, bagi *QS World University Ranking by subject*, lima program UiTM telah pun diiktiraf. Bidang tersebut ialah *Accounting and Finance, Education, Mechanical, Aeronautical and Manufacturing, Electrical and Electronic* dan *Computer Science and Information Systems.*

Bagi penarafan QS STARS pula, UiTM telah memperoleh lima (5) bintang untuk kriteria Pengajaran, Fasiliti dan Inovasi, empat (4) bintang untuk kriteria Kebolehpasaran, tiga (3) bintang untuk Pengantarabangsaan, dan Senibina/Build Environment dan dua (2) bintang untuk kriteria Penyelidikan dan Tanggung Jawab Sosial. Secara keseluruhan UiTM telah memperoleh tiga (3) bintang untuk penarafan QS STARS. Bagi *Times Higher Education (THE) BRICS and Emerging Economies University Rankings* 2016, UiTM berada di kelompok 251-300 terbaik dunia. Malahan, UiTM juga telah memperbaiki kedudukan dengan berada ditangga ke-829 dalam *Ranking Web of Universities (Webometrics).* Kesemua kejayaan ini secara langsung telah melonjak UiTM di persada global.

Sememangnya, UiTM merupakan sebuah institusi yang unik dan cukup istimewa dalam melahirkan ramai bakat, yang kini telah pun menyumbang tenaga, pemikiran dan kepakaran dengan menyandang pelbagai jawatan, di pelbagai sektor pekerjaan sama ada awam mahupun swasta.

Dalam pada itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Idris Jusoh dan Kementerian Pendidikan Tinggi atas segala sokongan padu dan keprihatinan yang diberikan kepada UiTM selama ini.

Pencapaian dan kecemerlangan yang telah dikecapi ini sudah pasti tidak akan dapat dicapai tanpa sumbangan, pengorbanan, komitmen dan kesungguhan pimpinan tertinggi universiti, barisan staf baik akademik mahupun pentadbir, para pelajar dan seluruh warga UiTM. Sehubungan itu, saya dan barisan kepimpinan tertinggi universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua demi memastikan kecemerlangan UiTM terus diperjuangkan.

UiTM akan terus berusaha untuk memperoleh pengiktirafan badan-badan profesional antarabangsa, memperkukuh jaringan global, memperkasa agenda penyelidikan dan inovasi, dan memantapkan tabdir urus sistem universiti, selain mengeratkan hubungan dengan industri demi mengangkat agenda universiti bagi mengekalkan kedudukan kami sebagai universiti yang hebat agar berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan universiti tersohor lain di dunia.

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

BAB 1.0

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

1.1 Latar Belakang

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) merupakan jawatankuasa yang tertinggi dalam pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM). LPU diberi kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu dan berfaedah bagi mentadbir, mengelola dan mengawal universiti ini. Ia mempunyai kuasa menentu dan membuat keputusan berkaitan tindakan strategik terhadap dasar dan hala tuju dalam usaha mencapai matlamat yang sejajar dengan agenda pengajian tinggi negara.

Lembaga Pengarah Universiti tubuhkan di bawah Akta 173 : Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Bahagian III Seksyen 13 - Lembaga Pengarah. Seksyen ini memaklumkan Lembaga hendaklah terdiri daripada:

i. Pengerusi
ii. Naib Canselor
iii. Dua (2) orang yang mewakili Kerajaan (Wakil kerajaan yang dilantik tidak tertakluk kepada mana-mana kementerian
iv. Lima (5) orang yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang boleh membantu Lembaga dan tiga (3) daripada mereka hendaklah daripada sektor swasta.

    Pelantikan anggota-anggota Lembaga hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu anggota-anggota Lembaga layak dilantik semula.

    Pengerusi boleh menjemput sesiapa jua untuk menghadiri sesuatu atau semua mesyuarat Lembaga Pengarah, jika difikirkan perlu

v. Setiausaha (Pendaftar)

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TAHUN 2016

BIL.	NAMA	JAWATAN/ WAKIL	TEMPOH PELANTIKAN	
			DARI	HINGGA
1	YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin	Pengerusi	16.07.2015	15.07.2018
2	YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said	Ahli/ Naib Canselor	01.02.2016	31.01.2019
3	YBhg. Dato' Maznah Abdul Jalil	Ahli/ Wakil Swasta	17.102014	16.10.2016
4	YB. Datuk Shahruddin Md. Salleh	Ahli/ Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman	01.05.2014	11.11.2016
5	YBhg. Dato' Aminuddin Md. Desa	Ahli/ Wakil Swasta	01.09.2014	31.08.2017
6.	YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma binti Ismail	Ahli/ Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi	01.12.2014	3.10.2016
7.	En. Mohd Sakeri Abdul Kadir	Ahli/ Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	1.05.2015	30.04.2018
8.	YBhg. Datuk Mohamed Azahari Mohamed Kamil	Ahli/ Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman	16.07.2015	15.07.2018
9.	YBhg. Dato' Mohd Zaini Hassan	Ahli/ Wakil Swasta	1.06.2016	31.05.2019
10	YBhg. Datuk Mohaiyani Shamsudin	Ahli/ Wakil Swasta	1.12.2016	30.11.2019
11.	YB Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Haji Ibrahim	Ahli/ Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman	1.12.2016	30.11.2019
12.	Puan Azida Azmi	Setiausaha/ Pendaftar	11.11.2014	23.12.2019

MAJLIS PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (MPLPU) UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (MPLPU) Universiti Awam Malaysia adalah cetusan idea YABhg Tun Zaki Tun Azmi, Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) semasa mesyuarat LPU UMS Kali Ke-56 pada 20 Ogos 2013. Mesyuarat protem telah diadakan pada 17 Oktober 2013 di Dewan Senat, Bangunan Pentadbiran, Universiti Putra Malaysia untuk membincangkan cadangan penubuhan majlis ini.

Majlis ini bertindak sebagai saluran komunikasi di kalangan Pengerusi LPU universiti awam untuk berkongsi pandangan, cadangan, syor dan ransangan demi kebaikan bersama dan memacu kecemerlangan universiti awam.

MPLPU juga sebagai *platform* untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian secara kolektif terhadap sesuatu isu atau perkara demi pembangunan dan kemajuan universiti awam.

Pengerusi pertama MPLPU adalah YABhg Tun Zaki Tun Azmi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, UMS dan pada mesyuarat MPLPU pada 1 Disember 2015, YBhg. Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee bin Laidin, FASc Pengerusi, LPU UiTM telah dilantik sebagai Pengerusi MPLPU untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2016. Sekretariat bagi MPLPU adalah merujuk kepada universiti Pengerusi LPU yang dilantik.

Mesyuarat MPLPU tahun 2016 telah diadakan pada 3 dan 4 Ogos 2016 di UiTM Shah Alam. Mesyuarat ini dimulakan dengan sesi perkongsian Amalan Terbaik di Universiti Swasta Untuk Aplikasi ke Universiti Awam oleh Naib Canselor UiTM dan Forum Perkongsian Pengurusan dan Amalan Terbaik Anak-anak Syarikat Universiti oleh Pengerusi Anak-anak Syarikat Universiti yang terdiri daripada Universiti Teknologi MARA, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Sesi pengisian ini telah dihadiri oleh Pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Awam Malaysia, Naib Canselor-naib Canselor Universiti Awam, Timbalan-timbalan Naib Canselor Universiti Awam, Majlis Pengurusan Kanan UiTM, Pendaftar-pendaftar Universiti Awam, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Anak-anak Syarikat Universiti.

.

BAB 2.0

PERANCANGAN STRATEGIK, PELAKSANAAN & PENCAPAIAN UNIVERSITI

2.1 RANCANGAN MALAYSIA Ke-11 (RMKe-11) UiTM

2.1.1 Pengenalan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga tidak ketinggalan dalam merangka perancangan strategiknya berpandukan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) negara dan seiring dengan hasrat kerajaan dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Dokumen Pelan Strategik RMKe-11 UiTM (RMKe-11 UiTM), 2016-2020 merupakan garis panduan hala tuju strategik UiTM untuk tempoh lima (5) tahun (2016 - 2020).

Dokumen RMKe-11 UiTM bermula dengan penilaian terhadap pencapaian RMKe-10 UiTM bagi penggal 2011 – 2015, sesi sumbangsaran, *townhall dialogue* dan *hand-holding* bersama pemegang taruh dalaman dan luaran UiTM, pemurnian teras dan agenda utama, pembangunan petunjuk prestasi utama (KPI) dan *Key Intangible Performances* (KIP) UiTM berasaskan *Headline KPI* Kementerian dan pengukuran berkaitan yang diperturunkan oleh KPT seperti Bajet Berasaskan Keberhasilan atau OBB dan akhirnya, proses memuktamadkan penulisan. Dokumen mutakhir ini pada kemuncaknya, telah diperakui oleh pihak Lembaga Pengarah Universiti dan dilancarkan secara rasmi oleh YBhg Naib Canselor UiTM sebagai dokumen utama yang menjadi panduan rasmi untuk setiap Pusat Tanggungjawab Universiti dalam merancang dan membangun Pelan Strategik 2016-2020 masing-masing.

2.1.2 Cabaran UiTM 2016-2020

Bagi RMKe-11 UiTM ini, cabaran yang bakal dihadapi adalah untuk memenuhi apa yang telah dihasratkan oleh kerajaan khususnya KPT sebagaimana yang tercatat di dalam Sepuluh (10) Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) seperti berikut:

i) Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
ii) Kecemerlangan Bakat
iii) Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
iv) Graduan TVET Berkualiti
v) Kemampanan Kewangan
vi) Pemantapan Tadbir Urus
vii) Ekosistem Inovasi
viii) Keunggulan Global
ix) Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
x) Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

2.1.3 Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menjadikan Universiti Tersohor sebagai sasaran yang perlu dicapai pada tahun 2020. Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk RMKe-11 adalah seperti berikut:

Rajah 2.1
Hala tuju strategik RMKe-11 UiTM

2.1.4 Sasaran Strategik

Sasaran strategik pula memfokuskan kepada komponen-komponen penting yang perlu untuk mencapai sasaran universiti. Tiga (3) sasaran strategik ini terdiri daripada:

Rajah 2.2
Hala tuju strategik RMKe-11 UiTM

2.1.5 Model Pengoperasian RMKe-11 UiTM

Model Pengoperasian RMKe-11 UiTM menjadikan Graduan Dinamik sebagai output, Pendidikan Tinggi Berkualiti sebagai proses dan Aksesibiliti sebagai input. Kesemua faktor-faktor ini digembleng ke arah pencapaian Universiti Berteraskan Penyelidikan dan Keusahawanan serta mensasarkan untuk menjadi Universiti Tersohor yang kemudiannya dapat menyumbang kepada Negara Berpendapatan Tinggi.



Rajah 2.3
Model pengoperasian RMKe-11 UiTM

2.1.6 PPPM(PT) 2015 - 2025 dan Agenda Utama RMKe-11 UiTM

KPT telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 (PPPM (PT)). Pelan ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), yang dilancarkan pada tahun 2007 dan disejajarkan dengan GTP, ETP, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Prasekolah hingga Lepasan Menengah) 2013 – 2025 dan Rancangan Malaysia Ke-11 demi memastikan agenda transformasi nasional negara yang konsisten dan koheren.

Bagi UiTM, dasar yang diterapkan di dalam perancangan strategiknya perlu merujuk kepada PPPM (PT) dengan melakukan lonjakan ketara dalam cara pengoperasiannya, iaitu seperti yang tertera di rajah berikut.

Rajah 2.4
Kerangka Pengoperasian 10 Lonjakan PPPM (PT)

Rajah 2.5
Pemetaan 10 Lonjakan PPPM(PT) kepada Agenda Utama RMKe-11 UiTM

2.1.7 Headline Key Perfomance Index (HLKPI) dan KPI RMKe-11 UiTM

Perubahan pesat dalam arus globalisasi mendesak kepada ekspektasi yang bertambah terhadap institusi pengajian tinggi. Mendepani cabaran ini, pihak Kementerian turut menggariskan beberapa HLKPI kepada unversiti-universiti awam (UA). Di dalam konteks UiTM, HLKPI telah dicerakinkan dengan *Key Performance Index* (KPI) Universiti. Ini bagi menterjemahkan aspirasi Kementerian dalam bentuk sasaran dan pelan tindakan transformasi.



Rajah 2.6
Pemetaan HLKPI KPT kepada KPI RMKe-11 UiTM

Seterusnya, seiring dengan aspirasi Kementerian, UiTM telah menggariskan empat *outcome* yang dibangunkan daripada Bajet Berasaskan Keberhasilan (OBB) yang diukur pencapaiannya melalui lapan (8) KPI dan lima (5) HLKPI yang ditetapkan. Selain daripada itu, terdapat empat *outcome* lain yang dibangunkan daripada *Key Intangible Performance* (KIP) yang diukur pencapaiannya berdasarkan empat (4) KPI lain. Indeks KIP ini diukur melalui empat elemen utama iaitu kepemimpinan dan kemampanan, imej korporat dan reputasi, kepuasan staf dan inovasi, seperti pada jadual berikut:

Jadual 2.1 Outcome RMKe-11 UiTM

	Outcome	Dibangunkan daripada	Diukur melalui
OC1	Menyediakan akses pendidikan tinggi kepada seramai mungkin pelajar bumiputera	OBB	KPI
OC2	Menghasilkan graduan Bumiputera yang diterima bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara		
OC3	Mempelopori pembangunan dan pengembangan ilmu terkehadapan		
OC4	Mengurangkan kebergantungan kepada Dana Kerajaan		
OC5	Meningkatkan imej dan reputasi Universiti	KIP	PI
OC6	Memantapkan kecemerlangan universiti menerusi inovasi		
OC7	Meningkatkan kepuasan pelanggan		
OC8	Meningkatkan tahap kepemimpinan		

2.2 Program Transformasi UiTM (TRANS4U)

2.2.1 Pengenalan

Dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) oleh Kerajaan Malaysia, UiTM turut sama mengorak langkah yang sama menerusi Program Transformasi UiTM (Trans4U) selaras dengan aspirasi yang ingin dicapai menerusi RMKe-11 nasional. Program ini adalah suatu langkah yang lebih mampan dalam membentuk imej universiti terunggul dalam menghasilkan bakat atau modal insan berkualiti tinggi yang diperlukan oleh Negara.

Program Transformasi UiTM telah bermula pada April 2015 dan dilancarkan secara rasminya oleh YBhg Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada 21 Oktober 2015. Program ini merangkumi 66 Projek yang mencakupi empat komponen penting iaitu Organisasi, Kecemerlangan Bakat, Proses dan Teknologi atau singkatannya, OBPT, yang diterangkan sebagai mana Rajah 6 berikut:

Rajah 2.7
Komponen Program Transformasi UiTM

2.2.2 Mekanisme Pengurusan & Pemantauan

Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pelan strategik Universiti termasuk Program Transformasi UiTM, mekanisma pemantauan dan penilaian yang sistematik digunapakai. Pemantauan dijalankan melalui penggabungan dua pendekatan berikut:

(i) pemantauan secara atas talian menerusi penggunaan sistem UePMO dan UiTM *Dashboard*; dan

(ii) penglibatan terus Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) selaku *Programme Management Office* (PMO) dengan pihak bertanggungjawab dalam pelaksanaan Program Transformasi UiTM menerusi medium dan saluran seperti emel, sesi taklimat, mesyuarat dan perbincangan.
Sistem UiTM *electronic Programme Management Office* atau UePMO merupakan satu sistem bersepadu untuk memantau status kemajuan kesemua projek yang dilaksanakan oleh universiti, yang berfungsi dalam;

- membantu Pengurus Projek menyediakan pelan kerja terperinci menggunakan pendekatan pengurusan projek *(project management);*
- mengemaskini status kemajuan dan maklumat pencapaian pelaksanaan projek sekerap mungkin oleh Pengurus Projek supaya tahap pencapaian dapat dilihat dan dipantau oleh *Person in Charge (PIC),* yang terdiri daripada Pengarah Program, Pengarah Peneraju dan juga Naib Canselor; dan
- memuatnaik dokumen projek sebagai bahan bukti berkaitan dengan projek agar dapat dikongsi bersama antara pasukan projek dan komuniti Trans4U.



Rajah 2.8
UiTM *Electronic Programme Management Office* (UePMO)

Selain pemantauan melalui sistem UePMO, UiTM *Dashboard* dibangunkan untuk memudahkan pihak pengurusan atasan UiTM memantau kemajuan projek secara *real-time* dan mudah dalam memberi input terus semasa membuat keputusan. Ia boleh diakses melalui pelbagai jenis peranti *(devices)* seperti *Android*, *WindowsPhone*, *iPhone* dan *iPad* melalui *Mobile Apps*.

Rajah 2.9
UiTM *Dashboard*

Supaya Program Trans4U ini berjalan mengikut jadual, CSPI selaku PMO telah mengatur aktiviti sepanjang tahun 2016 melalui pendekatan berikut (Rajah 9):

Rajah 2.10
Status aktiviti pemantauan kemajuan projek Trans4U

Selain daripada aktiviti pemantauan di atas, PMO juga mengambil pendekatan melantik pegawai pemantau dalam membantu Pengurus dan pasukan projek secara berterusan sama ada melalui perbincangan secara bersemuka, emel dan juga membuat hebahan melalui media sosial khusus *(private social network)* iaitu *Yammer*.
(Data sehingga 28 Disember 2016)

2.2.3 Status Kemajuan Program TRANS4U

Sehingga kini, 66 projek telah ditetapkan untuk dilaksanakan di mana sebanyak lapan (8) projek telah selesai, satu (1) projek belum bermula dan dua (2) projek telah digugurkan manakala yang selebihnya sedang berjalan. Dua (2) projek yang digugurkan telah mendapat kelulusan untuk ditangguhkan iaitu Projek Gred Khas Rektor dan T-Rec 4. Projek yang statusnya telah tamat akan dibentangkan kepada Naib Canselor untuk kelulusan penutupan projek. Ringkasan status kemajuan projek mengikut Pengarah Peneraju adalah seperti berikut:

Rajah 2.11
Status Kemajuan Program Transformasi UiTM

2.2.4 Kerangka Keberhasilan RMKe-11 UiTM

Selari dengan pelaksanaan OBB, pelan perancangan strategik RMKe-11 UiTM dirangka dengan berlandaskan model ProLL (*Programme Logic & Linkages*) dan *Objective Hierarchy Analysis* (OHA). Perancangan ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu: 1) Analisa Keperluan, 2) Pelaksanaan Program dan, 3) Keberhasilan Program. Berdasarkan OHA, bagi setiap *outcome* program, komponen bagi ketiga-tiga peringkat ini iaitu keperluan, punca, strategi, input, *output*, *outcome* (*outcome* awal, *outcome* pertengahan dan *outcome* akhir) dan impak dipetakan bagi menunjukkan hubungkait dan hierarki antara komponen berkaitan. Kerangka keberhasilan perancangan strategik RMKe-11 UiTM secara umumnya dapat digambarkan seperti Rajah 11.



Rajah 2.12
Kerangka Keberhasilan Perancangan Strategik RMKe-11 UiTM

Outcome 1 – 4 diukur berdasarkan lapan (8) KPI dan lima (5) HLKPI manakala *outcome* 5 – 8 iaitu *outcome* yang berlandaskan *Key Intangible Performane* (KIP diukur menerusi empat (4) KPI. Struktur kebertanggungjawaban bagi kesemua KPI ini adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 12, di mana beberapa jabatan UiTM dikenalpasti sebagai pemilik KPI UiTM. Terdapat sejumlah 40 *output* secara keseluruhannya bagi menyokong pencapaian lapan *outcome* yang telah dirancang. Setiap output pula diukur menerusi beberapa petunjuk prestasi (PI). Struktur kebertanggungjawaban terhadap PI dibahagikan kepada dua kategori iaitu sebagai pemilik PI dan pelaksana PI. Pemilik PI terdiri daripada jabatan dalam UiTM sementara pelaksana PI pula adalah terdiri daripada fakulti dan kampus UiTM. Jabatan juga adalah pemilik bagi PI yang diturunkan kepada fakulti dan Kampus. Ringkasan jumlah PI mengikut *outcome* tertera dalam Jadual 2.



Rajah 2.13
Struktur Kebertanggungjawaban Terhadap KPI dan PI

Jadual 2.1: Ringkasan Jumlah KPI dan PI

OUTCOME	HLKPI / KPI UiTM	PI OUTPUT	
		FAKULTI / UiTM NEGERI	JABATAN
OUTCOME 1	**KPI 3/HLKPI5b**(i)(ii)(iii), **KPI 4**, **KPI 7**(i)(ii) **KPI 8/HLKPI5a**	6	4
OUTCOME 2	**KPI 1/HLKPI1, KPI 2**	27	16
OUTCOME 3	**KPI 4, KPI 5 HLKPI2, HLKPI3a, HLKPI3b, HLKPI6,**	16	8
OUTCOME 4	**KPI 6/HLKPI4**	8	11
OUTCOME 5	1 KPI	0	21
OUTCOME 6	1 KPI	1	8
OUTCOME 7	1 KPI	0	17
OUTCOME 8	1 KPI	0	7
JUMLAH	**17**	**58**	**90**

2.2.5 Latarbelakang Pembentukan PI

Sebahagian besar PI *output* RMKe-11 UiTM adalah daripada PI *Output* bagi templat OBB. PI asal OBB ini mula dibangunkan pada tahun 2012 dan semakan PI OBB tersebut telah dibuat pada tahun 2014. Terdapat juga PI *output* RMKe-11 yang diambil daripada PI asal projek yang dibentuk bagi Program Transformasi UiTM (Trans4U). Semua PI OBB dan PI projek Trans4U yang dipilih sebagai PI Output RMKe-11 juga menjadi petunjuk yang menyokong KPI UiTM yang telah ditetapkan dan selari dengan HLKPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). CSPI merupakan pihak yang bertanggungjawab mengkonsolidasi PI *output* OBB dan PI *output* projek Trans4U menjadi PI *output* bagi RMKe-11 UiTM.

2.2.6 Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti UiTM (i-UiTM)

Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti UiTM atau singkatannya i-UiTM telah dibangunkan bagi mengukur prestasi fakulti, kampus dan jabatan menerusi pencapaian sasaran PI *output* RMKe-11. Oleh yang demikian i-UiTM secara tidak langsung dapat mengukur kemampuan dan pencapaian UiTM sebagai institusi pengajian tinggi yang berkualiti. i-UiTM mengandungi sembilan (9) kriteria utama, di mana setiap kriteria mempunyai sub-kriteria yang berkaitan. Skor i-UiTM yang dikira berdasarkan pencapaian sasaran PI mengikut kriteria tersebut akan digunakan sebagai petunjuk pencapaian PI dan KPI UiTM. Kriteria utama i-UiTM adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 13.



Rajah 2.14

Kriteria Utama i-UiTM



Rajah 2.15:
Pelaksanaan dan Pengukuran PI menerusi i-UiTM

Pelaksanaan dan Pengukuran PI menerusi i-UiTM pula adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 14. Terdapat pemberat bagi setiap kriteria utama dan sub-kriteria yang terkandung dalam i-UiTM. Pemberat ditentukan menggunakan kaedah *Consistent Fuzzy Preference Relations* (CFPR) menerusi data daripada soal selidik yang diedarkan kepada Pengurusan Kanan UiTM. Pengiraan skor i-UiTM pula dibuat menggunakan formula matematik yang mengguna pakai pemberat yang ditetapkan serta data pencapaian berbanding sasaran bagi setiap PI bagi setiap sub-kriteria dan kriteria i-UiTM. Skor i-UiTM pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu: 1) Skor i-UiTM bagi UiTM secara keseluruhan, 2) Skor i-UiTM bagi Jabatan, dan 3) Skor i-UiTM bagi Fakulti atau Kampus UiTM Negeri. Skor yang pertama iaitu skor i-UiTM bagi UiTM secara keseluruhan adalah merupakan KPI ke-4 dalam senarai KPI UiTM.

2.3 Pencapaian 2016 CSPI

KPI universiti yang merangkumkan sejumlah lapan (8) KPI asal dan lima (5) HLKPI telah menjadi pengukuran pencapaian *Outcome* 1 - 4 universiti. Pencapaian KPI bagi tahun 2016 adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 2.2: KPI berasaskan *Outcome* Universiti bagi Tahun 2016

Outcome	KPI	Penyataan KPI	Sasaran	Pencapaian
Outcome 1: Peningkatan akses pengajian tinggi kepada pelajar Bumiputera	**KPI 3**	Peratus pelajar bergraduat dalam tempoh: Sarjana Muda	89%	84%
		Sarjana	59%	39%
		PhD	17%	5.3%
	KPI 4	Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti (i-UiTM)	0.6	0.58 (data sehingga Oktober 2016)
	KPI 7A	Jumlah enrolmen pelajar Sepenuh Masa	170,000	146,303
	KPI 7B	Jumlah enrolmen pelajar Separuh Masa	19,000	14,092
	KPI 8	Kadar keciciran pelajar	5%	1.08%
Outcome 2: Peningkatan kebolehpasaran graduan Bumiputera	**KPI 1**	Peratus siswazah UiTM yang telah mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	78	80.5 (data sehingga April 2016)
	KPI 2	Peratus siswazah UiTM yang telah bekerja sendiri semasa konvokesyen	3.2	2.8 (data sehingga April 2016)
Outcome 3: Pelopor pembangunan dan pengembangan ilmu terkehadapan	**KPI 5**	Skor MyRA bagi Universiti Induk	65	55.45 (sehingga Disember 2016 – berdasarkan Glosari MyRA Pindaan 2016)
	KPI 5A	Jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks per pensyarah	0.5	0.45
	KPI 5B	Bilangan sitasi per pensyarah secara kumulatif dalam tempoh 5 tahun ke belakang	7	3.56
	KPI 5C	Enrolmen pelajar antarabangsa peringkat Pascasiswazah	300	125
	KPI 9	Bilangan penempatan dalam kedudukan 200 terbaik dunia penarafan QS mengikut Subjek	5	5
Outcome 4: Pengurangan kebergantungan kepada Dana Kerajaan	**KPI 6**	Peratus belanja mengurus yang dibiayai oleh pendapatan dalaman yang dijana universiti	5.0	21.0

Berdasarkan Jadual 3, hanya KPI 1, KPI 6 dan KPI 9 sahaja yang mencapai atau melebihi sasaran. Pencapaian ini ada kemungkinan lebih baik kerana terdapat beberapa data yang belum terkini. Contohnya, bagi kebolehpasaran, pihak UiTM masih menantikan data terkini bagi konvokesyen sesi Oktober – November 2016 manakala data Skor MyRA pula mempunyai tarikh pelaporan secara berkala. Selain itu, skor i-UiTM yang hanya mula dilaksanakan pada tahun 2016 hanya akan dikeluarkan secara rasmi pada 15 Februari 2017. Sungguhpun begitu, pihak UiTM telah juga mengenalpasti cabaran pencapaian sasaran bagi tahun 2016 dan juga strategi intervensi bagi meningkatkan pencapaian untuk mencapai sasaran tahun 2017.

2.4 Penutup

Di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM, CSPI beriltizam untuk memastikan semua perancangan program dan projek RMKe-11 termasuklah Trans4U agar dapat mencapai sebagai Universiti Tersohor pada 2020 serta menyumbang kepada matlamat kerajaan sebagai Negara Berpendapatan Tinggi.

BAB 3.0

PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN, INOVASI & PENGKORMESIALAN

3.1 Pengenalan

Tahun 2016 merupakan permulaan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh lima tahun bermula 2016-2020. RMKe-11 telah mensasarkan Malaysia menuju negara maju berpendapatan tinggi dengan tumpuan kepada inisiatif kecemerlangan bakat. Bertepatan dengan sasaran nasional, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah merangka strategi bagi memperkukuhkan agenda penyelidikan dan inovasi UiTM bagi menggalakkan penjanaan ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik disamping keberkesanan impak kepada komuniti selaras dengan aspirasi negara.

Rajah 3.1
Elemen utama kesarjanaan academia

Penyelidikan dan inovasi yang efektif merupakan salah satu elemen yang dinamik yang mempengaruhi kesarjanaan setiap akademia dan mampu menyuntik momentum berterusan kepada nilai akademik melalui;

i. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran,
ii. Penjanaan dan pencambahan ilmu melalui penulisan dan penerbitan,
iii. Melahirkan bakat yang cemerlang melalui penyeliaan, perkongsian dan jaringan kepakaran,
iv. Menghasilkan penciptaan teknologi dan inovasi yang memberikan impak kepada komuniti.

Saling perkaitan antara satu dan lain akan menjalinkan satu rangkaian pintar kearah kesarjanaan yang lebih seimbang.

Sehubungan itu, pada tahun 2016, Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) telah memberi fokus kepada beberapa agenda utama berkaitan penyelidikan, inovasi dan

pengkormesilan bagi menyokong agenda kecemerlangan pendidikan tinggi serta melonjakkan ketampakan UiTM di peringkat global.

Fokus pertama telah diberikan terhadap pemantapan dasar dan tadbir urus penyelidikan, bagi menyediakan ekosistem penyelidikan, inovasi dan pengkormesilan yang lebih kondusif berkonsepkan taman penyelidikan (*Research Garden*). Ini termasuklah memurnikan pengurusan Entiti Kecemerlangan (EK) dari EK Tier-5 ke EK Tier-1 dibawah satu tadbir urus, penambahbaikan garis panduan dan prosedur bagi memudahcara operasi dan perbelanjaan geran penyelidikan di seluruh sistem UiTM.

Fokus kedua telah diberikan kepada usaha meningkatkan ketampakan akademik UiTM melalui hasilan penyelidikan yang berimpak. Ini termasuklah meningkatkan hasilan penulisan di dalam penerbitan berindeks, memperkukuhkan penerbitan jurnal UiTM ke arah pengindeksan, mengenalpasti penyelidik terkehadapan melalui PURE Portal UiTM dan seterusnya menyumbang kepada penarafan UiTM di peringkat nasional (MyRA) dan antarabangsa (*Time Higher Education, QS Ranking, Webo Ranking*).

Rajah 3.2
Penarafan Universiti Peringkat Dalam dan Luar Negara

Keadaan ekonomi semasa yang telah memberi kesan terhadap sumber dana penyelidikan telah menjadi fokus ketiga IRMI dalam strategi perolehan geran penyelidikan lebih tertumpu kepada sumber geran antarabangsa dan swasta bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber dalaman dan nasional disamping memastikan aktiviti penyelidikan dapat terus berkembang.

Fokus keempat tertumpu kepada usaha meningkatkan penjanaan pendapatan melalui perundingan khidmat kepakaran dan pengkormesilan produk penyelidikan.

Malaysian Research Assessment (MyRA) merupakan KPI tahunan Universiti Awam dan Swasta di ukur oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Setiap UA dan US akan diberikan penarafan bintang mengikut skala skor seperti Rajah 3..3

Rajah 3.3
Skala Skor Bintang MyRA oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

Secara asasnya MyRA mengukur aktiviti kesarjanaan setiap akademik dan pengurusan universiti dalam meletakkan agenda kecemerlangan penyelidikan dan inovasi pendidikan tinggi Malaysia. Semua pensyarah di UiTM Selangor merupakan denominator MyRA yang mesti menyumbang kepada MyRA.

Rajah 3.4
Grafik Penterjemahan Aktiviti Kesarjanaan kepada Skor MyRA Universiti

3.2 Strategi Pembangunan Penyelidikan UiTM

Selaras dengan hasrat yang disasarkan oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional (PSPTN) kearah penarafan universiti awam di arena antarabangsa menjelang 2020, maka strategi pembangunan penyelidikan yang mampan amat diperlukan. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, universiti perlu mengambil bahagian yang aktif dalam penerokaan idea baru, menguji kaedah yang inovatif dan mengambil inisiatif secara intelek untuk terus meneroka dan mengembang ilmu yang terkehadapan. Ini sekaligus dapat menjadikan universiti berperanan sebagai enjin pertumbuhan negara, membuka peluang kepada perkongsian kepakaran melalui aktiviti penyelidikan dalam suasana yang kondusif yang menyemarakkan eksplorasi dan kreativiti untuk meneroka ilmu dan menjana kekayaan, dan akhirnya meningkat kualiti hidup rakyat Malaysia. Oleh demikian pada tahun 2016, IRMI telah merangka strategi yang tertumpu kepada pembangunan penyelidikan, pengkormesilan dan inovasi (R&D&C&I).

3.2.1 Senario Penyelidikan UiTM

Rajah 5 menunjukkan grafik *SciVal Matrix* pemetaan kompetensi penyelidikan UiTM sepanjang 1996 ke 2009. Aktiviti penyelidikan UiTM pada masa itu adalah terfokus kepada bidang khusus dan keterlibatan kepada penyelidikan inter dan trans-disiplin adalah amat kecil.



Rajah 3.5
***SciVal Matrix* Pemetaan Kompetensi Penyelidikan UiTM 1996 - 2009**

Berdasarkan kepada senario penyelidikan dan inovasi global yang telah bergerak ke era *4th Industrial Revolution* melalui teknologi berasaskan data dan internet menjelang 2050, maka IRMI mengambil inisiatif untuk meletakkan Strategi Penyelidikan dan Inovasi UiTM selari dengan agenda nasional di dalam *National Transformation 2050 (TN2050)*. Keperluan kepada itu, maka penyelidikan merentas disiplin adalah penting bagi menzahirkan impak kepada keperluan masyarakat dan industri.

Melalui inisiatif Komuniti Penyelidikan (CoRe) yang telah ditubuhkan sejak tahun 2014, strategi inter/intra disiplin dalam penyelidikan menjadi fokus utama untuk mengubah landskap penyelidikan UiTM. Komuniti Penyelidikan (CoRe) adalah sebuah entiti yang menggabungkan penyelidik, kumpulan penyelidik yang mempunyai fokus yang setara di bawah satu kumpulan besar mengikut teras penyelidikan utama UiTM.

Rajah 3.6
Program Transformasi Nasional (Sumber: Akademi Sains Negara)

Disamping itu CoRe juga memain peranan untuk memudahcara dalam pertumbuhan EK Tier 5 dan seterusnya perkembangan ke Tier yang lebih tinggi. Terdapat tujuh komuniti penyelidikan (CoRe) bagi merialisasikan agenda tersebut. Jaringan dan jalinan di antara CoRe dan Fakulti adalah seperti digambarkan pada Rajah 6.



Rajah 3.7
Model Jaringan dan Jalinan di Antara CoRe dan Fakulti dalam membentuk Penyelidikan Merentas Disiplin

Tujuh (7) CoRe adalah seperti berikut;

i. *Advanced Computing & Communication (ACC)*
ii. *Health & Wellbeing (HW)*
iii. *Management Science (MS)*
iv. *Humanities, Design & Creativity (HDC)*
v. *Green Technology & Sustainable Development (GTSD)*
vi. *Pharmaceutical & Life Sciences (PLS)*
vii. *Frontier Materials & Industry Application (FMIA)*

Melalaui strategi tersebut, penubuhan EK Tier 5 dan EK Tier 4 di rangka mengikut model tersebut bagi menggalakkan penyelidikan merentas disiplin. Sebagai persediaan kepada cabaran yang lebih besar untuk merealisasikan agenda Program Transfomasi 2050. Rajah 7 di bawah menunjukkan perubahan landskap penyelidikan UiTM di antara 2011 – 2015 melalui pemetaan kompetensi penyelidikan berdasarkan data *SciVal*. Penyelidikan merentas disiplin telah mula berkembang di dalam landskap penyelidikan UiTM hari ini ke arah penyelidikan yang berimpak.





Rajah 3.8
Pemetaan Kompetensi Penyelidikan UiTM 2011 - 2015

Menyedari kepada keperluan sumber kewangan penyelidikan yang terhad, maka IRMI melancarkan beberapa geran dalaman UiTM seperti Geran Lestari, Geran ARAS, Geran Bestari, Geran GIP serta Geran Penerbitan Berindeks bagi memberi peluang untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama di samping merangka program penyelidikan merentas disiplin. Koloborasi industri dan merentas fakulti memberi peluang untuk penghasilan cadangan penyelidikan yang berkualiti dan hasilan penyelidikan yang berimpak. Pencapaian penyelidikan UiTM dapat diterjemahkan melalui perkembangan penarafan MyRA oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 3.1: Penarafan Bintang MyRA UiTM 2011 – 2015

	Seksyen	2011	2012	2013	2014	2015	Item
1.	Seksyen B: Kuantiti & Kualiti Penyelidik	14.72	11.94	16.71	10.50	9.62	PI, PhD/Profesional, Kohort, Anugerah
2.	Seksyen C: Kuantiti & Kualiti Penyelidikan	12.65	14.92	26.09	13.54	16.80	Sitasi, Penerbitan, Geran, Belanja Geran, Postdoc
3.	Seksyen D: Kuantiti Pasca-Siswazah	4.35	3.64	6.97	5.29	6.49	PhD Tamat, enrolmen Siswazah, Antarabangsa
4.	Seksyen E: Kualiti Pasca-Siswazah	7.16	2.14	4.56	6.16	8.62	CGPA ketika masuk Siswazah, tajaan
5.	Seksyen F: Inovasi	9.00	3.71	4.69	0.77	1.64	Paten, IPR, Pengkomersialan
6.	Seksyen G: Khidmat Profesional & Hadiah	7.00	7.00	7.00	3.55	5.48	Konferensi, perundingan, endowmen, hadiah
7.	Seksyen H: Hubungan & Jaringan	7.45	6.68	6.45	4.41	4.85	MoA, kolaborasi, mobiliti, badan profesional
8.	Seksyen I: Fasiliti Hubungan	2.75	2.75	2.75	1.68	3.90	Akreditasi Makmal, PTAR
	JUMLAH SKOR	65.08	52.78	75.22	45.90	57.40	
	Penarafan Bintang	☆☆☆☆	☆☆☆	☆☆☆☆☆	☆☆☆	☆☆☆	
	Status	Tiada Audit	Tiada Audit	Tiada Audit	Diaudit	Diaudit	
	Bilangan Staf Akademik	2,661	2,454	1,500	3,295	3,442	
	Bilangan Denominator	2,661	2,630	N/A	2,855	2,969	

3.3 Penyelidikan Terfokus Melalui Entiti Kecemerlangan Tinggi

Entiti kecemerlangan (EK) adalah satu kumpulan penyelidikan terfokus yang terhasil melalui gabungan kepakaran terhadap satu bidang tujahan tertentu. Penubuhan EK adalah di bawah punca kuasa Senat universiti setelah melalui proses pengukuran dan penilaian oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK). Bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan sesebuah EK, maka ianya diklasifikasikan kepada lima (5) tier yang mengikut hirearki yang telah dinilai dan diukur berdasarkan pengukuran yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Jadual 3). Sehingga mesyuarat Senat pada 9 November 2016, UiTM mempunyai 129 kumpulan inisiatif penyelidikan (RIG-Tier 5), 3 Pusat Penyelidikan (RC-Tier 4), 8 Pusat Kecemerlangan (CoE-Tier 3) dan 1 Pusat Kecemerlangan Tinggi (HICoE-Tier 2). Pada masa ini tiada lagi lantikan oleh KPT untuk Pusat Kcemerlangan Anatarabangsa (WCoE).

Jadual 3.2: Klasifikasi Entiti Kecemerlangan di UiTM

TIER	ENTITI KECEMERLANGAN
TIER 1	Pusat Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE)
TIER 2	Pusat Kecemerlangan Nasional (HICoE)
TIER 3	Pusat Kecemerlangan (CoE)
TIER 4	Pusat Penyelidikan (RC)
TIER 5	Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)

Jadual 3.3: Entiti Kecemerlangan UiTM (Tier 2 dan Tier 3) mengikut Teras

TIER	TERAS	NAMA
2 (HICoE)	**Penyelidikan dan Inovasi**	*Accounting Research Institute* (ARI)
3 (CoE)	**Penyelidikan dan Inovasi**	*Institute of Science* (IOS)
		Institute for Pathology, Laboratory and Forensic Medicine (I-PPerForM)
		Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)
		Institute of Infrastructure, Engineering & Sustainable Management (IIESM)
		Atta-ur-Rahman Institute for Natural Product Discovery (AuRIns)
		Institute of Business Excellence (IBE)
		Microwave Technology Centre (MTC)
	Perkhidmatan	*Malaysia Institute of Transport* (MITRANS)

Di bawah tadbir urus Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan, melalui sekrateriat di Pejabat CoRe, penilaian EK telah dibuat menggunakan instrumen HICoE oleh Kementerian Pendidikan Tinggi mengikut teras (teras Penyelidikan dan Inovasi atau teras Perkhidmatan). Kriteria penilaian EK adalah seperti Jadual 4 dan 5.

Jadual 3.4: Kriteria Penilaian Borang Kaji Selidik HICoE (TerasPerkhidmatan)

SEKSYEN	*KRITERIA*	*PEMBERAT*
A	*General Information*	-
B	*Services*	40
C	*Networking Linkages*	10
D	*Research*	30
E	*Recognition & Impact*	10
F	*Resources*	10
	JUMLAH	100

Jadual 3.5: Kriteria Penilaian Borang Kaji Selidik HICoE
(Teras Penyelidikan & Inovasi)

SEKSYEN	KRITERIA	PEMBERAT
A	*General Information*	-
B	*Quantity and Quality of Researchers*	15
C	*Quantity and Quality of Research*	35
D	*Quantity and Quality of Postgraduates*	10
E	*Innovation*	15
F	*Professional Services & Gifts*	10
G	*Networking & Linkages*	12
H	*Resources*	3
	JUMLAH	100

Pencapaian MyRA HICoE dan CoE pada tahun 2015 adalah seperti Jadual 6 di bawah.

Jadual 3.6: Pencapaian MyRA HICoE dan CoE UiTM

NO.	HICOE/COE	SKOR MYRA	PENARAFAN BINTANG
1	Institut Patologi, Perubatan Makmal dan Forensik (I-PPerForM)	65.59	****
2	Atta-Ur-Rahman Institute For Natural Product Discovery (AuRIns)	63.82	****
3	Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)	61.72	****
4	Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Mampan (IIESM)	56.83	***
5	Accounting Research Institute (ARI)	56.12	***
6	Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	51.55	***
7	Institut Sains (IOS)	50.80	***



Rajah 3.9
Bintang MyRA 2015 mengikut HICoE dan CoE

3.4 Perolehan Geran Penyelidikan

Tahun 2016 menunjukkan perolehan geran penyelidikan adalah sebanyak RM32.91 juta di seluruh UiTM dengan 83% daripadanya adalah perolehan di UiTM Cawangan Selangor. Rajah 9 di bawah menunjukkan taburan perolehan geran penyelidikan UiTM bagi tempoh lima tahun.



Rajah 3.10
Perolehan Geran Penyelidikan 2012-2016

Agihan perolehan mengikut jenis geran (Antarabangsa, Swasta, Kebangsaan dan Universiti) adalah seperti ditunjukkan oleh Rajah 10(a) dan 10(b) bagi keseluruhan sistem UiTM dan UITM Cawangan Selangor masing-masing. Peningkatan besar jumlah geran antarabangsa daripada RM72,000 pada tahun 2013 kepada RM1,600,000 pada tahun 2016 menandakan penambahan 22 kali ganda dalam perolehan geran antarabangsa. Dalam jangka masa yang sama, jumlah perolehan geran swasta juga telah meningkat daripada RM97,000 kepada RM2,980,000, iaitu penambahan 30 kali ganda dalam 4 tahun.



Rajah 3.11
(a) Pecahan Perolehan Geran UiTM Malaysia dan (b) Pecahan Perolehan Geran Penyelidikan UiTM Cawangan Selangor 2012-2016

Peningkatan ini berpunca daripada pelbagai inisiatif mengenal pasti sumber geran antarabangsa dan swasta, sesi taklimat dan bengkel pengisian permohonan geran antarabangsa dan swasta di samping penambahan bilangan kertas cadangan projek penyelidikan yang dihantar dan juga yang berjaya di kalangan penyelidik UiTM dalam tempoh tersebut.

3.4.1 Geran Antarabangsa dan Swasta

Pada tahun 2016, UiTM telah berjaya menghantar 32 kertas cadangan permohonan geran antarabangsa termasuk 15 permohonan geran *Newton-Ungku Omar Fund* dengan jumlah nilai permohonan sebanyak RM3.36 juta, dan 108 kertas cadangan permohonan geran swasta dengan jumlah nilai permohonan sebanyak RM3.14 juta.



Rajah 3.12
Pecahan Perolehan Geran Antarabangsa dan Swasta Tahun 2012 - 2016

Kemampuan penyelidik UiTM menghasilkan cadangan penyelidikan yang berkualiti turut mendapat perhatian daripada pihak swasta apabila berjaya memperoleh geran penyelidikan swasta sejumlah RM2.98 juta melalui kerjasama dan **kolaborasi bersama industri** antaranya dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP), TNB *Research* Sdn. Bhd., *Collaborative Research In Engineering, Science And Technology Center* (CREST), Malaysia *Toray Science Foundation* (MTSF), Malaysia *Thoracic Society, Abbott Laboratories* (Malaysia) *Sdn Bhd*, FMM–Malaysia *Insulation Manufactures Group*, Syarikat *Global Amity* Sdn. Bhd. dan ***Public-Private Research Network*** **(PPRN).**

Perolehan geran PPRN sahaja adalah sebanyak RM1.17 juta bagi 37 projek yang diluluskan. Unit Perolehan Geran Penyelidikan (Antarabangsa & Swasta) juga telah mendaftarkan sebanyak 5 geran nasional (GLC dan agensi kerajaan selain daripada KPT dan MOSTI) berjumlah RM609K dan 43 projek Penyelidikan Biaya Terus (PBT) berjumlah RM2.50 juta.

Di samping itu, geran antarabangsa sebanyak RM1.60 juta telah berjaya diperolehi daripada syarikat dan yayasan antarabangsa termasuk *International Brain Research Organization* (IBRO) – *Asia Pacific Regional Countries* (APRC), EU *Commission*, *Newton Research Collaboration Programme* (NRCP, UK), US *Civilian Research* & *Development Foundation* (USA), CIMA (UK), DAAD (Jerman), Nagao *Natural Environment Foundation* (Japan) dan *Bayer Pharma* AG (Jerman). Sila lihat Rajah 1 dan 2 di lampiran. Beberapa geran antarabangsa dan swasta ini

diperolehi bersama pemeteraian MoA dan MoU selari dengan kriteria Seksyen H, MyRA I.Sila rujuk Jadual 2 di lampiran.

Jumlah geran antarabangsa pada tahun 2013 iaitu RM72,000 telah meningkat kepada RM1,600,000 pada tahun 2016. Ini menandakan penambahan 22 kali ganda dalam perolehan geran antarabangsa. Dalam jangka masa yang sama, jumlah perolehan geran swasta (termasuk geran PPRN dan sumber geran luar nasional) juga telah meningkat daripada RM97,000 kepada RM3,589,718, iaitu penambahan 36 kali ganda dalam 4 tahun. Sila rujuk Rajah 3 di lampiran. Geran PPRN (berjumlah RM1,176,255 pada 2016) yang sehingga 2015 dikumpulkan di bawah geran kerajaan/ KPM mula dikategorikan sebagai geran swasta dalam Glosari MyRA pindaan 2016.

Perolehan tiga geran *Newton-Ungku Omar Fund* setakat Disember 2016 merupakan petanda keupayaan UiTM dalam jaringan penyelidikan antarabangsa. UiTM juga merupakan instituti tunggal yang menerima 3 geran MTSF daripada 17 permohonan yang berjaya di peringkat negara (18% kadar kejayaan UiTM).Sila rujuk Rajah 4 di lampiran.

3.4.2 Geran Nasional (Kerajaan)

UiTM telah memperolehi sebanyak RM11.8 juta geran penyelidikan nasional (maklumat sehingga 20 Disember 2016) dan pencapaian ini berkurangan RM 6.7 juta berbanding tahun 2015 dan pengurangan bilangan ketua penyelidik 44.62% berbanding tahun 2015. Pengurangan perolehan berikutan kekurangan penawaran geran penyelidikan.



Rajah 3.13
Permohonan dan Perolehan Geran Nasional Tahun 2016

Rajah 3.13 menunjukkan maklumat permohonan geran nasional oleh warga penyelidik UiTM. Penyumbang dana terbesar adalah dari Kementerian Pengajian Tinggi. Manakala Rajah 2 dan 3 di atas menunjukkan perbandingan permohonan dan perolehan geran nasional dari tahun 2012 hingga 2016 bagi keseluruhan UiTM dan UiTM Cawangan Selangor.

3.4.3 Geran Universiti (Dalaman)

Penyusutan sumber dana kebangsaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains dan Teknologi telah memberi kesan kepada usaha meningkatkan bilangan ketua penyelidik (PI) di UiTM. Oleh demikian penawaran geran dalaman universiti diperkenalkan dengan menggunakan sumber kewangan Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM dan Dana Insentif MyRA bagi menyemarakkan budaya penyelididkan di kalangan ahli akademik UiTM. Sebanyak RM10.6 juta telah diperuntukan untuk tawaran geran universiti (Geran ARAS, Geran Lestari, Geran Bestari dan Geran GIP). Pencapaian peningkatan bilangan ketua penyelidik yang dihasilkan melalui penawaran geran universiti adalah sebanyak 69.2% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.



Rajah 3.14
Permohonan dan Perolehan Geran Dalaman UiTM Tahun 2016

3.5 Ketampakan Akademik Melalui Penulisan dan Penerbitan Berimpak

Selari dengan usaha UiTM untuk penarafan, ketampakan akademik memainkan peranan penting untuk meningkatkan reputasi, impak dan produktiviti yang menyumbang kepada penarafan *ranking* antarabangsa. Sehubungan IRMI telah melaksanakan strategi menghasilkan penerbitan berimpak.

3.5.1 Penerbitan Berindeks dan Sitasi

Berikut adalah jumlah penerbitan yang berindeks untuk tahun 2012 -2016. Tahun 2016 mencatatkan sebanyak 2,802 penerbitan yang diindeks diterbitkan oleh penyelidik UiTM (Rajah 14). Jumlah sitasi tahunan juga telah meningkat dari tahun 2011 sehingga penghujung tahun 2016.

Rajah 3.15
Penerbitan Berindeks 2012 – 2016
(Sumber data Scopus, WoS dan ERA: 31 Disember 2016)

Rajah 3.16
Kumulatif Lima (5) Tahun Sitasi Jurnal bagi tahun 2012 – 2016
(Sumber data Scopus, WoS dan ERA: 31 Disember 2016)



Rajah 3.17
Perbandingan Pencapaian Penerbitan dan Sitasi UiTM berbanding 20 Universiti Awam bagi tahun 2011-2015 (Sumber WoS, Jan 2017)

3.5.2 Pengukuhan Jurnal Terbitan UiTM

Salah satu usaha meningkatkan ketampakan akademik adalah melalui strategi meningkatkan jurnal terbitan UiTM sebagai jurnal berindeks. Bagi mencapai sasaran kepada penarafan indeks diperingkat antarabangsa seperti Scopus dan WoS, IRMI mengambil pendekatan untuk mendapatkan pengiktirafan indeks di peringkat nasional terlebih dahulu iaitu MYCITE *(Malaysian Citation Index)* yang dikendalikan oleh Pusat Sitasi Malaysia (MCC).

Bagi tujuan tersebut, di bawah tadbir urus penyelidikan dan inovasi, satu Jawatankuasa Pengukuhan Jurnal dan Buku Penyelidikan UiTM bertanggungjawab untuk meneliti dan memastikan kesejahteraan jurnal terbitan Penerbit UiTM. Pada tahun 2016, pendekatan yang proaktif telah diambil melalui Bengkel Pengukuhan Jurnal yang dihadiri oleh ketua editor untuk jurnal-jurnal dalaman UiTM. Pengarah MCC, Kementerian Pengajian Tinggi telah berkongsi kriteria pengindeksan dan menyemak status atau '*health-check*' dalam usaha mendapatkan pengindeksan Scopus/ ISI(WoS) untuk jurnal-jurnal dalaman UiTM.

Hasilan daripada ini sejumlah 25 jurnal terbitan Penerbit UiTM telah didaftarkan di dalam MyJurnal dan Penerbit UiTM merupakan di antara lima penerbit teratas didalam MyJurnal *(Malaysian Jurnal management System)* dan mendapat pengindeksan oleh MYCITE.



Rajah 3.18
Senarai Lima (5) Penerbit Teratas di Dalam MyJurnal *(Malaysian Jurnal management System)* (Sumber Pusat Sitasi Malaysia)

.



Rajah 19: Senarai Lima (5) Penerbit Teratas di Dalam MYCITE *(Malaysian Citation Index)*
(Sumber Pusat Sitasi Malaysia)

Penerbit UiTM juga disenaraikan diantara 10 teratas di dalam jumlah penerbitan di dalam MyJurnal iaitu sejumlah 2,182 artikel. Seterusnya mendapat kedudukan ke-5 dalam jumlah sitasi di alam MyJurnal dengan jumlah 322.

Rajah 3.20
Kedudukan Jumlah Penerbitan UiTM Di Dalam Senarai 10 Penerbit Teratas Bagi Jumlah Penerbitan di Dalam MyJurnal (Sumber Pusat Sitasi Malaysia)

Rajah 3.21
Kedudukan Jumlah Sitasi Jurnal UiTM Di Dalam Senarai 10 Penerbit Teratas Bagi Jumlah Sitasi di Dalam MyJurnal (Sumber Pusat Sitasi Malaysia)

Rajah 3.22
Kedudukan Koloborasi Penerbitan UiTM Di Dalam Senarai 10 Teratas Penerbitan Koloborasi Antarabangsa Di Dalam MyJurnal (Sumber Pusat Sitasi Malaysia)

Sehingga 31 Disember 2016, beberapa jurnal terbitan UiTM telah diindeks oleh MYCITE, Scopus dan ERA seperti Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Senarai jurnal UiTM yang telah diindeks oleh MYCITE, Scopus dan ERA

JURNAL	INDEKS
Journal of Mechanical Engineering	Scopus
Asia Pasicfic Management Acounting Journal	ERA
Malaysia Accounting Review	ERA
Scientific Research Journal	MYCITE
Social and Management Research Journal	MYCITE
ESTEEM Academic Journal	MYCITE
International Journal of Electrical and Electronics Systems Research	MYCITE
Malaysia Journal of Sport Science and Recration	MYCITE
Journal of Creative Practice In Languange Learning And Teaching	MYCITE

3.5.3 Ketampakan Melalui Portal, Buletin dan Video Penyelidikan

Ranking Webometrics merupakan salah satu penunjuk kepada ketampakan akademik UiTM selain daripada penarafan antarabangsa seperti *QS Ranking* dan *Time Higher Education*. Kedudukan semasa UiTM di dalam *Ranking Webometrics* menunjukkan terdapat ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian.

i. Pengukuhan Pangkalan Data *Google Scholar, Research ID, ORCID* dan *Scopus*

Salah satu pendekatan yang paling mudah dan pantas adalah melalui penglibatan warga akademik UiTM di dalam pengkalan data penyelidikan global seperti *Google Scholar, Research ID, ORCID* dan *Scopus* yang dikawal secara langsung oleh penyelidik terhadap kesahihan data dangabungan kepelbagaian variasi nama penyelidik dan afiliasi UiTM. Sepanjang 2016, IRMI telah bergerak ke setiap Fakulti dan Kampus Cawangan untuk menyampaikan taklimat berkaitan pengkalan data penyelidikan tersebut. Kempen berterusan melalui Pejabat Timbalan Dekan dan Timbalan Rektor PJI diteruskan dari masa ke semasa. Kerjasama pintar di antara IRMI dan PTAR telah terjalin bagi anjuran bengkel penulisan, taklimat dan mewujudkan sudut penerbitan UiTM di PTAR1 dan PTAR kampus cawangan.

ii. Pengukuhan Pangkalan Data *Google Scholar, Research ID, ORCID* dan *Scopus*

Dalam usaha meningkatkan ketampakan akademik UiTM melalui penerbitan berindeks, IRMI telah mengambil inisiatif langganan *CrossRef*. *CrossRef* merupakan agensi pendaftaran rasmi *digital object identifier* (DOI) bagi penerbitan ilmiah serta profesional, termasuk jurnal, buku dan lain-lain bahan penerbitan (bagi 5322 penerbit dan persatuan di seluruh dunia). Melalui inisiatif ini akan menjadi pemudahcara kepada penyelidik dalam mendapatkan jaringan rujukan disamping membawa jurnal terbitan UiTM ke jaringan antarabangsa melalui *CrossRef DOI*.

Selain daripada itu IRMI juga telah melanggan Portal Expert Pure sebagai salah satu inisiatif meningkatkan ketampakan akademik penyelidik UiTM dan hasilan penyelidikan di peringkat global. Portal ini juga menjadi pemudahcara kepada keterbukaan dan peluang kerjasama kepakaran UiTM kepada komuniti dan antarabangsa. Melalaui langganan pertama Portal Expert Pure, seramai 1500 penyelidik utama telah disenaraikan dengan jumlah hasilan yang direkod sehingga 31 Desember 2016 adalah sebanyak 13,606 artikel di dalam pengkalan data *Scopus*. Rujukan boleh dibuat melalui laman web https://uitm.pure.elsevier.com/en/.

iii. Hasilan Video dan Buletin Penyelidikan

Dalam mengetengahkan penyelidikan UiTM di peringkat dunia beberapa projek penyelidikan yang berpotensi dan artikel penyelidikan UiTM telah disiarkan di dalam majalah *Asia Research News* dan laman sesawang rasmi *ResearchSEA* (http://www.researchsea.com/). Justeru, majalah ini merupakan salah satu wadah untuk mempromosikan hasil penyelidikan UiTM pada industri luar negara. Tambahan lagi, majalah ini juga boleh dibaca secara atas talian dan boleh diakses oleh ahli akademik dari seluruh dunia.

Rajah 3.23
Muka Hadapan Asia Research News 2015 dan 2016

Research Success Story merupakan satu video yang telah dihasilkan oleh Pereka Grafik IRMI dengan kerjasama UIEP dan COE yang berkenaan. Video telah diserahkan kepada pihak KPT atas permintaan mereka. Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) sendiri telah memandu video impak penyelidikan bersiri yang diminta daripada KPT dengan kerjasama Fakulti Filem,Teater dan Animasi (FITA). Video ini akan dihebahkan melalui media tertentu bagi menonjolkan impak penyelidikan UiTM pada tahun 2017.

3.5.4 Kedudukan UiTM di Malaysia dan Dunia

Jadual 8 dan 9 menunjukkan kedudukan yang dicapai oleh UiTM berdasarkan Webometrics dari tahun 2012 hingga 2016 di Malaysia dan dunia. Kedudukan ketampakan dan aktiviti open access UiTM di mata dunia semakin meningkat dari tahun 2014 hingga 2016.

Jadual 3.8: Kedudukan UiTM di *Webometrics* 2014-2016 (www.webometrics.info)

	World Rank			University	Presence Rank			Impact Rank			Openness Rank			Excellence Rank		
	2016	2015	2014		2016	2015	2014	2016	2015	2014	2016	2015	2014	2016	2015	2014
1	404	461	668	UM	381	602	1446	631	1165	1773	549	253	325	305	379	452
2	467	522	547	USM	350	985	701	781	1097	1421	400	574	261	438	421	442
3	490	517	509	UTM	167	95	273	914	1480	1210	664	166	79	427	525	765
4	607	589	510	UPM	364	174	61	1162	1693	1668	929	731	136	490	483	591
5	609	703	762	UKM	247	772	1262	1119	1873	1826	710	682	547	568	526	601
6	**829**	**882**	**948**	**UiTM**	**334**	**121**	**169**	**1144**	**2151**	**2469**	**1499**	**445**	**461**	**967**	**1062**	**1319**
7	1004	1188		UNITEN	818	1751		586	1386		2182	2223		1745	1609	
8	1254	1486	1462	IIUM	1015	819	1202	2333	3827	4008	947	909	445	1470	1372	1653

Jadual 3.9: Kedudukan UiTM di Webometrics (www.webometrics.info)

UiTM Ranking	World	Asia	SE Asia	Malaysia
2012	632	111	18	5
2013	845	197	23	5
2014	948	227	26	6
2015	882	183	21	6
2016	829	170	15	6

3.6 Kecemerlangan Bakat

Sejajar dengan peningkatan geran universiti, swasta dan antarabangsa, bilangan Ketua Penyelidik UiTM juga meningkat kepada 1,851 orang berbanding seramai 1,590 orang pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 16.42%. Kejayaan ini jelas menunjukkan bahawa lebih ramai warga akademik mengambil serius akan budaya penyelidikan yang diterapkan di UiTM. Rajah 24 menunjukkan pola peningkatan bilangan Ketua Penyelidik dan Ahli Kumpulan Penyelidikan di UiTM sejak tahun 2006 sehingga 2016. Data di amabil sehingga 31 Disember 2016.



Tempoh	Ketua Penyelidik	Ahli Penyelidik
2007 - 2011	5,428	5,343
2012 - 2016	10,270	7,127
% peningkatan	89.20	33.33

Rajah 3.24
Bilangan Penyelidik Aktif di UiTM dari tahun 2006-2016

Selain daripada peningkatan Penyelidik utama dan ahli penyelidik, melalui geran penyelidikan juga mampu melonjak hasilan bakat dikalangan pembantu penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA). Rajah 25 menunjukkan peningkatan dalam bilangan RA dan GRA dari tahun 2012 sehingga 2016. Manakala Rajah 26 menunjukkan pecahan RA dan GRA bagi

tahun 2015 dan 2016. (Nota: Data 2012 sehingga 2014 ialah pendaftaran RA dan GRA secara manual. Manakala pendaftaran RA dan GRA bagi tahun 2015 dan 2016 ialah melalui sistem IRMIS). Penggunaan system secara automasi telah menjadikan proses pengurusan penyelidikan lebih efektif disamping pengumpulan data yang lebih tersusun.



Rajah 3.25
Jumlah Bakat (Pembantu Penyelidik) yang Berdaftar di Bawah IRMI



Rajah 3.26
Agihan Bakat mengikut kategori Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) bagi Tahun 2015-2016.

3.7 Penjanaan Pendapatan melalui Perundingan Kepakaran

Pada tahun 2016, aktiviti perundingan yang dijalankan di UiTM masih lagi berjalan seperti biasa. Walaupun dihimpit dengan kekangan keadaan ekonomi semasa, namun pencapaian perolehan projek masih lagi di tahap yang memberangsangkan.



Rajah 3.27
Perolehan Projek Mengikut Sektor Pelanggan

IRMI melalui Unit Perundingan RMC menyelia perolehan projek dalam kategori pemberian perkhidmatan profesional, uji bahan, latihan profesional dan penyelidikan kontrak. Secara keseluruhannya, perolehan projek pada tahun 2016 sehingga bulan Disember adalah sebanyak kira-kira RM8.3 juta dengan bilangan projek sebanyak 220 buah. Perolehan projek adalah hasil daripada kepercayaan yang diperolehi di kalangan pelanggan daripada sektor swasta, kerajaan, badan berkanun, luar negara dan hasil projek dalaman. Rajah di bawah menunjukkan carta projek mengikut sektor pelanggan.

Berdasarkan rajah di atas, ternyata kepakaran warga UiTM mendapat kepercayaan yang tinggi di kalangan pelanggan daripada sektor swasta. Ini dapat dibuktikan dengan penganugerahan projek sebanyak 148 buah dengan nilai kira-kira RM4.6juta, diikuti oleh pelanggan daripada sektor kerajaan sebanyak RM2.8juta dengan 47 buah projek.



Rajah 3.28
Perolehan Mengikut Jenis Projek

Perolehan projek juga dibahagikan kepada projek penyelidikan kontrak dan lain-lain jenis projek perundingan. Secara purata, perolehan projek di bawah kategori perundingan seperti pemberian perkhidmatan profesional, uji bahan, latihan profesional merangkumi 50% daripada nilai perolehan keseluruhan di bawah penyeliaan Unit Perundingan. Walau bagaimanapun, bilangan projek adalah melebihi 80% daripada bilangan keseluruhan perolehan projek di bawah Unit Perundingan. Nilai projek tersebut adalah sebanyak kira-kira RM4juta dengan bilangan projek sebanyak 179 buah. Rajah di bawah menunjukkan perolehan projek perundingan mengikut jenis dan tidak termasuk penyelidikan kontrak.

Perolehan penyelidikan kontrak di bawah seliaan Unit Perundingan untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM4.3juta yang diwakili oleh kira-kira 41 buah projek. Kepakaran UiTM masih lagi mendapat tempat di kalangan pihak swasta dengan penganugerahan kira-kira 24 buah projek dengan nilai anggaran RM1.9juta. Ini diikuti dengan projek daripada sektor kerajaan sebanyak 10 buah projek dengan nilai RM1.7juta. Seterusnya diikuti dengan projek daripada badan berkanun dan lain-lain organisasi. Rajah di bawah menunjukkan pencapaian perolehan projek penyelidikan kontrak untuk tahun 2016.



Rajah 3.29
Perolehan Penyelidikan Kontrak untuk Tahun 2016

Sebagai kesimpulan, pencapaian perolehan projek untuk tahun 2016 masih di tahap yang boleh dibanggakan dengan mengambil kira faktor ekonomi yang tidak menentu. IRMI sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi aktiviti penjanaan pendapatan bagi menghadapi cabaran untuk tahun 2017. Terdapat beberapa strategi yang telah dirancang dan diharapkan dapat membantu universiti pada masa akan datang.

3.8 Ekosistem Inovasi dan Pengkormesilan

Rajah 3.30
Shift 7 of Malaysia Education Blue Print

3.8.1 Inovasi

Penganjuran pertandingan *Invention, Innovation and Design Exposition* (IIDEX) merupakan program tahunan IRMI dalam usaha mewujudkan ekosistem inovasi di kalangan warga UiTM, industri dan masyarakat. Pada tahun 2016 IIDEX 2016 merupakan penganjuran kali ke-12 dengan jayanya diadakan pada 20 hingga 23 September 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. *Bertemakan "Revving Innovation Soaring Commercialisation"*, IIDEX2016 lebih fokus terhadap penghasilan ciptaan atau inovasi yang memenuhi kehendak pasaran dan memberi impak kepada masyarakat serta negara seterusnya dapat dikomersialkan sehingga ke pasaran global.

Secara keseluruhan, sebanyak 745 peserta dari pelbagai sektor seperti Universiti Awam & Swasta, Institusi Pengajian Tinggi (Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Kemahiran), Institusi Penyelidikan dan sekolah-sekolah telah menyertai pertandingan yang menawarkan hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 25,000 ini.

IIDEX2016 turut dimeriahkan melalui sesi perkongsian ilmu dan pengalaman oleh ikon-ikon terkemuka tempatan seperti Azmeer (Komposer Lagu), Faizal Hamid (Pereka Fesyen), serta industri yang terlibat di dalam bidang pembangunan, penyelidikan & pengkomersialan (R&D&C).

Selain itu, bagi meningkatkan visibiliti penyelidik UiTM ke persada antarabangsa, UiTM melalui RIBU (IRMI) turut menyediakan platform kepada para penyelidik bagi menyertai pertandingan inovasi yang diiktiraf oleh MyRA.

Pada tahun 2016, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menghantar 30 penyertaan produk/ teknologi/rekacipta di *27th International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2016* (ITEX 2016) yang telah diadakan pada 12-14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Kontinjen UiTM berjaya meraih 17 pingat emas, 9 pingat perak dan 3 pingat gangsa di dalam pertandingan tersebut. Turut membanggakan apabila dua (2) penyelidik UiTM menerima Anugerah Khas iaitu di dalam ITEX 2016 iaitu:

i. ***Asian Invention Excellence Award 2016:***

YBhg Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid dan Mohibah Musa bagi rekacipta bertajuk *"Non Catalytic Reaction in Methyl Ester Production from Crude Palm Oil (CPO)";*

ii. ***The Japan Intellectual Property Association Award (Best Invention in Biotechnology):***

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Zaki Salleh, Prof. Dr. Teh Lay Kek, Mohd Nur Fakhruzzaman Noorizhab dan Dr. Mohamad Izwan Ismail melalui rekacipta *"Pharmacodiagnostics of HLA-B*15:02 for Precision Medicine". HLA-B*15:02;*

UiTM juga tidak ketinggalan untuk menyertai pertandingan*Bioeconomy Innovation Awards 2016* (BIA 2016) yang diadakanbersempena BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2016 pada 31 Mei 2016 hingga 2 Jun 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Secara keseluruhan, BIA 2016 mempunyai 4 kategori ciptaan yang dipertandingkan iaitu *Agriculture/Agro-Based Industry, Bio-Industrial Technology, Healthcare & Wellness* dan *Green & Renewable Technology* serta 3 Anugerah Khas iaitu *Bioeconomy of the Year, Most Innovative Technology*dan *Most Promising Innovation.*

3.8.2 Pengkomersialan Produk dan Teknologi

Pengkomersialan merupakan suatu proses yang kompleks dan mencabar khususnya antara fasa pra-pengkomersialan dan pengkomersialan disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekangan kewangan, persaingan dengan produk sedia ada, persepsi kualiti dan penerimaan oleh pengguna, pematuhan kawal selia, pertikaian hak harta intelek dan sebagainya.

Justeru, sebagai sebuah pusat pemindahan teknologi dan pengkomersialan di UiTM, RIBU (IRMI) menyediakan dana dalaman bagi membantu penyelidik melancarkan proses perlaksanaan setiap fasa di dalam ekosistem pengkomersialan universiti.

Geran *Synergised Industry - Experimenter Research GrantInitiative* (SInERGI) telah diperkenalkan sejak tahun 2013 bagi membantu penyelidik UiTM membuat penambahbaikan terhadap produk/ teknologi yang dibangunkan sebelum dikomersialkan ke pasaran luar. Pada tahun ini, tujuh (7) penyelidik telah ditawarkan geran SInERGI dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM311,750.

Bagi melonjakkan skor MyRA universiti, RIBU juga sentiasa peka terhadap keperluan untuk menjana pendapatan melalui pengkomersialan produk/teknologi yang dihasilkan berdasarkan bidang kepakaran penyelidik. Pelbagi inisiatif dan usaha telah dijalankan bagi meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak industri seperti jerayawara, bengkel harta intelek dan pengkomersialan kepada fakulti dan cawangan serta khidmat rundingan secara berterusan di dalam bidang harta intelek dan pengkomersialan.

Ini adalah selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri di dalam Pembentangan Bajet 2016 yang mengisytiharkan bahawa tahun ini merupakan Tahun Pengkomersialan Malaysia.Sehingga Disember 2016, UiTM telah berjaya memeterai empat (4) perjanjian pengkomersialan dengan industri berikut:

Jadual 3.10: Senarai Perjanjian Pengkomersialan Yang Dimeterai Tahun 2016

PERJANJIAN & PENYELIDIK	TEKNOLOGI / PRODUK& AMAUN (RM)	TARIKH TANDATANGAN & TEMPOH PERJANJIAN
Perjanjian Perlesenan UiTM Innovation Sdn. Bhd. dengan Ara Borgstena Sdn. Bhd. (Dr. Mohd Rozi Ahmad (FSG) UiTM Shah Alam Selangor	*Improvement to Songket Quality and Productivity Using Jacquard Technology* Fi Perlesenan: RM25,000 Royalti: 3% - 7% (jualan kasar)	25 Mac 2016 3 tahun
Perjanjian Perlesenan UiTM Innovation Sdn. Bhd. dengan Ablelogic Technologies. (PM Dr. Ahmad Asari, FKE) UiTM Shah Alam Selangor	*Easy Access Attendance Management System (EAMS)* Fi Perlesenan: RM4,000 per unit	27 Mei 2016 2 tahun
Perjanjian Perlesenan UiTM Innovation Sdn. Bhd. dengan Creative Design Centre (CDC) (Dr. Muhamad Abdul Aziz Ab Ghani, (FSSR) UiTM Seri Iskandar, Perak	Sayangi Pemimpin Kita Fi Perlesenan: RM3,000.00 setahun Perlesenan *TM*: RM1,000.00 setahun Royalti: 5% (jualan bersih)	11 Nov. 2016 2 tahun + 1 tahun
Perjanjian Perlesenan UiTM Innovation Sdn. Bhd. dengan Jauhar Energy Sdn. Bhd. (Prof. Dr. Ku Halim, FKK) UiTM Shah Alam Selangor	*Biodiesel* Fi Perlesenan: RM1 juta Royalti: 3% (jualan bersih)	16 Dis. 2016 5 tahun



Rajah 3.31

Statistik Perolehan Geran PPRN UiTM 2016

Sepanjang tahun 2016, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan 424 permasalahan industri melalui untuk diselesaikan oleh penyelidik universiti melalui penawaran geran *Public Private Research Network* (PPRN). Daripada jumlah tersebut, UiTM telah menghantar lebih 168 cadangan penyelesaian terhadap permasalahan dikemukakan (data sehingga Disember 2015). Sehingga Disember 2015, 33 projek dari UiTM telah ditawarkan geran PPRN dengan jumlah keseluruhan RM 1,120,141.

3.8.3 Harta Intelek

Pada tahun ini, UiTM telah berjaya menfailkan 6 paten, 3 pembaharuan utiliti (UI) manakala 3 lagi paten telah diwartakan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Selain itu, UiTM telah membuat 546 notifikasi hak cipta di MyIPO (bagi denominator MyRA) dan 25 Akuan Bersumpah (bagi permohonan dari cawangan/ bukan denominator MyRA). Ringkasan adalah seperti di bawah:

Rajah 3.32

Statistik Harta Intelek UiTM 2016

3.9 Pemantapan Sistem Pemantauan, Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan Yang Efektif

Usaha merealisasikan agenda penyelidikan dan inovasi UiTM, tidak akan tercapai sekiranya universiti gagal menyediakan kemudahan bagi memudahcara proses dan operasi sesuatu geran penyelidikan serta memantau setiap aktiviti sehingga mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh pembiaya geran. IRMI mengambil langkah yang proaktif pada tahun 2016 bagi memastikan setiap perolehan geran yang telah diperuntukkan diuruskan dengan berkesan dan amanah. IRMI telah komited memastikan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) memberikan focus utama kepada pemantapan sistem pengurusan dan pemantauan yang efektif, serta pemantapan sistem perkhidmatan penyelidikan dan penyampaian.

3.9.1 Pemantapan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Yang Efektif

IRMI mengambil pendekatan yang proaktif dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan diantara penyelidik dan pentadbir penyelidikan. Ini amat penting kerana pengurusan geran penyelidikan melibatkan kepelbagaian garis panduan mengikut jenis geran dan pembiaya disamping peraturan kewangan universiti yang perlu difahami oleh setiap penyelidik. Oleh demikian IRMI telah merangka strategi berikut di sepanjang tahun 2016.

i. Siri Jelajah Pemantauan Penyelidikan

Pada tahun 2016, IRMI telah merangkakan siri jelajah pemantauan penyelidikan ke setiap Fakulti, Akademi, Pusat Pengajian dan UiTM Cawangan. Semasa siri jelajah ini, IRMI mengambil peluang untuk memberikan sesi taklimat berkenaan halatuju penyelidikan dan garis panduan pengurusan penyelidikan. Ia juga merupakan ruang untuk membantu para penyelidik mengenai pengurusan kewangan geran, prestasi, dan pencapaian KPI penyelidikan dalam penghasilan penerbitan berimpak tinggi dan kecemerlangan bakat.

Siri jelajah pematauan penylidikan juga meningkatkan komunikasi dua hala di antara penyelidik, pelajar siswazah dan pentadbir penyelidikan. IRMI turut menerima maklum balas dari para penyelidik mengenai cabaran penyelidik semasa menjalankan penyelidikan, kefahaman garis panduan geran dan memahami prosedur kewangan dengan baik. Input yang diterima akan dianalisa dan dibawa kepada mesyuarat tertinggi (Pengurusan IRMI dan METPI) untuk dibincangkan.

ii. Pengurusan Geran Atas Talian

UiTM sebagai sebuah univerisiti mega dengan jumlah penyelidik menghampiri 3500 orang dan jumlah kumulatif geran meghampiri RM 500 juta sehingga 31 Disember 2016,

memerlukan penggunaan sistem automasi atas talian bagi membantu pengurusan geran yang lebih efektif.

Pelaporan kemajuan projek dihantar oleh penyelidik secara atas talian menggunakan sistem iRMIS dan MyGrant (Geran KPT). IRMI akan akan menyemak setiap laporan yang dihantar dan merekodkan kemaskini ke dalam sistem iRES dan sistem Xythos. Notis penerimaan laporan akan diterima terus oleh penyelidik melaui email diikuti surat penerimaan (laporan akhir sahaja) dalam tempoh dua minggu selepas laporan diterima.

Sebagai langkah persediaan awal, IRMI akan mengeluarkan tiga (3) notis melalui system automasi email mengenai penghantaran *progress report* dan *final report* pada dua bulan, sebulan dan 2 minggu sebelum tarikh tamat projek berdasarkan jadual penghantaran laporan geran seperti Jadual 11 di bawah. Rajah 31 – 36 menunjukkan status geran penyelidikan sehingga 31 Disember 2016.

Jadual 3.11: Penghantaran laporan prestasi penyelidikan kepada pihak pembiaya

GERAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
RAGS		15-Feb						15-Ogos				
FRGS		15-Feb						15-Ogos				
ERGS		15-Feb						15-Ogos				
LRGS		15-Feb						15-Ogos				
NRGS		15-Feb						15-Ogos				
PRGS		15-Feb						15-Ogos				
RACE						1-Jun						1-Dis
SF	31-Jan						31-Jul					
MOA	Mengikut milestone (bulan ke 3, 6, 9,12)											
NANOTECH	Mengikut milestone (bulan ke 4, 8,12)											

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah memberikan maklumat bahawa Pewujudan Klausa Penalti. Berikut adalah klausa yang diterangkan oleh Kementerian:

(a) Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.

(b) Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu. (Untuk TRGS, penalti akan dikenakan terhadap Ketua Program dan semua Ketua Projek). Sehubungan itu, Unit Pemantauan Penyelidikan akan melaksanakan pemantauan kepada penyelidik sejajar dengan klausa yang diamanahkan kepada RMC daripada KPT.



Rajah 3.33
Status Projek Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi



Rajah 3.34
Status Projek Penyelidikan MOSTI



Rajah 3.35
Status Projek Penyelidikan Kebangsaan

Rajah 3.36
Status Projek Penyelidikan Swasta



Rajah 3.37
Status Projek Penyelidikan Antarabangsa



Rajah 3.38

Status Projek Penyelidikan Universiti Teknologi MARA

iii. Konsultasi dan Khidmat Nasihat Penyelidikan

a. Bengkel Pemerkasaan Penyelidikan

Salah satu KPI geran penyelidikan adalah memastikan perbelanjaan geran dilakukan sehingga 60% pada tahun pertama agihan dana. Usaha mencapai sasaran tersebut, IRMI telah mengadakan dua (2) siri Bengkel Pemerkasaan Penyelidikan. Bengkel ini diwajibkan kepada penyelidikan yang telah dikenalpasti gagal mencapai KPI kewangan penyelidikan sebanyak 50% selepas setahun penyelidikan bermula. Kesan daripada siri bengkel ini, terdapat peningkatan ketara perbelanjaan geran dalam tempoh dua bulan selepas sesi tersebut. Cabaran utama penyelidik adalah untuk memahami garis panduan pengurusan geran dan tatacara kewangan universiti.

b. Konsultasi Penyelidikan

Klinik Pemantauan Penyelidikan diperkenalkan untuk memberi peluang penyelidik untuk hadir berbincang untuk mengenalpasti masalah di dalam proses penyelidikan. Seperti siri jelajah penyelidikan, klinik ini berfungsi mengenalpasti masalah projek penyelidikan secara khusus, supaya dapat diatasi dan tidak mengganggu kelancaran projek dan mencapai KPI yang ditetapkan. Konsultansi penyelidikan tidak dihadkan kepada sesi ini secara bersua muka, tetapi boleh dilakukan secara panggilan telefon dan e-mail peribadi. Melalui mesyuarat Pengurusan Penyelidikan (JKPeP), penyelidik yang tidak mencapai KPI dikenalpasti untuk dipanggil bagi sesi temubual tersebut.

3.9.2 Pemantapan Sistem Perkhidmatan Penyelidikan dan Penyampaian

Usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan di dalam pengurusan penyelidikan dan inovasi memerlukan kepada sistem penyampaian dan perkhidmatan yang efektif. Sebagai langkah proaktif, IRMI telah merangka strategi pemantapan sistem penyempaian dan perkhidmatan di bawah penyelenggaraan Unit ICT, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

Sehingga tahun 2016, IRMI telah membangunkan sebanyak enam (6) sistem utama IRMI secara dalaman dan tiga (3) dengan kerjasama Pejabat Infrastruktur dan Infostruktur UiTM. Setiap sistem utama tersebut mempunyai modul-modul tersendiri untuk menyokong aktiviti merekodkan data-data penyelidikan, perundingan, penerbitan dan inovasi pengkomersialan.

Selain sistem aplikasi, IRMI turut membangunkan dan menyelenggara laman sesawang IRMI dengan kerjasama daripada Pejabat Infrastruktur dan Infostruktur UiTM. Unit ICT, Pusat Pengurusan Penyelidikan bertanggungjawab memastikan maklumat yang jelas dan terkini dapat disampaikan kepada pelanggan IRMI.

IRMI juga bertanggungjawab menguruskan perolehan peralatan ICT di bawah peruntukan geran penyelidikan, yang diletakkan di bawah tadbir urus Jawatankuasa IT dan Elektronik Penyelidikan (JITEP).

3.10 Program Berimpak Tinggi

3.10.1 IIDEX

Pemakluman berkenaan *Invention Innovation Design & Exposition 2016* (iidex2016)

i. I*nvention Innovation Design & Exposition 2016* (iidex2016) telah berlangsung pada 20 - 23 September 2016 bertempat di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

ii. Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh **YB Datuk Mary Yap Kain** Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT).

iii. Sebanyak **Produk 745 teknologi** telah menyertai iidex2016**.** Butiran adalah seperti berikut:

Jadual 3.12: Senarai Penyertaan (Kategori)

Kategori Pertandingan IIDEX 2016	Jumlah Produk
Inventor	481
Young Inventor	158
Junior Inventor	106
Jumlah Keseluruhan	**745**

Secara keseluruhan, pertandingan ***iidex2016*** ini berlangsung dengan baik dan lancar. Program yang diadakan pada setiap tahun ini juga banyak memberi faedah dan manfaat serta berimpak tinggi kepada para peserta, pihak industri, para pelajar, staf dari pihak UiTM malah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada penyertaan insitusi pengajian luar yang terdiri daripada Universiti Awam dan Swasta, IPTA, IPTS, Kolej, Sekolah Menengah Kebangsaan juga Sekolah Rendah Kebangsaan.

3.10.2 *International* CSSR 2016

Pemakluman berkenaan 3rd International Conference on Science & Social Research 2016

i. 3rd International Conference on Science & Social Research 2016 telah dilaksanakan pada 6 – 7 Disember 2016 bertempat di *The Everly Hotel,* Putrajaya.

ii. Konferen ini berjaya menarik minat seramai 281 pembentang. Kesemua manuskrip yang dibentangkan akan diterbitkan di *Pertanika Journal of Science & Technology* (JST), *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Science Research Journal* (SRJ) dan *Science Management Research Journal* (SMRJ).

iii. CSSR2016 merangkumi tiga (3) bidang iaitu - i) *Engineering, Science & Technology*, ii) *Clinical & Health Sciences* dan iii) *Arts, Humanities & Social Sciences* dan berjaya merekodkan sebanyak 330 manuskrip di terima daripada pelbagai institusi untuk diterbitkan. Berikut adalah butiran bilangan manuskrip yang diterima.



Rajah 3.40
Ringkasan Institusi / Industri bagi Manuskrip CSSR 2016



Rajah 3.41
Ringkasan Keseluruhan Permohonan Manuskrip CSSR 2016

3.10.3 MeTPI

Pemakluman berkenaan Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bersama Timbalan Dekan (PJI) Dan Timbalan Rektor Kampus (PJI) (MeTPI).

i. MeTPI terhasil daripada keputusan Mesyuarat Penyelidikan Universiti (MPU) pada 13 Ogos 2014 yang lalu di mana pihak Universiti merasakan perlu ada satu medium atau platform untuk merancang dan membincangkan isu-isu berkaitan Penyelidikan & Inovasi.

ii. MeTPI dipersetujui untuk diadakan 2 kali setahun yang melibatkan semua Timbalan Dekan (PJI), semua Timbalan Rektor (PJI), semua Pengarah HiCoE/CoE, semua Pengarah CoRe, Pengarah RMC, Pengarah RIBU dan keseluruhan entiti yang terlibat

secara langsung dengan penyelidikan dan inovasi. Medium ini menjadi landasan kepada semua Fakulti dan Kampus Cawangan untuk menyelesaikan isu, masalah berkaitan penyelidikan, di samping ia dijadikan platform penyaluran maklumat berkaitan dengan inisiatif penyelidikan dan inovasi.

iii. Buat julung kalinya mulai MeTPI-5, IRMI menyampaikan beberapa anugerah bagi pencapaian aktiviti penyelidikan tahun 2016 mengikut kategori berikut:

Jadual 3.13 : Tajuk Isu MeTPI-5

1. Kategori Fakulti Teraktif Permohonan Geran	
Pertama	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Kedua	: Fakulti Sains Gunaan
Ketiga	: Fakulti Pengurusan Perniagaan
2. Kategori Kampus Teraktif Permohonan Geran	
Pertama	: Kampus UiTM Melaka
Kedua	: Kampus UiTM Pulau Pinang
Ketiga	: Kampus UiTM Perak
3. Kategori Fakulti Teraktif Penyelidikan	
Pertama	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Kedua	: Fakulti Sains Gunaan
Ketiga	: Fakulti Perubatan
4. Kategori Kampus Teraktif Penyelidikan Penyelidikan	
Pertama	: Kampus UiTM Pulau Pinang
Kedua	: Kampus UiTM Perak
Ketiga	: Kampus UiTM Johor
5. Kategori Fakulti Teraktif Penerbitan Penyelidikan	
Pertama	: Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Kedua	: Fakulti Sains Gunaan
Ketiga	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
6. Kategori Kampus Teraktif Penerbitan Penyelidikan	
Pertama	: Kampus UiTM Pulau Pinang
Kedua	: Kampus UiTM Terengganu
Ketiga	: Kampus UiTM Johor

3.11 Pengurusan Kewangan Penyelidikan

Pejabat Bendahari, UnitKewangan Zon 17(UKZ 17) merupakan satu unit penting dalam sistem pengurusan kewangan penyelidikan dan perundingan Universiti yang berperanan besar sebagai pemangkin kepada kemampanan pembangunan Universiti dari aspek memberi perkhidmatan teras iaitu **Pengurusan dan Penyampaian Perkhidmatan Kewangan Universiti Teknologi MARA.**

3.11.1 Misi

Mengendalikan khidmat pengurusan kewangan yang cekap, tepat dan bertanggungjawab selaras dengan objektif dan misi Universiti Teknologi MARA dalam memenuhi kehendak '***stake holder'***.

3.11.2 Objektif

Mencapai pengurusan kewangan terbaik dalam meningkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan serta menepati polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh ***'stake holder'*** Universiti Teknologi MARA.

3.11.3 Struktur dan Fungsi

Terbahagi kepada 4 fungsi pengurusan kewangan :

i. Pengurusan Wang
ii. Pengurusan Perolehan & Kawalan Harta Benda
iii. Pengurusan Projek
iv. Pengurusan Akaun & Belanjawan

i. Pengurusan Wang

a. Penerimaan

Merancang, mengurus, mengawal dan memastikan semua urusan penerimaan bagi pihak UiTM dilaksanakan mengikut prosedur, direkodkan dengan sempurna, disimpan dengan selamat dan dikreditkan ke dalam akaun bank menurut polisi, arahan yang ditetapkan serta mematuhi kehendak ***'stake holder'*** Universiti Teknologi MARA.

b. Bayaran Pelbagai dan Kakitangan

Merancang, mengurus, mengawal dan memastikansegala pembayaran kepada pembekal/ kontraktor, bayaran gaji staf kontrak & pembantu penyelidik (RA), bayaran elaun GRA, honorarium, bayaran pendahuluan pelbagai & perjalanan, tuntutan pelbagai & perjalanan, tuntutan lebih masa dsbnya menurut prosedur dan arahan yang ditetapkan serta mematuhi kehendak ***'stake holder'*** Universiti Teknologi MARA.

ii. Pengurusan Perolehan & Kawalan Harta Benda

a. Perolehan

Mengawal selia proses perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan dalam penyediaan pesanan tempatan samada perolehan melalui Tender, Sebutharga Resmi, Pembelian Terus atau Rundingan Terus adalah mematuhi polisi, peraturan dan kehendak ***'stake holder'*** Universiti Teknologi MARA.

b. Harta Benda (Aset dan Inventori)

Mengawal selia tugasan kawalan dan mengemaskini rekod harta benda (aset dan nventori) serta mematuhi polisi, peraturan dan kehendak ***'stake holder'*** Institut Teknologi MARA.

iii. Pengurusan Projek

- Mendaftar kod projek bagi setiap geran penyelidikan berdasarkan setiap pembiaya geran seperti geran dari KPT, MOSTI, Agensi Luar, Antarabangsa dan geran Dalaman UiTM.
- Membuat bayaran pindahan geran ke setiap UiTM Cawangan sepertimana arahan dari pengurusan IRMI berdasarkan di mana penyelidik itu berada untuk mengendalikan penyelidikan.
- Merekod semua perbelanjaan bagi setiap geran penyelidikan dan mengemaskini rekod geran penyelidikan melalui sistem IRES IRMI.
- Memberi maklumat kewangan berkaitan perbelanjaan setiap geran penyelidikan dalam penyediaan Laporan MyRA KPT.
- Mengemaskini dan mengesahkan semua perbelanjaan kewangan atas tujuan penamatan projek.

iv. Pengurusan Akaun & Belanjawan

- Mengurus, mengawal selia dan urusan penutupan akaun setiap tahun bagi akaun yang disatukan Kumpulan Wang Penyelidikan (RD) dan Kumpulanwang Perundingan (KP) untuk dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akaun, Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi MARA.
- Menyediakan dan mengawal selia perbelanjaan bajet pengurusan (SA) bagi pengurusan IRMI.

BAB4.0

JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMI (ICAN)

4.1 Pengenalan

Semenjak penubuhannya pada tahun 2007, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN) telah melalui beberapa fasa transformasi yang melibatkan perubahan struktur organisasi dan tadbir urus jabatan yang berjaya meningkatkan perhubungan dan jalinan kerjasama universiti-industri-masyarakat-alumni.

Selaras dengan inisiatif 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni telah memainkan peranan yang amat penting dalam membantu universiti mencapai beberapa lonjakan-lonjakan yang berkaitan khususnya pada **Lonjakan 1** – **Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang**, **Lonjakan 2** – **Kecemerlangan Bakat, Lonjakan 5 – Kemampanan Kewangan** dan juga **Lonjakan 7 – Ekosistem Inovasi**.

Berteraskan kepada lonjakan-lonjakan di atas serta peranan yang telah dipertanggungjawabkan oleh universiti kepada ICAN sepanjang tahun 2016, ICAN telah memberikan tumpuannya sebagai pemangkin kepada pelbagai bentuk perkongsian pengetahuan baharu, kefahaman, kepakaran, nasihat perundingan dan penyelidikan antara akademia dengan pihak industri, masyarakat dan juga pemegang taruh lain termasuk para Alumni.



4.2 Hala Tuju Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni

ICAN bertindak ke arah usaha mempertingkatan keberkesanan peranan universiti kepada industri dan masyarakat serta memastikan program yang dianjurkan berimpak tinggi dan selaras dengan visi UiTM.

ICAN telahpun berjaya memberi nilai tambah kepada pembangunan industri, masyarakat dan universiti menerusi perkongsian dan pengembelengan kepakaran, pemindahan ilmu selain menjayakan agenda tanggungjawab sosial khususnya oleh para akademia dan graduan universiti.

Hubungan strategik ICAN bersama dengan industri juga telah memberi sokongan kepada fungsi universiti menerusi penjanaan pendapatan daripada industri. Contohnya dana melalui endowmen sebanyak RM11.6 juta yang diperolehi oleh ICAN daripada pihak industri telah dapat membantu mempertingkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, pelaburan menerusi komersialisasi produk penyelidikan serta penganjuran latihan kemahiran kepada pelajar dan staf.



Pejabat ICAN bersama tiga lagi bahagian utama (HEA, HEP dan P&I) mempunyai hala tuju dan matlamat yang sama, dalam mencapai visi dan misi universiti. Keempat-empat bahagian utama ini mempunyai matlamat yang sama iaitu menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik dengan penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

4.3 Kejayaan dan Pencapaian ICAN

Melalui penyertaan dan penganjuran pelbagai aktiviti dan program yang berimpak tinggi, ICAN telah berjaya merealisasikan misi organisasi dalam pembangunan dan penyebaran ilmu di antara universiti, industri, masyarakat dan alumni ke arah melestarikan kerjasama pintar untuk manfaat pemegang taruh.

4.3.1 *CEO @ Faculty Programme*

UiTM melalui ICAN telah telibat secara langsung dalam *CEO @ Faculty Programme* yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada semua Universiti Awam seluruh negara.

Pejabat ICAN melalui Pusat Jaringan Industrinya telah dilantik dan diberi kepercayaan menjadi urus setia bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengendalikan Majlis Apresiasi dan Penyampaian Watikah Pelantikan *CEO @ Faculty Programme* Tahun 2016 pada 15 Mac 2016 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

4.3.2 Penerbitan Garis Panduan Hubungan Akademia-Industri UiTM

Pada tahun 2016 juga, Pejabat ICAN menerusi pengembelengan idea Fakulti, Kampus dan juga pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah menghasilkan Garis Panduan Hubungan Akademia-Industri yang telah diluluskan untuk diguna pakai oleh UiTM pada bulan Julai 2016.

Garis panduan ini adalah merupakan panduan kepada Fakulti dan Kampus yang ingin menjalin kerjasama dan kolaborasi bersama pihak Industri. Antara kandungan garis panduan ini adalah berhubung tatacara, prosedur serta ‘SOP’ dalam menjalankan kolaborasi bersama pihak industri

Pencapaian penyediaan garis panduan universiti ini telahpun dicadangkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dijadikan dokumen peringkat nasional dengan kerjasama Pejabat Bahagian Hubungan Industri (BHI) Kementerian Pendidikan Tinggi.

4.3.3 Ikon Alumni

Selaras dengan pencapaian-pencapaian alumni UiTM dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa, UiTM telah mengiktiraf sumbangan mereka melalui penganugerahan Anugerah Ikon Alumni 2016. Penganugerahan ini telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato’ Seri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di dalam majlis kemuncak sambutan pada 14 Oktober 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

4.3.4 Program Transformasi Di Bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS)

National Blue Ocean Strategy (NBOS) adalah satu pendekatan transformasi yang menekankan kepada prinsip impak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan mampan dalam program-program pembangunan negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri.

Berdasarkan kepada strategi ini, UiTM telah menubuhkan *University Community Transformational Center* (UCTC) di bawah fungsi Pejabat ICAN untuk berperanan sebagai sebuah pusat sehenti yang memberi pelbagai perkhidmatan universiti kepada komuniti termasuklah perkongsian idea dari aspek pemindahan ilmu serta kemahiran dan kepakaran.

i. UiTM-MERCY MALAYSIA

Sepanjang tahun 2016, UiTM telah melaksanakan program khidmat masyarakat dengan kerjasama pelbagai pihak.

Banjir besar pada tahun 2014 telah memberi kesedaran kepada warga universiti dan masyarakat berhubung dengan keperluan pengurusan banjir yang lebih mampan. Justeru pada tahun 2016 ICAN telah berusaha dengan kerjasama pelbagai pihak untuk memantapkan pengurusan bencana khususnya pengurusan banjir menerusi program latihan bencana **UiTM-MERCY MALAYSIA.**

Program Latihan Pengurusan Bencana kepada warga staf UiTM dengan kerjasama dan tajaan MERCY Malaysia dan sokongan Bahagian Pengurusan Risiko UiTM telah dilaksanakan dengan jayanya bemula Januari hingga April 2016.

Program ini juga merupakan usaha UiTM dalam membantu masyarakat dan negara ke arah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran serta bersiapsiaga dalam menghadapi bencana alam.



ii. Pasar UCTC KPT

Pasar UCTC KPT merupakan satu platform bagi memasar produk hasil inisiatif universiti serta perkhidmatan yang ada di universiti kepada masyarakat dan telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Seri KSU pada 25 April 2014 di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Objektif Pasar UCTC KPT adalah untuk membentuk dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa seterusnya membantu universiti menjana pendapatan. CNC telah diberi mandat untuk menyelaras penglibatan fakulti ke Pasar UCTC KPT.

Pasar UCTC KPT telah diadakan setiap bulan minggu kedua pada hari Selasa di perkarangan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Persint 5 Putrajaya. Setiap fakulti diberi peluang mengikut giliran untuk menyertai Pasar UCTC KPT.

4.3.5 Program GEP-DPA@NIOSH 2016

Dalam memastikan peratus kebolehpasaran graduan UiTM sentiasa meningkat, Pejabat ICAN telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program GEP-DPA@NIOSH, iaitu sebuah program pensijilan berimpak tinggi yang diiktiraf oleh *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* untuk peningkatan kualiti graduan selain menyediakan mereka dengan kemahiran dan kelayakan tambahan untuk memasuki dunia kerjaya.

Sebagai menyahut saranan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Kementerian Sumber Manusia supaya program '*upskilling & multitasking'* dilaksanakan untuk bakal graduan ataupun '*future workers'*, UiTM telahpun menghantar seramai 91 orang pelajar pada tahun 2016.

4.3.6 Program 3P oleh Prestariang

Program Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability;* GE) UiTM berjaya meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang seterusnya membantu graduan memperolehi pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta bersesuaian dengan keperluan industri.

Salah satu program di bawah Kebolehpasaran Graduan adalah Program 3P yang berbentuk Program Pentauliahan Professional. Pelajar yang mengikuti program ini akan memperolehi sijil penyertaan serta sijil pentauliahan professional yang relevan bagi keperluan industri untuk memenuhi objektif meningkatkan nilai tambah graduan agar dapat memperolehi pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan keperluan industri. Program ini telah dijalankan pada Julai 2016 sehingga September 2016 dengan penglibatan 1,120 pelajar dari enam (6) universiti awam.

Kejayaan UiTM dalam mengungguli pengurusan kewangan secara keseluruhan telah meyakinkan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melantik UiTM melalui Pejabat ICAN sebagai universiti pembayar serta universiti penyelaras program tersebut melalui program yang dikenali sebagai Program 3P yang dikendalikan oleh Prestariang Berhad.

4.4 Program dan Aktiviti

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN) yang merangkumi tiga bahagian utama iaitu Pusat Jaringan Industri, Pusat Jaringan Masyarakat dan Pusat Jaringan Alumni banyak menjalankan program dan aktiviti berimpak tinggi sama ada melalui kerjasama fakulti dan kampus mahupun yang dijalankan sendiri oleh ICAN.

4.4.1 Siri Jelajah Pusat Jaringan Industri ICAN



Pejabat ICAN melalui Pusat Jaringan Industri juga telah menjalankan siri jelajah (Roadtour ICAN) ke fakulti dan kampus seluruh negara bagi tujuan menerangkan peranan dan KPI Pusat Jaringan Industri secara lebih terperinci selain perkhidmatan yang boleh diberikan oleh Pusat Jaringan Industri kepada Fakulti dan Kampus dalam mempertingkatkan jaringan dan hubungan kerjasama bersama industri.

4.4.2 Program Santai Alumni Bersama Naib Canselor UiTM

Program Sua Santai Alumni bersama Naib Canselor yang diadakan pada 7 Mei 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) telah berjaya memperkasakan ekosistem jaringan UiTM dengan kehadiran Alumni lulusan tahun 1960an hingga 2014 seramai 1000 orang dari pelbagai program dan fakulti. Program ini juga telah meningkatkan hubungan kerjasama antara Persatuan Alumni (PAUiTM), Alumni *Chapter* kampus cawangan dan fakulti di seluruh Malaysia.

4.4.3 Perarakan Alumni Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-85

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan warga alumni UiTM kepada kejayaan UiTM, pihak universiti telahpun memberi ruang kepada Pejabat ICAN untuk menghimpunkan dan melibatkan alumni di dalam perarakan Istiadat Konvokesyen di mana pada Istiadat Konvokesyen ke-84 dan 85, seramai 90 orang alumni telah dilibatkan.

Penglibatan alumni di dalam Istiadat Konvokesyen khususnya lulusan dari tahun 60-an dan 70-an telah menerbitkan semangat kesetiakawanan dan kepunyaan terhadap universiti dan secara tidak langsung membantu menghebahkan kehebatan universiti kepada orang awam yang lain.

Program ini juga berjaya membantu ICAN mengemaskini maklumat dan data alumni-alumni 60-an dan 70-an menerusi jaringan mereka.

4.4.4 Sesi Pertemuan Timbalan Naib Canselor ICAN Bersama Persatuan Alumni UiTM

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni telah mengadakan satu perjumpaan dengan Persatuan Alumni Universiti Teknolgi Mara (PAUiTM) pada 27 Oktober 2016.

Pertemuan dan perbincangan telah menghasilkan pertukaran idea dan maklumat bagi memperkukuhkan jaringan alumni UiTM secara menyeluruh. Rancangan penubuhan Federasi PAUiTM adalah antara salah satu persetujuan yang telah dicapai di dalam pertemuan tersebut.

4.4.5 Program Jaringan Bersama CEO

Di dalam usaha untuk meningkatkan hubungan alumni dan UiTM, ICAN telah menganjurkan program yang melibatkan CEO-CEO dalam kalangan alumni untuk berkongsi maklumat, kepakaran dan pengalaman mereka kepada warga universiti.

4.4.6 Program Cahaya Kasih *Challenge*

Program Cahaya Kasih *Challenge* dengan tema "*Generating Awareness Children + Youth = Human Capital Investment"* telah dianjurkan pada 20 Ogos 2016'. Program ini merupakan satu kolaborasi mantap universiti bersama dengan masyarakat dan industri.

4.4.7 Forum: *F-GEN: BE BRAVE, SAY NO, STAY BRAVE*

Forum F-Gen: *Be Brave, Say No, Stay Brave* adalah program usahasama Pusat Transit Remaja kafe@TEEN, Mini UTC Keramat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (LPPKN WPKL) dengan Pusat Jaringan Masyarakat ICAN, yang melibatkan para akademik dan pelajar daripada Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan UiTM.

Forum yang mensasarkan golongan wanita muda, belia dan remaja penghuni Pusat Transit Remaja kafe@TEEN telah diadakan sebanyak 2 sesi dan bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi pandangan bersama remaja dan golongan muda mengenai isu seksualiti dan gejala sosial. Selain itu, forum ini diadakan bagi meningkatkan tahap kesihatan remaja / golongan muda dari aspek fizikal, mental dan sosial serta menyemai nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif bagi mengalakkan perkembangan kesihatan diri dan sosial, fizikal dan mental.

4.5 Penutup

Sebagai sebuah jabatan yang berperanan dalam menggerakkan jaringan dan kerjasama pintar antara universiti dengan pihak industri, masyarakat serta alumni, Pejabat ICAN telah menjalankan serta menjadi pemudahcara program-program utama universiti yang berjaya memberi impak serta nilai yang tinggi sama ada kepada universiti, industri, masyarakat mahupun alumni yang menyertainya.

Menerusi penggabungan satu lagi bahagian yang besar iaitu MASMED ke dalam ICAN, pejabat ini telah memperkemaskan peranannya dalam bidang keusahawanan dan penjanaan pendapatan universiti. Sinergi penstrukturan semula dua (2) bahagian utama yang dahulunya beroperasi secara berasingan akan terus memantapkan pencapaian visi dan misi UiTM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, global, beretika dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

5.

BAB 5.0

AKTIVITI KEUSAHAWANAN

5.1 Pengenalan

Akademi Pembangunan PKS & Keusahawanan Malaysia (Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development atau MASMED) adalah sebuah unit keusahawanan yang ditubuhkan oleh UiTM khusus untuk menjalankan aktiviti berkaitan pendidikan dan pembangunan keusahawanan. MASMED diterajui oleh Penolong Naib Canselor Keusahawanan dan mempunyai dua pusat dibawah tadbir urusnya iaitu Pusat Latihan, Penyelidikan & Pengajian Keusahawanan dan Pusat Pembangunan Modal Insan Keusahawanan yang mana kedua-dua pusat ini ketuai oleh seorang Pengarah.

Selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, UiTM melalui MASMED giat memperkasakan agenda keusahawanan dalam memenuhi aspirasi UiTM menjadi Universiti Berteraskan Penyelidikan Dan Keusahawanan pada tahun 2018.

Anugerah yang diterima oleh UiTM sebagai Universiti Keusahawanan pada tahun 2012, 2013 dan 2015 merupakan manifestasi bahawa aktiviti keusahawanan mendapat sokongan bersepadu di peringkat pengurusan tertinggi dan seluruh warga UiTM (Rajah 1.0)

Rajah 5.1
:Kemenangan UiTM Sebagai Universiti Keusahawanan

5.1.1 Hala Tuju Strategik

MASMED sentiasa berusaha untuk memantapkan program pendidikan dan pembangunan keusahawanan di UiTM bagi menghasilkan pembangunan insan yang kental, berdaya keusahawanan, holistik dan seimbang daripada semua aspek.



Rajah 5.2
Halatuju Strategik MASMED Sebagai Pusat Keusahawanan, UiTM

5.2 Program / Aktiviti Keusahawanan MASMED

MASMED diberi kepercayaan untuk melaksanakan pelbagai program keusahawanan dan telah mendapat peruntukan daripada pelbagai pihak termasuk pihak kementerian, agensi dan badan korporat. Aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh MASMED bukan sahaja disasarkan kepada pelajar-pelajar UiTM malah melibatkan usahawan, orang awam serta kakitangan kerajaan.

Kepekaan dan penerimaan warga UiTM juga terhadap agenda dan kepentingan keusahawanan memberangsangkan dan telah berjaya meningkatkan tahap penglibatan dan penyertaan staf dalam program dan aktiviti keusahawanan. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan dan tenaga kerja yang berinovatif, kreatif dan berdaya keusahawanan. Jadual 2.0 dibawah menunjukkan aktiviti dan program keusahawanan yang telah dijalankan MASMED bagi tahun 2016 mengikut kategori.

Jadual 2.0 : Program / Aktiviti Keusahawanan 2016 Mengikut Kategori

No.	Kategori	Program/ Aktiviti
A.	**Pengupayaan Pelajar**	*Product Innovation & Pre-Commercialization Lab*
		Street Smart Salesmanship @ Retailing (3S@R)
		1000 Pitching
		Online Business Spring Board
		Bootstrap Retailing (Car Boot Sales)
		Program Latihan Keusahawanan Mahasiswa (PLKM)
B.	**Pemantapan Kompetensi Pendidik & Pembimbing Keusahawanan**	*Training for Trainers : Entrepreneurship Educators*
		Program Latihan Penerapan Keusahawanan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
		SME Business Counselor Certification Programme
		Certificate Of Completion – Micro Business Advisor (CMBA)
		Entrepreneurial Educator Enhancement Program (3EP)
C.	**Pembentukan Usahawanan Graduan**	Pembangunan Usahawan Graduan (GEDeP)
		Enterprais Graduan Muda (EGM)
D.	**Program Keusahawanan Sosial**	*MASMED-UiTM Social Entrepreneurship (MUSE 2016)*
E.	**Akademik Keusahawanan**	*Master of Applied Entrepreneurship*
		Post- Graduate Training in Innovation & Entrepreneurship Exploration (TIE²)- diwajibkan kepada semua calon PhD UiTM bermula Mac 2016
F.	**Projek Khas**	Program Diagnostik Prestasi Perniagaan (DPP) & MASMED Mini MBA anjuran bersama pihak MAUS Australia
		Public – Private Research Network (PPRN)
		Certificate Micro Business Advisor (CMBA)
		SME@UiTM

2.1 Program Apps Innovation Project (AIPRO2016) Bersempena Sambutan Ulang Tahun UiTM Ke-60

'APPS INNOVATION PROJECT' merupakan program hasil inisiatif pensyarah Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pelajar di dalam bidang aplikasi telefon pintar.

MASMED menjadikan pembangunan aplikasi telefon pintar ini sebagai satu projek kepada mahasiswa di dalam Gugusan Sains dan Teknologi dimana pada awalnya mahasiswa dilatih untuk mengenalpasti keperluan dan kehendak pengguna telefon pintar dan melihat ianya sebagai peluang perniagaan.

Mahasiswa didedahkan secara intensif selama 8 jam pembelajaran mengenai pembangunan apps dari penceramah luar yang berpengalaman dalam bidang ini di mana pembiayaan menghadiri bengkel ini ditanggung sepenuhnya oleh KPT dan MASMED.

Satu platform untuk mempamerkan dan mempertandingkan 'apps' ciptaan pelajar ini telah dianjurkan oleh pihak MASMED dikenali sebagai **'APPS SHOWDOWN 2016**' yang diadakan pada 26 Mei 2016 di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam, Selangor bersempena dengan **Sambutan Ulang tahun UiTM ke 60 tahun**. Apps ini dinilai oleh gabungan panel penilai dari UiTM dan penilai luar yang dilantik seperti dari MDeC, Craddle, MaGic dan Teraju. Beberapa kategori yang akan dinilai adalah dari segi Ciptaan Apps, Video dan Poster.

Melalui usaha ini juga dapat meningkatkan kompetensi pelajar ke arah menjadikan mereka lebih yakin dalam menghasilkan ciptaan inovasi dan Usahawan Apps *(Appspreneur)* yang merupakan satu bidang yang boleh diterokai dan diceburi oleh mahasiswa kelak.

2.2 Konferensi Keusahawanan

Meneruskan objektif menyemarakkan penyelidikan dan perkongsian ilmu keusahawanan terutamanya pendidikan keusahawanan, MASMED komited menyediakan platfrom bagi penyelidik dan usahawan berinteraksi secara ilmiah. Pada 5 & 6 Oktober 2016, MASMED telah menganjurkan *ASEAN ENTREPRENEURSHIP CONFERENCE (AEC2016)* kali ke tiga di Yogjakarta, Indonesia dalam usaha berkerjasama dengan rakan-rakan universiti di negara-negara ASEAN.

Di konferensi yang julung kalinya diadakan di luar Malaysia ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan. Seramai 26 orang peserta terdiri daripada para penyelidik dari Malaysia, Singapura dan Indonesia. Dua penceramah utama telah dijemput dari Indonesia iaitu Dr Wisnu Sakti Dewobroto dan Ibu Euis Rohani. Dr Wisnu merupakan usahawan dan juga pensyarah yang berjaya di Indonesia manakala Ibu Euis merupakan pemenang anugerah tokoh usahawanan wanita Indonesia.

Melalui konferensi ini, peserta dapat berinteraksi dengan lebih rapat dan menjalinkan hubungan penyelidikan. Rentetan daripada AEC2016 ini, MASMED telah berjaya menghasilkan *ASEAN Entrepreneurship Journal* (AEJ) untuk Jilid 2 siri 1 dan 2. Jurnal ini disediakan dalam bentuk *"open access"* bagi perkongsian ilmu secara global yang boleh diakses secara online.

Rajah 5.3

Buku dan Laman Sesawang AEJ 2016

5.2.3 Penglibatan Dan Pembentangan Perniagaan Usahawan Graduan Di '5th UNESCO-APEID on Entrepreneurship Education

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui MASMED telah mengeluarkan jemputan kepada Ahmad Fahmi Syakirin bin Ahmad Syakiron, mahasiswa Fakulti Pengurusan & Perniagaan dalam Bidang Ekonomi untuk menghadiri *'5th UNESCO-APEID Meeting on Entrepreneurship Education – Transforming Entrepreneurs for Sustainable Business and Job Generation'* yang diadakan pada 26 hingga 29 September 2016 di Jakarta dan Bandung, Indonesia. Program ini merupakan kerjasama di antara pihak UNESCO dan Universiti Binus di Jakarta dan Universiti Padjadjaran di Bandung.

Jemputan ke konferensi ini disalurkan oleh KPT kepada Ahmad Syakirin adalah susulan daripada kemenangan beliau di dalam *'Ministry of Education Entrepreneurial Award'* (MEA) 2015 kategori *'Best Student Enterprise Award*–Tempat Kedua'. Beliau merupakan mahasiswa yang sedang menjalankan perniagaan atas nama AFS PETSHOP yang memberi fokus dalam aktiviti pemeliharaan binatang seperti kucing import, arnab, *hamster* dan *sugar glider* menjual barangan keperluan binatang serta memberi khidmat 'pet hotel' yang beroperasi di 8G, SU Mall, Jalan Bidara 8, Saujana Utama Sungai Buloh, Sungai Buloh, Selangor. Perniagaan yang telah dijalankan lebih dari tiga (3) tahun ini telah memberi hasil jualan sekitar RM70,000 ke RM80,000 sebulan.

Dengan penglibatan di konferensi ini, Ahmad Fahmi secara tidak langsung mewakili Malaysia dalam menyertai sesi '*Showcase of Student Enterprise'* bersama-sama wakil empat (4) negara lain iaitu Indonesia, China, India dan Filipina.

Ahmad Fahmi Syakirin b. Ahmad Syakiron
Pelajar BBA (Hons) Economics
Di 5th UNESCO-APEID, JAKARTA INDONESIA

5.2.4 Tabung Keusahawanan Siswa

Tabung Keusahawanan Siswa ditubuhkan untuk memenuhi hasrat kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah menetapkan salah satu Petunjuk Prestasi Utama yang perlu dipenuhi iaitu penglibatan pelajar dalam perniagaan semasa dalam pengajian.

MASMED mengambil inisiatif baru mencadangkan penubuhan Tabung ini di UiTM selaku universiti yang telah dianugerahkan Universiti Keusahawanan untuk 3 kali berturut-turut sebagai salah satu usaha dalam melahirkan lebih ramai usahawan.

Objektif utama penubuhan Tabung Dana Keusahawanan Siswa ini adalah seperti di rajah 2.4. Sehingga kini dana terkumpul bagi Tabung Keusahawanan Siswa adalah sebanyak **RM645,000.00** dan hebahan kepada pelajar seluruh UiTM telah dibuat melalui laman sesawang rasmi UiTM dan MASMED.

Rajah 5.4
Objektif Penubuhan dan Dana Terkumpul Tabung Keusahawanan Siswa

Dengan terbentuknya Tabung Keusahawanan Siswa ini, capaian kepada dana mula-niaga telah tersedia sejak di peringkat universiti lagi. Ini diharap dapat melahirkan lebih ramai *job creator* dari kalangan pelajar-pelajar UiTM yang telah pun berkecimpung dalam bidang perniagaan semasa masih dalam pengajian.

5.2.5 Tabung Keusahawanan Pembangunan Asnaf (TAKKPA)

Global Innovation & Entrepreneurship Foundation (GIEF) merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 19 Mei 1997 dan telah bersetuju untuk memberikan sumbangan kewangan kepada UiTM sebanyak **RM1,000,000.00** untuk sebuah tabung khas iaitu Tabung Keusahawanan Pembangunan Asnaf (TAKKPA) bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan ekosistem perusahaan berasaskan buluh (bamboo) dan aktiviti keusahawanan.

Projek pertama sebanyak RM61,000.00 telah diluluskan untuk perusahaan makanan daripada rebung yang dijalankan oleh Fakulti Sains Gunaan. Projek yang kedua adalah pembinaan chalet berasaskan buluh (bamboo) yang akan dimajukan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam.

Para penyelidik digalakkan untuk memohon geran daripada Tabung Keusahawanan Pembangunan Asnaf ini untuk menyemarakkan lagi bidang penyelidikan dan aktiviti keusahawanan di UiTM.

5.3 Rumusan

Pembangunan dan pendidikan keusahawanan merupakan agenda penting dalam memastikan sistem pendidikan tinggi negara sentiasa berdaya saing dan melangkah ke hadapan mengikut permintaan dan trend masa kini. Justeru sokongan dan komitmen berterusan pengurusan tertinggi UiTM, ahli akademik dan pentadbir perlu dipertingkatkan dalam memastikan agenda keusahawanan di UiTM dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

MASMED akan berterusan memberi penekanan terhadap penerapan nilai dan budaya keusahawanan di kalangan pelajar dan staf dalam membentuk generasi yang berminda keusahawanan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, berintegriti dan berfikiran global.

BAB 6.0

PEMBANGUNAN BAKAT & KOMPETENSI STAF

6.1 Pengenalan

Penggabungan unit-unit latihan di UiTM, iaitu Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (ILQAM), Bahagian Latihan, JPbSM dan Institut Latihan Universiti (ILU) Kg. Gajah Perak pada 15 Julai 2015 telah memantapkan pengurusan bakat dan pembangunan kompetensi staf. Unit-unit yang bergabung ini dijenamakan semula menjadi Institut Kepimpinan dan Pembangunan atau dalam Bahasa Inggeris *Institute of Leadership and Development* (ILD) pada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bilangan 2/2016 bertarikh 20 Januari 2016, dan seterusnya disahkan oleh mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-153 bertarikh 19 Julai 2016. ILD merangkumi ILD Bandar Enstek yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan dan ILD Perak yang terletak di Kg. Gajah, Perak.

Bangunan ILD telah mula dibina pada tahun 2012 melalui pembiayaan *Private Fund Initiatives* (PFI) dan telah siap serta diserahkan kepada UiTM pada 22 Julai 2016 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Ogos 2016. ILD menjalankan program kepimpinan dan pembangunan staf UiTM, serta menerima tempahan program anjuran dalaman UiTM dan agensi kerajaan serta swasta. Secara ringkasnya, komponen ILD digambarkan seperti berikut:



Rajah 6.1
Penggabungan ILD

6.2 Fungsi

ILD mempunyai tiga fungsi utama seperti berikut:

i. Merancang, membangunkan dan menawarkan kursus berstruktur, serta menilai keberkesanan latihan dan impak kepada diri peserta dan organisasi
ii. Mengenal pasti dan membentuk bakal pemimpin UiTM
iii. Menyediakan program pembangunan staf dan pemantapan calon bakat untuk menjawat jawatan utama dalam UiTM

6.3 Perasmian ILD

Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia pada 23 Ogos 2016.

Gambar Rajah 6.1
Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia menandatangani plak perasmian ILD disaksikan oleh Naib Canselor UiTM, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM dan Penolong Naib Canselor ILD

6.4 Pencapaian Pada Tahun 2016

Pada tahun 2016, penguatkuasaan pelaksanaan dasar latihan 42 jam bersamaan 7 hari setahun telah ditangguhkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat rujukan JPA (IS.175/4/1-1) bertarikh 29 Februari 2016. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Ke – 9 bertarikh 11 November 2016 telah bersetuju untuk menerima pakai cadangan penangguhan tersebut kepada semua staf di UiTM.

Walaubagaimanapun, aktiviti latihan staf tetap berjalan seperti biasa dengan perancangan yang lebih teliti oleh ketua jabatan melalui mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pusat tanggung jawab. Latihan staf diuruskan berdasarkan keperluan kompetensi utama supaya staf mampu berperanan dengan cemerlang.

6.4.1 Pencapaian Log Latihan Staf

Jadual menunjukkan peratusan pencapaian jam latihan keseluruhan staf UiTM yang menjalani latihan 42 jam dan lebih bagi tahun 2016.

Jadual 6.5.1 Log Latihan Staf UiTM pada Tahun 2016

Tahun	Pencapaian Jam latihan
2016	72.84%

6.4.2 Jumlah Latihan dianjurkan oleh ILD Bandar Enstek

ILD telah menganjurkan sebanyak 90 program latihan sepanjang tahun 2016 dengan pecahan peratus seperti berikut:



Rajah 6.2

Peratus Latihan yang dijalankan Mengikut Kategori

6.4.3 Latihan Anjuran ILD (Tidak termasuk ILD Perak)

Jadual 6.5.3 menunjukkan jumlah staf menghadiri latihan, penceramah/ fasilitator dalaman dan konsultan yang terlibat sepanjang penganjuran latihan 2016:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Staf Menghadiri Latihan	6,004
2.	Staf Mengikuti Latihan Secara Maya (iTraining)	5,156
3.	Penceramah/ Fasilitator	91
4.	Konsultan	6

Jadual 6.5.3 Latihan Anjuran ILD Tahun 2016

6.4.4 Peratus Staf Menghadiri Latihan Ke Luar Negara

Seramai 246 orang staf telah menghadiri latihan ke luar negara pada tahun 2016. Latihan tersebut termasuklah latihan pembangunan kompetensi, lawatan penandaarasan serta membentang kertas kerja/ poster/ hasil karya. Penurunan kuasa telah diberikan kepada pusat tanggung jawab (PTJ) untuk membuat keputusan bagi permohonan latihan ke luar negara bagi staf akademik ke Negara ASEAN. Bagi pembentangan kertas kerja ke luar negara, staf akan menerbitkan kertas kerja tersebut ke dalam jurnal berindeks samada SCOPUS, ISI dan ERA. Bukti penerbitan tersebut kemudiannya akan dimuat naik di dalam sistem PRISMA.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan kelulusan yang telah diberikan oleh JI PBSM mengikut kumpulan negara kepada staf akademik dan staf pentadbiran:

Jadual 6.3 Jumlah staf menghadiri latihan ke luar negara

Bil.	Negara	Jumlah
1.	Negara-negara ASEAN (staf pentadbiran)	3
2.	Negara-negara Eropah	98
3.	Afrika	1
4.	Jepun	31
5.	Korea	24
6.	Negara-negara Arab	21
7.	Australia	17
8.	New Zealand	1
9.	Hong Kong/ China/ India	50
	JUMLAH	**246**



Rajah 6.3

Peratus Staf Menghadiri Latihan ke Luar Negara Mengikut Kumpulan Negara

6.4.5 Siri Wacana Intelektual

Penganjuran Siri Wacana Intelektual atau Professorial Lecture adalah salah satu program untuk memantapkan gaya kepimpinan calon bakat. Program ini dianjurkan secara usahasama dengan fakulti dan profesor di fakulti tersebut. Penyampaian dan persembahan mereka dinilai oleh pengurusan kanan bagi memastikan mereka telah mencapai tahap bersedia menjawat jawatan utama atau jawatan yang lebih tinggi di UiTM.

Jadual 6.4 Penganjuran Siri Wacana Intelektual

Siri Wacana Intelektual Sepanjang Tahun 2016
1. Prof. Dr. Nasrudin Mohammed, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, 22 Jun 2016 Tajuk: Pentadbiran Pembangunan Dalam Perspektif
2. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, 29 Jun 2016 Tajuk: Communication and Attribution in a Crisis : Preparedness, Response and Relief Efforts Throughout Malaysia's Worst Flood Catastrophe
3. Prof. Ir. Dr. Siti Hawa Hamzah, Fakulti Kejuruteraan Awam, 28 September 2016 Tajuk: Structural Wall Panels
4. Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman, Fakulti Perakaunan, 8 Oktober 2016 Tajuk: From Mere Managing Costs To Future Business Sustainability: Management Accounting Approach
5. Prof. Ir. Dr. Junaidah Ariffin, Fakulti Kejuruteraan Awam, 12 Oktober 2016 Tajuk: Fluvial Geomorphology
6. Prof. Dr Fauziah Noordin, Fakulti Pengurusan Perniagaan, 28 Oktober 2016 Tajuk: Exploring Student Transition Minding the Gap
7. Prof. Dr Chan Yuen Fook, Fakulti Pendidikan, 8 November 2016 Tajuk: Transforming University Teaching and Learning Practices towards Higher Self Efficacy of Students in Higher Education
8. Syarahan Perdana oleh YBhg Tan Sri Dr Mohd Nadzmi Mohd Salleh, 6 Disember 2016 Tajuk: Sharing of Experiential Knowledge in Managing and Entrepreneurship

6.4.6 Jumlah Calon Bakat

ILD bertanggung jawab untuk memantapkan fungsi pelan penggantian yang telah bermula sejak tahun 2008. Tujuannya adalah bagi memastikan calon bakat bersedia untuk menjawat jawatan utama di UiTM. Jumlah keseluruhan calon bakat adalah seramai 403 orang.

Program kepimpinan dan latihan-latihan pemantapan kualiti khusus untuk calon bakat telah disusun bagi memberikan persediaan kepada mereka dari segi mental dan fizikal. Program kepimpinan utama yang disediakan oleh UiTM adalah seperti berikut:

Rajah 6.4

Kursus Kepimpinan Untuk Calon Bakat

6.5 Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2016

6.5.1 Lawatan Penandaarasan oleh Agensi Luar

ILD telah menjadi tumpuan lawatan agensi lain yang berminat untuk berkongsi maklumat berkenaan pelan penggantian yang dijalankan di UiTM dan pengurusan latihan. Walaupun usia penggabungan dan penjenamaan semula unit ini baru lima bulan, banyak operasi yang telah dimantapkan dan menjadi rujukan pihak lain.

Jadual 6.5 Senarai Agensi yang Membuat Lawatan Penandaarasan di ILD

Bil.	Agensi	Tarikh
1.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	16 Ogos 2016
2.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	9 Disember 2016
3.	Jawatankuasa Latihan Universiti-Universiti Awam Malaysia (JALUMA) i. Universiti Malaya ii. Universiti Kebangsaan Malaysia iii. Universiti Putra Malaysia iv. Universiti Sains Malaysia v. Universiti Utara Malaysia vi. Universiti Teknologi Malaysia vii. Universiti Malaysia Terengganu viii. Universiti Malaysia Sabah ix. Universiti Malaysia Sarawak x. Universiti Teknikal Malaysia Melaka xi. Universiti Malaysia Pahang xii. Universiti Sains Islam Malaysia xiii. Universiti Pendidikan Sultan Idris	23 Disember 2016

6.5.2 Gerakan Kualiti

ILD Perak berjaya menjadi johan keseluruhan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Zon Tengah yang telah diadakan di Kampus Puncak Alam pada bulan Ogos 2016. Kumpulan Q-Cops yang mewakili ILD turut mendapat Anugerah Teknikal Terbaik dan Anugerah Penjanaan Hasil Sebenar. Kumpulan Q-Cops layak mewakili Zon Tengah pada Konvensyen KIK seluruh UiTM di ILD Enstek yang telah diadakan pada 29 November 2016 dan telah mendapat penarafan kategori Emas dalam konvensyen tersebut.

Gambar Rajah 6.2

Pasukan KIK ILD Perak memenangi anugerah dalam Konvensyen KIK

ILD Perak turut memainkan peranan penting dalam aktiviti komuniti setempat dalam menyemai kecintaan masyarakat terhadap institusi masjid di kariah Kg Sungai Galah. Justeru, sempena sambutan Maal Hijrah 1438H bersamaan 2016 Masihi, ILD Perak telah dianugerahkan 'Rakan Badan Berkanun Terbaik' bagi Masjid Al Makmur Kg Gajah oleh Pejabat Agama Daerah Kg. Gajah Perak.

Gambar Rajah 6.3

Anugerah 'Rakan Badan Berkanun Terbaik' yang diterima oleh ILD Perak.

1.0 Penutup

Pengurusan pembangunan bakat dan kompetensi staf di UiTM bukanlah sesuatu yang mudah memandangkan bilangan staf di UiTM yang berjumlah 18,188 dengan 27 fakulti dan pusat akademik, 35 kampus dan lebih 50 jabatan/bahagian/unit.

Justeru, ianya memerlukan penglibatan dan sokongan semua pihak supaya strategi transformasi UiTM dan agenda pembelajaran sepanjang hayat dapat dicapai. Kesedaran dan penghayatan tentang kepentingan pembangunan staf haruslah dilihat secara menyeluruh dari segi perancangan strategik UiTM, pencapaian prestasi jabatan dan UiTM keseluruhannya, strategi pengurusan sumber manusia serta penilaian prestasi staf.

BAB 7.0

PENCAPAIAN AKADEMIK & ANTARABANGSA

AKADEMIK

7.1 Pengenalan

Tahun 2016 merupakan tahun yang begitu mengujakan dengan pelbagai inisiatif dijalankan untuk menyokong aspirasi universiti dan juga kementerian. Ia merupakan permulaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang mana Teras 3 jelas meletakkan kepentingan pendidikan untuk siswazah abad ke-21 dimana pembelajaran akan disesuaikan mengikut keperluan individu melalui peluasan sumber dalam talian dan pembelajaran sepanjang hayat. Bab ini melaporkan fungsi, inisiatif dan pencapaian berkaitan akademik bahagian-bahagian serta pusat tanggungjawab (PTJ) yang melapor terus kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam hal pembangunan dan pengurusan akademik Universiti. BHEA mempunyai tiga (3) unit utama iaitu Pembangunan Akademik, Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) dan Pentadbiran. BHEA mempunyai dua (2) orang Pengarah dan seorang Ketua Timbalan Pendaftar serta enam (6) orang Ketua Akademik. Secara khususnya, fungsi utama Bahagian Hal Ehwal Akademik boleh digambarkan seperti dalam Rajah 7.1.1:



Rajah 7.1

Struktur Organisasi Bahagian Hal Ehwal Akademik

7.2 Objektif Kualiti Akademik

Untuk memastikan fungsi tersebut berjalan dengan lancar dan berkesan, BHEA bekerjasama dengan PTJ di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang bertindak bersama sebagai pemacu strategi-strategi akademik berasaskan RMK-11, Pelan Strategik UiTM dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Dalam tahun 2016, sejumlah 21 projek transformasi, dan 35 petunjuk prestasi (PI) telah dipersetujui dan dipantau pencapaiannya oleh BHEA, BPP, ILD, iNED, Pusat i-Learn, OIA dan IPSis. Selain itu beberapa objektif kualiti UiTM juga dipantau oleh BHEA dan IPSis.

Rajah 7.2 memperincikan objektif kualiti akademik UiTM yang ditetapkan berdasarkan hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia.



Rajah 7.2
Objektif Kualiti Akademik UiTM

Secara khususnya, objektif yang bersangkut terus dengan akademik ialah objektif 2, 3 dan 4. Dalam tahun 2016, 16 program telah menjalani semakan kurikulum (semakan kurikulum secara besar-besaran bagi 92% daripada program UiTM telah berlaku di sepanjang tahun 2013 dan 2014). Majoriti program kini melalui penjajaran konstruktif bagi menyokong pelaksanaan iCGPA. Semakan kurikulum dijangkakan lebih rancak bermula tahun 2017 kerana kebanyakan program menghampiri tempoh yang disasarkan bagi pelaksanaan semakan kurikulum dan bagi menyokong pembangunan kurikulum fleksibel.

Untuk Objektif 3, pencapaian peratusan pelajar yang bergraduat dalam tempoh *(Graduate on Time) (GOT)* adalah sebanyak 73% untuk Diploma (Oktober 2016) dan 83% untuk Sarjana Muda (Jun 2016). Sehingga tahun 2016, jumlah pencapaian untuk objektif 4 adalah seramai 680 graduan PhD. BHEA telah mengenalpasti beberapa langkah yang dijangka dapat meningkatkan kadar GOT seperti pengukuhan sistem penasihat akademik, penganjuran intersesi dan penambahbaikan sokongan pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk kursus-kursus yang tinggi kadar kegagalannya.

Minggu Penasihat Akademik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang berlangsung dalam bulan Oktober 2016 mencatat penglibatan 80% bilangan pelajar FKM

7.3 Tadbir Urus Akademik

Tadbir urus akademik merupakan mekanisma yang telah ditetapkan bagi menjajar halatuju dan mengawal tindakan berkaitan hal-hal pembangunan serta pengurusan akademik universiti yang dijalankan oleh BHEA melalui proses membuat keputusan yang telus, cekap dan berkesan. Tadbir urus akademik UiTM adalah terbahagi kepada tiga (3) tier utama iaitu strategik, eksekutif dan operasi.

Pada tahun 2016, UiTM telah membangunkan Manual Tadbir Urus Universiti yang menerangkan tadbir urus setiap jabatan utama UiTM. BHEA telah mengemaskinikan tadbir urus akademik bagi meningkatkan keberkesanan proses berkaitan pengurusan dan pengoperasian akademik.

7.3.1 Senat

Senat merupakan kuasa eksekutif tertinggi UiTM yang bertanggungjawab untuk membincangkan dan membuat keputusan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan:

i. Penyusunan Semula Kurikulum

ii. Penamatan dan Penubuhan Program Baru

iii. Pelantikan Penasihat Akademik, Pemeriksa Luar dan Konsultan, *Research Fellow dan Visiting Fellowship*

iv. Hal Ehwal Peperiksaan

v. Pengurniaan Penghargaan Akademik, *Fellowship*, Ijazah, Diploma dan Sijil, Hadiah Biasiswa dan Kepujian Akademik

vi. Pembangunan Akademik

vii. Penyelidikan, Perundingan, Inovasi dan Pengkomersilan

Jawatankuasa di bawah Senat adalah terdiri dari Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik Universiti (JKIPA), Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU), Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU), Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU), Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU) dan Jawatankuasa Induk Perpustakaan UiTM (JKIP).

Bagi tahun 2016, Mesyuarat Senat telah diadakan pada setiap bulan dan membincangkan sebanyak 207 agenda. Rajah 7.3 menunjukkan statistik hasil dari perbincangan dan keputusan Senat tahun 2016.

Rajah 7.3
Statistik Hasil Perbincangan dan Keputusan Senat 2016

Senat juga telah meluluskan sebanyak 91 permohonan pelantikan ahli akademik dalam dan luar negara yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Lantikan Akademia. Rajah 7.3.1.2 menunjukkan perbandingan kelulusan permohonan pelantikan ahli akademik dalam dan luar negara yang diluluskan Mesyuarat Senat bagi tahun 2015 dan 2016:



Rajah 7.4
Perbandingan Kelulusan Permohonan Pelantikan Ahli Akademik yang Diluluskan Mesyuarat Senat Tahun 2015 dan 2016

7.3.2 Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)

JKIKU adalah jawatankuasa yang diperturunkan kuasa oleh Senat dan bertanggungjawab dalam hal ehwal kurikulum akademik. Sepanjang tahun 2016, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU) telah diadakan sebanyak enam (6) kali. Rajah 7.3.2 menunjukkan hasil dan pencapaian daripada perbincangan JKIKU bagi tahun 2016.



Rajah 7.5
Hasil dan Pencapaian JKIKU 2016

7.3.3 Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA)

Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA) merupakan gabungan Majlis Peperiksaan Universiti dan Majlis Pengajian Siswazah yang telah disatukan apabila tadbir urus akademik dimurnikan dalam tahun 2015-2016, seperti mana yang dapat dilihat di rajah 7.3.3.

Rajah 7.6
Pembentukan JKIPA

7.4 Pembangunan Akademik

7.4.1 Dasar Dan Polisi Akademik

Bagi tahun 2016, hasil pembentukan dan pengemaskinian dasar dan polisi akademik yang dilaksanakan oleh BHEA dapat dilihat daripada rajah 7.4.1 seperti berikut:

Rajah 7.7
Hasil Pembentukan Dan Pengemaskinian Dasar Dan Polisi Akademik Yang Dilaksanakan Oleh BHEA

Dasar dan polisi yang dibangunkan oleh BHEA dijangka akan dapat melancarkan usaha UiTM ke arah pelaksanaan kurikulum fleksibel, pelaksanaan iCGPA dan peningkatan keberkesanan serta kecekapan operasi akademik secara keseluruhan.

7.4.2 Pindaan Kitaran Akademik Universiti

Sebelum sesi 1 2011 / 2012, semua program akademik UiTM dijalankan secara serentak dalam satu kalendar aktiviti iaitu Jun-Disember dan Januari-Mei setiap tahun.

Walau bagaimanapun, mulai sesi 1 2011 / 2012, program akademik universiti telah diasingkan kepada dua (2) kumpulan iaitu Kumpulan A yang mengandungi program Pra-Diploma, Diploma dan Asasi manakala kumpulan B yang terdiri daripada program Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran atas arahan KPT untuk meningkatkan aktiviti mobiliti pelajar di institut pengajian tinggi (IPT).

Melalui Pekeliling Akademik bil. 7 tahun 2016, UiTM akan melaksanakan pindaan Kalendar Akademik sedia ada kepada konsep satu kitaran yang akan berkuatkuasa mulai sesi 1 2017 / 2018 (Jun 2017).

7.4.3 Pembangunan Pendidikan Fleksibel

Pembangunan Pendidikan Fleksibel merupakan antara amanat utama yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi kepada semua universiti. UiTM telah merangka strategi pelaksanaan seperti di rajah 7.8:



Rajah 7.8
Kerangka Pelaksanaan Pendidikan Fleksibel

Empat (4) elemen utama Pendidikan Fleksibel UiTM ialah (1) penawaran kursus elektif ; (2) pembelajaran berbentuk work based learning (WBL), 2 Universiti, 2 Industri (2U2I) / 3 Universiti, 1 Industri (3U1I); (3) pembelajaran berasaskan teknologi atas talian; dan (4) mobiliti pelajar dan pensyarah. Antara inisiatif yang diambil ke arah memastikan pembangunan pendidikan fleksibel dijalankan dengan berkesan adalah seperti berikut:

i. Garis Panduan Pembangunan Kurikulum Fleksibel

BHEA telah menerbitkan Buku Garis Panduan Pembangunan Kurikulum Fleksibel 2016 UiTM sebagai panduan kepada pengurusan Fakulti/ Kampus/ Pusat Akademik bagi menyokong usaha membangunkan pendidikan dan kurikulum fleksibel di UiTM.

Dengan berpandukan konsep *"Curriculum Harvard of the Future"* sebagai panduan kriteria kursus elektif multi-disiplin, BHEA telah mensasarkan 25% dari jumlah program sarjana muda menawarkan kursus-kursus elektif multi-disiplin atau inter-disiplin antara Fakulti dan universiti awam di Malaysia.

ii. Program 2U2I / 3U1I

Program 2U2I diperkenalkan dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar prasiswazah untuk menimba pengalaman dan mendapatkan pendedahan kepada dunia pekerjaan yang berkaitan dengan bidang yang dipelajari melalui gabungan dua (2) tahun pembelajaran teori di universiti dan dua (2) pembelajaran praktikal di industri.

UiTM telah memperkenalkan program 3U1I yang merujuk kepada pembelajaran teori selama tiga (3) tahun di universiti dan pembelajaran praktikal selama setahun di industri bagi program tertentu. Sebagai permulaan, Work-based learning (WBL) diperkenalkan untuk program Sarjana Muda Komunikasi Media (MC243).

iii. Pembelajaran Berasaskan Teknologi Atas Talian

a. Pembelajaran Teradun (Blended Learning)

Pembelajaran Teradun merupakan kaedah pembelajaran yang menggandingkan kaedah tradisional dan kaedah atas talian (e-pembelajaran). UiTM telah menjadikan pelaksanaan Pembelajaran Teradun sebagai salah satu agenda pembangunan akademik mengikut saranan KPT seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Aktiviti utama yang menyokong pelaksanaan pembelajaran teradun di UiTM ialah pembangunan e-kandungan yang diuruskan oleh Pusat i-Learn. Jadual 7.4.3 menunjukkan pembangunan e-kandungan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016:

Jadual 7.1 Pembangunan e-Kandungan 2016

Jenis Perisian Kursus	Fakulti	Kampus	Jumlah
Courseware (CW) – Tamat	194	144	338
Courseware (CW) - Dalam Pembangunan	99	111	210
MOOC – Tamat	13	3	16
MOOC - Dalam Pembangunan	28	46	74
Open Educational Resources (OER)	6	144	150
Lecture Maker	8	0	8
Panopto	29	0	29
Jumlah	**377**	**448**	**825**

Lecture Maker: Perisian bagi pengarangan kandungan yang membantu pensyarah menjalankan pengajaran secara interaktif dan menjalankan aktiviti dalam pelbagai cara berdasarkan keperluan penggunaan.	**Panopto:** Perisian yang digunakan untuk membuat rakaman video syarahan secara siaran langsung atau untuk dimuatnaik ke laman web bagi akses pelajar.

b. **Kursus Dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC)**

MOOC merupakan model bagi penyampaian pengajaran secara atas talian yang terbuka kepada pelajar yang berminat untuk mengambil kursus yang ditawarkan tanpa had kepada bilangan peserta. Malaysia merupakan negara pertama yang melaksanakan pengiktirafan dan pemindahan kredit bagi MOOC ke arah pembangunan dan pelaksanaan pendidikan fleksibel. Di UiTM, usaha pembangunan MOOC sedang giat dijalankan dan beberapa usaha utama telah dilaksanakan seperti berikut:

- **Kolokium Akademik Kebangsaan**

UiTM dengan kerjasama OpenLearning telah menganjurkan Kolokium Akademik Kebangsaan pada 23 Ogos 2016. Kolokium ini telah dihadiri oleh 122 peserta dan lima (5) pengucap utama telah dijemput untuk berkongsi amalan terbaik dalam pelaksanaan MOOC. Kolokium ini telah menjanakan hasil sebanyak RM30,000 bagi Pusat i-Learn.

- **Masterclass MOOC Workshop**

Program ini telah diadakan pada 24 Ogos 2016 dan Prof. Dr. Richard Buckland dari University of New South Wales, Australia telah dijemput bagi menjalankan bengkel tersebut yang dihadiri oleh 34 orang peserta dari universiti awam dan universiti swasta dari serata negara.

UiTM telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama syarikat OpenLearning pada 23 Ogos 2016.

> **OpenLearning:** Syarikat yang bertanggungjawab membangunkan platform pembelajaran atas talian yang juga dinamakan OpenLearning. Platform ini melangkaui penyampaian kandungan untuk memberi tumpuan kepada komuniti, keterkaitan dan penglibatan pelajar.

iv. Mobiliti

Dalam tahun 2016, Pejabat Antarabangsa atau OIA (Ofiice of International Affairs) melaporkan sembilan puluh lapan (98) aktiviti pengantarabangsaan universiti yang melibatkan enam (6) kategori iaitu:

a. Mobiliti Pelajar (*Inbound / Outbound*)

b. Mobiliti Staf (*Inbound / Outbound*)

c. Aktiviti Pelajar

d. Projek Kerjasama

e. Kerjasama Penyelidikan

f. Usahasama Program Akademik

Sebanyak lapan (8) *summer programme* telah diadakan bersama universiti di Korea, Indonesia dan Turki. Bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa telah mencapai 121 orang. Aktiviti-aktiviti mobiliti sama ada inbound atau outbound merekodkan penyertaan 226 orang.

Manakala, bagi program pertukaran pelajar iaitu merupakan program mobiliti yang melebihi 3 bulan atau 1 semester, seramai 81 pelajar terlibat dengan *outbound*.

Bagi tahun 2017, OIA mensasarkan penganjuran 15 *summer programme* bersama universiti luar negara, peningkatan bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa kepada 300 orang dan peningkatan penyertaan aktiviti-aktiviti mobiliti sama ada *inbound* atau *outbound* kepada 270 orang. OIA juga mensasarkan peningkatan kepada 130 aktiviti pengantarabangsaan secara keseluruhan.

7.4.4 *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL)

APEL merupakan proses yang digunakan untuk tujuan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seseorang individu. Di UiTM, APEL digunapakai untuk tujuan kelayakan bagi permohonan kemasukan ke program-program di UiTM dan juga mengakreditasi subjek-subjek kursus berdasarkan pengalaman individu tersebut.

APEL (C) ialah satu mekanisma yang membolehkan pelajar UiTM untuk memohon pengecualian kredit berdasarkan pengalaman kerja, pengalaman hidup atau himpunan kursus pendek pelajaran. Hanya pelajar-pelajar yang telah berdaftar di UiTM layak untuk memohon pengecualian kredit melalui APEL (C) berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu pelajar tersebut.

BH ONLINE

UiTM iktiraf pengalaman kerja sebagai syarat kemasukan

BY OLEH NORZAMIRA CHE NOH
30 SEPTEMBER 2016 17:28

SHAH ALAM: Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi universiti awam pertama di negara ini yang mengiktiraf pengalaman pekerja pemohon untuk melanjutkan pelajaran di semua peringkat pendidikan tinggi.

Pada 30 September 2016, Naib Canselor melalui sidang media telah mengumumkan bahawa UiTM merupakan institut pengajian tinggi awam pertama yang diluluskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi pelaksanaan sistem APEL (C) bagi tujuan pengecualian kredit berdasarkan pengalaman terdahulu pelajar.

7.4.5 Pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA)

Pelaksanaan Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA) merupakan salah satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi (PPPM (PT)) yang menyasarkan pembangunan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.



Penilaian dan pemarkahan bagi iCGPA adalah berbeza dengan penilaian dan pemarkahan Cumulative Grade Point Average (CGPA) sedia ada. Oleh itu, BHEA telah membangunkan model iCGPA dengan penekanan diberikan kepada penjajaran konstruktif antara hasil pembelajaran kursus, hasil pembelajaran program, kaedah pengajaran dan bentuk pentaksiran yang bersesuaian bagi mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan.

Rajah 7.9
nisiatif Dan Aktiviti Memacu Pelaksanaan iCG

Kerangka baharu markah penilaian iCGPA, RES iCGPA (iRES) turut dibangunkan bagi memudahkan pengiraan iCGPA dan bentuk pelaporan “spider web”. Bagi tahun 2016, sebanyak 88 program akademik telah melaksanakan iCGPA seperti yang dinyatakan dalam jadual 7.9

Jadual 7.2 Pelaksanaan iCGPA 2016

Peringkat	Sesi	Fasa 1	Fasa 2
Sarjana Muda	Sesi 2 [Semester Mac-Jun 2016]	28	-
	Sesi 1 [Semester Sep-Dis 2016]	-	32
Diploma	Sesi 1 [Semester Jun-Sep 2016]	17	-
	Sesi 2 [Semester Dis 2016-April 2017]	-	11

7.4.6 Pensejajaran ATP, LNPT dan Kenaikan Pangkat

Pensejajaran Amanah Tugasan Pensyarah (ATP), Laporan Prestasi Penilaian Tahunan (LNPT) dan proses kenaikan pangkat adalah satu usaha ke arah meningkatkan keberkesanan proses penilaian pensyarah UiTM. Usaha dijalankan ke arah mencapai objektif berikut:

i. Pengiraan markah prestasi tahunan selari dengan tugas staf akademik.

ii. Pemantauan prestasi tahunan berjalan se awal semester bermula.

iii. Pemarkahan LNPT lebih bersifat bolehukur dan lebih telus.

iv. Tempoh proses LNPT dan kenaikan pangkat boleh disingkatkan.

v. Pemantauan keperluan dan pencapaian staf akademik mengikut trek dan gred boleh ditentukan.

vi. Penilaian dan pemantauan kendiri oleh staf akademik adalah mengikut tahap kelayakan memohon kenaikan pangkat dari masa ke semasa.

vii. Pelaporan yang efektif untuk kegunaan PTJ lain.

ATP: Dasar yang diperkenalkan sebagai petunjuk peruntukan masa staf akademik UiTM bagi aktiviti-aktiviti utama yang telah dikenal pasti sebagai tugas pensyarah.

Rajah 7.10 menunjukkan kerangka pelan perancangan bagi pensejajaran ATP, LNPT dan kenaikan pangkat:



Rajah 7.10
Pelan Perancangan Pensejajaran ATP, LNPT dan Kenaikan Pangkat

7.4.7 *Quality Lecturer* UiTM (QL-UiTM)

Quality Lecturer UiTM merupakan sebahagian daripada projek TRANS4U yang dijalankan oleh BHEA dengan matlamat untuk membangunkan model pemantapan kualiti staf akademik yang akan digunakan dalam meningkatkan kualiti pensyarah menerusi program intervensi yang bersepadu.

Projek ini telah berjaya merangkul pingat perak di *Invention, Innovation and Design Exposition* (IIDEX) 2016 yang telah diadakan pada 20-23 September 2016. Rajah 7.11 menunjukkan perancangan bagi QL-UiTM yang telah dijalankan bagi tahun 2016:

Rajah 7.11
Perancangan Pelaksanaan QL-UiTM

Sistem QL ini akan dibangunkan oleh Institut Kepimpinan dan Pembangunan dalam tahun 2017. Dalam tahun 2016, ILD telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan keberkesanan latihan staf akademik seperti dalam rajah 7.12

Rajah 7.12
Inisiatif ILD 2016

7.4.8 English Exit Test (EET)

EET merupakan ujian yang mesti diduduki oleh pelajar sarjana muda bagi menilai kesediaan pelajar di alam pekerjaan dari segi kebolehan berkomunikasi.

Kumpulan projek telah ditubuhkan yang terdiri daripada staf teknikal BHEA, staf Bahagian Infrastruktur, pensyarah dan staf teknikal Akademi Pusat Bahasa dalam membangunkan Sistem EET Speaking Online. Sistem ini telah berjaya digunakan bermula daripada ujian pada semester Mac-Julai 2017 yang melibatkan seramai 3,050 pelajar dan semester September 2016-Januari 2017 yang melibatkan seramai 6,181 pelajar.

Pembangunan dan pengunapakai sistem ini adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan kerana walaupun universiti dibatasi dengan kekangan fasiliti dan capaian rangkaian, namun ujian yang melibatkan muat turun dan muat naik rakaman suara bersaiz besar dapat dijalankan dengan baik dan lancar.

BHEA telah menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan EET Untuk Pentadbir yang telah dimuatnaik ke laman web BHEA bagi memudahkan akses kepada pentadbir akademik UiTM seluruh sistem seperti di rajah 7.13

BHEA juga telah mengeluarkan pekeliling akademik bagi memaklumkan kepada semua pentadbir akademik UiTM seluruh sistem mengenai pelaksanaan EET, manakala rajah 7.14 menunjukkan maklumat pendaftaran dan modul EET yang telah dihasilkan:



Rajah 7.13
Panduan Pelaksanaan EET

Rajah 7.14

Pendaftaran EET dan Modul Dihasilkan

Untuk tahun 2016, sejumlah 80 % pelajar yang menduduki EET telah mendapat band BI ke atas untuk penulisan dan seramai 50% pelajar mendapat band B1 Ke atas untuk ujian lisan EET. Data ini dilapor sebagai laporan pencapaian PI BHEA dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa.

7.5 Pengoperasian Akademik

7.5.1 Pengurus Utama (PU) dan Pengurus Pelaksana (PP)

Melalui Transformasi UiTM, Fakulti / Pusat Akademik (sedia ada) boleh menyerahkan tanggungjawab sebagai pemilik utama program akademik kepada UiTM Cawangan manakala UiTM Cawangan lain yang menjalankan program yang sama akan dilantik sebagai Pengurus Pelaksana (mirip konsep francais).

Impak daripada perlantikan PU dan PP ini adalah:

i. PU bertanggungjawab terhadap kualiti program akademik yang diuruskan dengan mematuhi Area 1 hingga Area 9 dalam Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA), Standard Program dan keperluan badan profesional.

ii. PU memantau kualiti program akademik yang dilaksanakan oleh PP dari semasa ke semasa dan boleh mencadangkan penarikan semula PP kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sekiranya kualiti dikompromi

iii. Memberi peluang kepada pensyarah di UiTM Cawangan untuk mendapatkan pengalaman dalam menguruskan kurikulum sebagai persediaan untuk menubuhkan fakulti / program di UiTM Cawangan.

7.5.2 Platform Perkongsian dan Wacana Akademik

BHEAA telah merangka platform bagi perkongsian dan wacana akademik seperti yang dipaparkan dalam Rajah 7.5.2.1:



Rajah 7.15
Platform Perkongsian dan Wacana Akademik

Platform perkongsian dan wacana akademik ini diwujudkan bagi membincangkan perancangan dan isu semasa akademik, di samping berkongsi amalan terbaik dan menyebarkan maklumat terkini berkaitan pembangunan dan pengoperasian akademik kepada staf akademik UiTM seluruh sistem. Setiap platform ini diadakan setahun sekali, kecuali bagi dialog dan taklimat yang diadakan sepanjang tahun serta Symposium on Learning, Teaching and Research (STELLAR) yang diadakan dua tahun sekali.

i. Taklimat Akademik dan Dialog

Siri taklimat akademik oleh Timbalan Naib Canselor, Pengarah-Penagarah dan Ketua-ketua BHEA telah berlangsung antara bulan April sehingga akhir Mei 2016. Ini adalah usaha BHEA untuk menyampaikan maklumat dan pelan akademik kepada warga UiTM terutamanya pentadbir akademik di semua fakulti dan kampus. Langkah ini juga membolehkan 'suara warga' didengari serta maklumbalas diterima secara telus dan jelas. Beberapa sesi libatsama dan taklimat kenaikan pangkat dan APEL untuk staf akademik juga diadakan dalam tahun 2016.

ii. Konferensi Akademik UiTM

Konferensi Akademik UiTM merupakan platfom bagi perkongsian ilmu, idea dan amalan terbaik di kalangan warga akademik dan pentadbiran Universiti. Konferensi Akademik UiTM 2016 telah diadakan bersama Majlis 100 Hari Pentadbiran Naib Canselor pada 5 Mei 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor.



Tema konferensi tahun 2016 ialah *'The New Academic Experience: Strategising Excellence Through Diverse Practices'* sejajar dengan halatuju yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya pendidikan fleksibel. Hampir 4,000 orang staf akademikdan pentadbiran telah hadir untuk mendengar sendiri amanat Pengurusan Tertinggi UiTM.

iii. *Conference of Heads of Academic Department* (CHAD)

CHAD merupakan platform bagi pentadbir akademik universiti, pendidikan dan penyelidikan untuk membentangkan idea dan pandangan serta berkongsi amalan terbaik khususnya bagi pengurusan hal ehwal akademik.

CHAD 2016 telah diadakan pada 01-02 Disember 2016 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM, Bandar Enstek, Nilai. Bertemakan *Talent Analytics: Developing Future Leaders,* konferensi ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor dan dihadiri oleh seramai 277 peserta termasuk Rektor, Dekan, Timbalan Rektor dan Timbalan Dekan dari semua UiTM cawangan dan fakulti. Isu yang telah dibincangkan sewaktu CHAD 2016 adalah seperti berikut:

a. *Best Practices in Academic Management*

b. *Meeting the Demands of the Future Job Market*

c. *Modeling Future University Leaders*

d. *Cognitive Computing in Human Talent Analytics*

Secara keseluruhan, CHAD 2016 telah disambut baik oleh peserta yang hadir dan telah berjalan lancar hasil kerjasama ILD, Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian selaku penganjur bersama konferensi tersebut.

iv. Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama Timbalan Rektor (Akademik), Timbalan Dekan (Akademik) dan Penolong Pendaftar Akademik (META)

META merupakan satu wadah bagi pentadbir-pentadbir akademik membincangkan permasalahan, mencari penyelesaian bersinergi dan menghasilkan perancangan tindakan bagi isu-isu berkaitan pengoperasian akademik UiTM.

META ke-18 telah diadakan pada 31 Mei hingga 3 Jun 2016 di Concorde Inn, KLIA, Sepang. Mesyuarat kali ini tertumpu kepada isu-isu semasa terutamanya pelaksanaan perancangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan amanat Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor. Isu-isu yang telah dibincangkan adalah seperti di dalam rajah 7.16:



Rajah 7.16
Isu META ke-18

Hasil perbincangan dan persetujuan yang dibuat di META diterjemahkan sebagai dasar, kaedah atau langkah yang perlu diambil untuk memantapkan lagi operasi akademik universiti. Salah satu hasil yang diterbitkan ialah ***Kompilasi Kajian Kes dan Soalan Lazim dalam Pengurusan Akademik.***

Cabaran dalam pengurusan akademik semakin meningkat, pelbagai masalah pengurusan akademik timbul saban hari dan pertukaran pentadbir akademik mahupun penolong pendaftar akademik yang berdepan dengan masalah ini setiap hari semakin getir.

Seseorang pentadbir akademik / penolong pendaftar akademik perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan permasalahan akademik dan ini memerlukan masa dan latihan yang banyak.

Melalui META ke-17, BHEA telah dengan kerjasama penolong pendaftar akademik UiTM Cawangan dan Fakulti telah menghasilkan Kompilasi Kjian Kes dan Soalan Lazim bagi rujukan pentadbir akademik seluruh sistem.

7.5.3 Sistem Akademik *(Student Information Management System* (SIMS)

SIMS merupakan sistem yang digunakan oleh UiTM bagi pengurusan maklumat pelajar yang merangkumi pendaftaran, peperiksaan, pelan pengajian, parameter kursus dan lain-lain. UiTM merupakan universiti terbesar Malaysia dengan 160,000 orang pelajar yang aktif, dan sistem SIMS berperanan untuk menguruskan dan mengemaskinikan maklumat pelajar dengan cekap dan berkesan. Penambahbaikan kepada sistem SIMS dijalankan secara berterusan hasil daripada maklumbalas staf dan pelajar.

i. Penambahbaikan Sistem Pengambilan Pelajar

Setiap tahun UiTM menawarkan 75,000 tawaran tempat kekosongan program akademik dari pelbagai peringkat pengajian dan mod pengajian di semua kampus di seluruh Malaysia. Selain dari itu, UiTM juga menawarkan program-program professional termasuk *Certified Accounting Technicians* (UK) dan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) (UK) masing-masing dalam anggaran 900 dan 300 calon yang memohon setiap tahun dan jumlah dijangka akan meningkat setiap tahun.

Mulai Sesi 2 2016 / 2017, kelulusan pengurusan pengambilan program *Certified Accounting Technicians* (UK) dan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) (UK) telah diberikan semula kepada Bahagian Pengambilan Pelajar (sebelum ini dikendalikan oleh INTEC, di bawah naungan IPAC).

Dengan ini, satu borang permohonan dibangunkan bagi membantu calon membuat permohonan dengan pembelian wang pos, tanpa perlu membeli no. slip Bank Simpanan Nasional (BSN). Borang dalam talian ini telah digunapakai bermula pada November 2016. Calon-calon masih boleh memohon secara atas talian dengan lebih mudah dan cepat.

Mengikut kebiasaan bagi pengambilan Sesi I iaitu pada bulan Jun (Diploma dan Asasi) dan September (Sarjana Muda), calon-calon lepasan SPM / Setaraf dan lepasan STPM / Setaraf akan memohon melanjutkan pelajaran yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Walaupun pemilihan adalah dilaksanakan oleh UPU, namun universiti masih perlu memproses penawaran program di UiTM Cawangan mengikut kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh universiti. Data pra jaya akan diperolehi daripada pihak UPU kepada UiTM untuk diproses dalam masa yang begitu singkat.

Adalah menjadi keperluan untuk mencari jalan penyelesaian dan penambahbaikan bagaimana data calon yang ramai dapat diproses dengan cepat dan efisyen. Satu modul telah dibangunkan dan telah berjaya menangani masalah ini.

Modul ini menggunakan platform baru iaitu Pentaho. Masa dan tempoh pemprosesan data telah berjaya disingkatkan dari 180-240 minit hanya kepada hanya **5-15 minit sahaja** bergantung kepada jumlah data yang diterima.

Pencapaian ini amat membanggakan BHEA kerana ianya dapat mengurangkan kos masa pemprosesan dan melancarkan lagi proses pengambilan pelajar. Proses permohonan dan pengurusan pengambilan dapat dilaksanakan mengikut ketetapan oleh pihak BPP dan diurus dengan baik.

Di samping itu, calon boleh memohon program professional dengan mudah dan lancar. Penambahbaikan modul yang dibangunkan dapat mengurangkan masa yang diambil bagi memproses data calon dan dapat meningkatkan kecekapan dalam proses pengambilan pelajar secara keseluruhannya.

7.5.4 Integriti Akademik

Integriti akademik merupakan aspek yang sering diberikan penekanan oleh BHEA atas kepentingan dalam memastikan kelestarian kecemerlangan akademik universiti dan kemampanan tahap akauntabiliti dan nilai integriti yang tinggi di kalangan staf akademik UiTM, khususnya dalam urusan hal ehwal akademik.

Ia meliputi tugas, tanggungjawab dan peranan staf akademik UiTM, terutamanya dalam hal menjaga kerahsiaan maklumat akademik universiti. Antara dasar dan garis panduan yang telah dihasilkan oleh BHEA adalah seperti di rajah 7.5.4:



Rajah 7.17
Dasar dan Garis Panduan BHEA

Bagi tahun 2016, BHEA telah memperkenalkan Prosedur Pengurusan Hal Kecuaian atau Salah Laku Berkaitan Hal Ehwal Akademik dengan matlamat untuk mengurangkan bilangan kes kecuaian dan salah laku pensyarah.

7.5.5 Hal Ehwal Peperiksaan

Dalam tahun 2016, Bahagian Penilaian Akademik (BPA) telah menghasilkan Daftar Risiko (Peperiksaan) sebagai rujukan Fakulti / Kampus / Pusat Akademik bagi mengendalikan kes-kes kecemasan yang berisiko akan berlaku sewaktu peperiksaan dijalankan.

BPA juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Persediaan Menghadapi Kecemasan (Gempa Bumi / Kebakaran / Runtuhan / Gangguan Kuasa Elektrik) Semasa Peperiksaan dijalankan.

Rajah 7.18
Pensijilan ISO

7.5.6 Pengurusan Pelajar Pascasiswazah

Bagi tahun 2016 enrolmen pelajar pascasiswazah adalah seramai 9,603, di mana 2,066 adalah pelajar kedoktoran dan 7,537 adalah pelajar sarjana. Rajah 7.5.6 di bawah menunjukkan enrolmen pelajar pascaijazah mengikut peringkat pengajian dan tahun.



Rajah 7.19
Enrolmen Pelajar Pascaijazah Mengikut Peringkat Pengajian dan Tahun

Data enrolmen menunjukkan berlaku sedikit penurunan jumlah enrolmen bagi tahun 2016. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan sumber bantuan kewangan kepada pelajar pascasiswazah terutama dari Skim Bantuan Kewangan MyBrain15 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Sehubungan itu, IPSis telah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan promosi di dalam dan luar negara bagi meningkatkan jumlah enrolmen pascasiswazah.

Pada tahun 2016, UiTM telah melahirkan seramai 165 orang graduan kedoktoran dengan peningkatan bilangan sebanyak 32% berbanding tahun 2015. Peningkatan ini menunjukkan sumbangan UiTM dalam usaha menambah bilangan bumiputera yang memiliki kelayakan ijazah kedoktoran untuk menyumbang kepakaran dan peningkatan ilmu pengetahuan di Malaysia. Sehingga kini, UiTM telah berjaya mengeluarkan seramai 667 orang graduan ijazah kedoktoran.

Pelbagai usaha dijalankan di peringkat fakulti untuk mempertingkatkan kadar tamat pengajian Program PhD dan Sarjana. Antaranya ialah *Dissertation Enhancement Lab* di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU), program *Mind the Gaps 2* di Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) dan sistem *Postgraduate Tracking System* oleh pensyarah Fakulti Perakaunan. Kadar penghantaran tesis dilaporkan meningkat sebanyak 20-30 % dengan adanya program tersebut di FSPU. Seorang pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Polisi juga telah berjaya mencipta *Master of Research-GOT Toolkit* yang turut memenangi pingat emas di Pertandingan Invention, Innovation & Design Exposition 2016.

Pelajar pascasiswazah tekun mendengar penerangan pakar *Dissertation Enhancement Lab.*

5.7 Pengurusan Pelajar e-PJJ / PLK / KKB

iNED bertanggungjawab ke atas semua program yang ditawarkan secara separuh masa iaitu mod Jarak Jauh (e-PJJ), Pendidikan Luar Kampus (PLK). iNED juga bertanggungjawab menguruskan program diploma yang ditawarkan di Kolej-Kolej Bersekutu (KKB). Jadual 7.5.7 menunjukkan pengambilan pelajar e-PJJ / PLK / KKB bagi tahun 2016:

Jadual 7.3: Pengambilan Pelajar e-PJJ / PLK / KKB 2016

Bil.	Program	e-PJJ		PLK		KKB	Jumlah
		Shah Alam	Cwgn	Shah Alam	Cwgn		
1.	Diploma	1,267	683	0	0	3,250	5,200
2.	Ijazah Sarjana Muda	4,656	1,298	1,205	71	111	7,341
Jumlah Keseluruhan							**12,541**

7.5.8 Pengurusan Tabung Akademik

Selain menguruskan tabung amanah jabatan, BHEA juga bertanggungjawab menguruskan tiga (3) tabung utama yang diwujudkan khusus bagi menyokong aktiviti akademik di UiTM:

i. Jawatankuasa Akaun Amanah Dana Kecemerlangan Pendidikan (JKDKP) UiTM

Bagi tahun 2016, JKDKP telah menerima 74 permohonan dari pelbagai jabatan, di mana 64 permohonan telah diluluskan dengan sejumlah RM7,242,812.53 diperuntukkan bagi aktiviti yang diluluskan. Antara kejayaan yang dicapai oleh UiTM hasil sokongan tabung JKDKP adalah seperti di jadual 7.5.8:

Jadual 7.4: Pencapaian UiTM Hasil Sokongan Tabung JKDKP 2016

Bil.	Program	Pencapaian
1.	Shell Eco Marathon Asia 2016	Juara Kategori Prototype Hydrogen Fuel Cell - Pasukan UiTM Eco Sprint
2.	Formula SAE ASEAN 2016, 5-9 Oktober 2016	Juara Keseluruhan
3.	Projek Pembinaan Rumah Kos Rendah UiTM	Pembinaan Rumah Kos Rendah
4.	Foreign Direct Investment (FDI) International Arbitration Moot Competition	▪ Tempat Ketiga Peringkat Akhir ▪ Juara Peringkat Asia Pacific
5.	Projek BIRDS-2 Dengan Kerjasama Kyushu Institute of Technology, Japan	Projek Pembangunan Satelit Pertama UiTM

Sebahagian besar daripada peruntukan yang diluluskan oleh JKDKP telah disalurkan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) bagi usaha meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan di UiTM.

ii. Dana Kecemerlangan Perubatan UiTM - Universitas Hasanuddin

Dana Kecemerlangan Perubatan UiTM-Universitas Hasanuddin bertujuan:

i. Membiayai pengajian pelajar di dalam bidang perubatan di Fakultas Kedokteran UNHAS.

ii. Membantu lebih ramai pelajar mengikuti pengajian bidang perubatan kerana pengambilan dan penempatan di Fakulti Perubatan UiTM adalah terhad.

Bagi tahun 2016, seramai 28 orang pelajar UiTM telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang perubatan di UNHAS dan akan mengikuti program perubatan selama 6 ½ tahun di sana.

Dari 47 pelajar angkatan pertama program Perubatan UNHAS, 42 orang pelajar telah pun tamat dan kembali ke Malaysia. 42 orang pelajar ini kini sedang menunggu panggilan *housemanship* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

7.6 Pemantauan Akademik

Pemantauan akademik dijalankan secara berterusan melalui dua (2) mekanisme pemantauan iaitu *Student Feedback Online (*SuFO*)* yang melihat kepada persepsi pelajar mengenai kursus, profesionalisme pensyarah, aktiviti P&P dan infrastruktur; dan Pemantauan Profesionalisme

Pensyarah PRO-PENS yang melihat kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan profesionalisme pensyarah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh berintegriti.

7.6.1 *Student Feedback Online* (SuFO)

Student Feedback Online (SuFO) merupakan perisian atas talian yang digunakan bagi menilai keberkesanan pengajaran pensyarah melalui maklumbalas yang diberi oleh pelajar. Mekanisme pemantauan ini diwujudkan bagi mengekalkan taraf dan kualiti pengajaran dan penyampaian pensyarah di UiTM. Fungsi utama SuFO adalah seperti berikut:

i. Bertindak sebagai mekanisma (i) penglibatan pihak berkepentingan dan (ii) pemantauan akademik bagi P&P Universiti.

ii. Membantu fakulti, pusat akademik, UiTM cawangan mengenalpasti aspek penambahbaikan persekitaran P&P yang berkesan.

iii. Merupakan salah satu rujukan tambahan dalam sistem kenaikan pangkat Universiti.

Rajah 7.20 dan 7.21 menunjukkan perbandingan pecahan skor pensyarah berdasarkan sembilan (9) semester pengajian:



Rajah 7.20
Perbandingan Pecahan Skor SuFO Pensyarah Mengikut Semester Bagi Program Peringkat Sarjana Muda



Rajah 7.21
Perbandingan Pecahan Skor SuFO Pensyarah Mengikut Semester Bagi Program Peringkat Diploma

Secara keseluruhan, analisa data menunjukkan pensyarah UiTM menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran dengan sangat baik pada setiap semester dengan tren pencapaian skor keseluruhan SuFO yang tinggi pada setiap semester bagi program Sarjana Muda dan Diploma (skor > 80%).

7.7.2 Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS)

Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) merupakan mekanisme pemantauan akademik Universiti yang telah dibangunkan sejak 2012 dengan tujuan membantu Fakulti / Kampus / Pusat akademik memastikan kelancaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran seiring dengan usaha UiTM untuk melestarikan kecemerlangan akademik Universiti. Dua (2) objektif utama PRO-PENS merangkumi:

i. Mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
ii. Memastikan pensyarah sentiasa memenuhi aspek profesionalisme

Dari analisa data perbandingan skor dari tahun 2012 sehingga 2015, menunjukkan bahawa perlunya latihan untuk kaedah penyampaian diberi kepada pensyarah kerana nilai skor yang rendah berbanding dengan lain-lain kriteria profesionalisme.

7.7 Pengiktirafan Akademik

Terdapat dua bentuk anugerah akademik yang dikelola oleh BHEA yang melibatkan pencapaian cemerlang pusat tanggung jawab dan pencapaian individu (staf akademik dan pelajar):

7.7.1 Anugerah Akademik UiTM

Anugerah Akademik UiTM bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang staf akademik UiTM dalam aktiviti-aktiviti akademik utama seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan dan kepimpinan akademik dan mengenal pasti calon-calon bagi Anugerah Akademik Negara anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi.

Bagi tahun 2016, majlis penganugerahan Anugerah Akademik UiTM 2015 telah diadakan sewaktu Konferensi Akademik 2016. Rajah 7.23 menunjukkan senarai penerima Anugerah Akademik UiTM 2015:

	Anugerah Tokoh Akademik **Prof. Dr. Normah Haji Omar** Fakulti Perakaunan		**Anugerah Ahli Akademik Harapan** **Dr. Mohamad Hafiz Mamat** Fakulti Kejuruteraan Elektrik
	Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Kelompok Sains Sosial & Kemanusiaan) **Dr. Mohd Rizaimy Shaharudin** UiTM Cawangan Kedah		**Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Kelompok Sains Teknologi & Perubatan)** **Dr. Mohd Masood** Fakulti Pergigian
	Anugerah Pengajaran (Teknologi) **Amizon Azizan** Fakulti Kejuruteraan Kimia		**Anugerah Pengajaran (Pengurusan dan Perniagaan)** **Dr. Sharifah Faigah Syed Alwi** Arshad Ayub Graduate Business School
	Anugerah Penerbitan Buku **Dr. Nagidar Kaur @ Naginder Kaur Surjit Singh** UiTM Cawangan Perlis		**Anugerah Pengajaran (Sains Sosial dan Kemanusiaan)** **Prof. Dr. Gurnam Kaur Gurdial Singh** Fakulti Pendidikan
	Anugerah Seni & Kreativiti (Kelompok Penulisan Kreatif) **Dato' Prof. Dr. Abdul Razak Mohaideen** Fakulti Filem, Teater & Animasi		**Anugerah Seni & Kreativiti (Seni Visual)** **Hamzah Mohamed Tahir** Fakulti Filem, Teater dan Animasi
	Anugerah Penyelidik Terbaik (Kelompok Sains Teknologi & Perubatan) **Prof. Dr. Mohd Nazip Suratman** Fakulti Sains Gunaan		**Anugerah Kepimpinan Akademik** **Prof. Madya Dr. Ahmad Asari Sulaiman** Fakulti Kejuruteraan Elektrik
	Anugerah Penceramah Terbaik **Prof. Madya Dr. Mohamad Nor Mamat** Akademi Pengajian Islam Kontemporari		**Anugerah Penulis Terbaik** **Dr. Muhammad Taha Hussain Bux** Atta-Ur-Rahman Institute For Natural Product Discovery
	Anugerah Penyelia Terbaik **Dr. Maria Justine @ Stephany** Fakulti Sains Kesihatan		**Anugerah e-Pembelajaran** **Prof. Madya Dr. Teoh Sian Hoon** Fakulti Pendidikan

Rajah 7.22
Penerima Anugerah Akademik UiTM 2015

7.7.2 Anugerah Graduan Terbaik UiTM

Anugerah Graduan Terbaik UiTM telah diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada pencapaian akademik graduan UiTM. Anugerah ini diadakan setahun sekali dan majlis penganugerahan diadakan sewaktu konvokesyen bulan November. Anugerah Graduan Terbaik UiTM 2016 telah dianugerahkan semasa Istiadat Konvokesyen ke-85 dijalankan pada 22 November 2016 sewaktu Sidang Pertama. Rajah 7.7.2 menunjukkan senarai penerima Anugerah Graduan Terbaik UiTM 2016:

Rajah 7.23
Penerima Anugerah Graduan Terbaik UiTM 2016

7.8 Aktiviti Akademik 2016

7.8.1 Program CEO @ *Faculty*

Bagi tahun 2016, sebanyak lapan (8) program yang dijalankan bersama empat (4) program CEO @ *Faculty* UiTM. Tiga (3) orang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baru telah dilantik oleh KPT selain daripada YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Pengerusi Eksekutif, CMS Consortium Sdn Bhd (COMOS) iaitu:

i. YBhg Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Mantan CEO & Presiden Permodalan Nasional Berhad

ii. YBhg Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamed Mansor, CEO Group Chairman, Media Prima Bhd

iii. YBhg Dato' Sri Shazalli Ramly, CEO Celcom Axiata Berhad

Beberapa sesi program ini telah dijalankan sepanjang tahun 2016 seperti yang dipaparkan dalam rajah 7.5:

Jadual 7.5: Sesi Program CEO @ Faculty 2016

Bil.	Sesi	CEO
1.	28 Jan 2016	YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
2.	22 Apr 2016	YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
3.	18 Mei 2016	YBhg Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamad Mansor
4.	29 Jul 2016	YBhg Dato' Sri Shazalli Ramly
5.	14 Okt 2016	YBhg Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman
6.	18 Okt 2016	YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
7.	20 Okt 2016	YBhg Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamad Mansor
8.	25 Okt 2016	YBhg Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman

Selain itu, pelajar dan pensyarah Fakulti Farmasi telah berpeluang mendengar dan berinteraksi dengan Puan Michaela Diboeck, President Norvatis Malaysia yang telah menyampaikan tajuk *"Why Work in the Pharmaceutical Industry? - A Global and Malaysian Perspective"* pada 11 Mei 2016.

Secara keseluruhan, lebih dari 5,000 orang pelajar diploma dan sarjana muda telah menghadiri program ini dan diberi pendedahan serta berkongsi pengalaman bersama barisan CEO ini. Program ini memberi peluang kepada industri untuk berkongsi pandangan mengenai hasil pembelajaran yang akan menyokong para pelajar apabila menjejak kaki ke alam pekerjaan.

Ekoran daripada program-program CEO @ Faculty ini juga, kerjasama universiti dan pihak industri dipertingkatkan. Contohnya perbincangan dengan YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir telah melahirkan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Koperasi Al-Falah bagi penawaran program jangka pendek.

7.8.2 Pencapaian UiTM Cawangan dan Fakulti dalam Inisiatif Terpilih

Sepanjang tahun 2016, UiTM Cawangan dan Fakulti telah melaksanakan pelbagai aktiviti selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan amanat Menteri Pengajian Tinggi. Jadual-jadual dalam bahagian ini hanya memperlihat sebahagian sahaja dari pencapaian dan aktiviti yang telah dilaksanakan di fakulti dan kampus.

Meskipun program keserakanan dan kesepunyaan (C&C) masih belum digerakkan secara meluas, beberapa inisiatif telah diambil fakulti dan kampus. Aktiviti dan program yang dijalankan bersifat perkongsian kepakaran dan rata-rata memberi impak positif kepada pensyarah dan pelajar.

Jadual 7.8.2.1: Keserakanan dan Kesepunyaan (Collegiality &Commonality)

Tarikh	Aktiviti	Lokasi	PTJ
11-12 Okt 2016	ASEAN Innovation on Social Exhibition and Conference 2016 (AISEC'16)	Universiti Utara Malaysia	UiTM Kedah (*Partner*)
19-20 Feb 2016.	Bengkel SAGE (GST) pelajar Fakulti Perakaunan UiTM Kedah-UUM	UiTM Kedah	UiTM Kedah (*Partner*)
24-25 Mei 2016	*International Conference on Language, Education and Civilisation* (LECIC) *2016*	Casuarina Hotel, Ipoh	APB dan ACIS UiTM Cawangan Perak
19-20 Mei 2016	Bengkel Spektroskopi dengan kerjasama UTM, UKM dan UPM	Universiti Malaysia Pahang	UiTM Pahang
9-13 Nov 2016	Train New Trainer (TNT) and Subregional Training Programme - Kolaborasi International Association of Dental Students (IADS) and Malaysian Dental Student's association (MDSA)	UiTM	Pergigian
2016	Tuan Rumah Peperiksaan Teori dan Klinikal Conjoin Melibatkan UKM, UM, USM, UIA dan UPM	UiTM	Fakulti Perubatan

Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pegigian sebagai Penganjur *Train New Trainer (TNT) and Subregional Training Programme*

Dalam tahun 2016, para pensyarah lebih aktif menjalankan inovasi dan penambahbaikan berdasarkan masalah pembelajaran dan pengajaran yang dihadapi pelajar seperti yang digambarkan dalam jadual 7.8.2.1 di atas. Sebagai contoh, para pensyarah BIO 100 telah berjaya menggunakan teknologi mudah seperti Flashcard untuk membantu pelajar. Rajah 7.24 mempamerkan antara inisiatif pembangunan P&P yang berlangsung di fakulti dan kampus.



Rajah 7.24
Inisiatif Pembangunan P&P Di Fakulti dan Kampus

Jadual 7.7: Pembangunan dan Penambahbaikan Penyampaian dan Bahan P&P

Tarikh	Aktiviti	PTJ
9-10 Nov 2016	Bengkel *Flexible Curriculum* Program Khas Pelajar Atlit	Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
19-21 Feb 2016	Bengkel iCGPA: Penjajaran Program	Fakulti Kejuruteraan Kimia
28-29 Dis 2016	Bengkel Champion iCGPA	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
18 Mei 2016	Pembangunan *e-Content* dan Kursus BleC dalam bentuk POWTOON	UiTM Cawangan Sabah
27 Ogos 2016	Bengkel Target A for MAT 183	UiTM Cawangan Pulau Pinang
Sepanjang Tahun	Bengkel *Sparkle Up Your English*	UITM Cawangan Kedah
2016	*EticaGame: The Quantum of BlackWhite*	Fakulti Perakaunan
2016	*Accounting Challenge Card*	Fakulti Perakaunan
2016	*Diagnostic tool for Assessing Student's Talent Intelligence*	Fakulti Perakaunan

Selain itu para pensyarah juga telah menggunakan Geran Penyelidikan ARAS untuk membangunkan produk P&P seperti E-book Workshop of Secretarial Practice yang digunakan untuk kursus ADM340 di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. Penulisan buku 'Buat Sendiri Probiotik Itu Mudah' untuk Kursus Mikrobiologi oleh pensyarah UiTM Pulau Pinang dan pembentangan hasil penyelidikan Pendidikan seperti yang telah dilaksankan oleh pensyarah Fakulti Perakaunan di ASEAN Conference on Accounting Education 2016 juga membuktikan para pensyarah UiTM amat tekun menambahbaik produk dan proses P&P masing-masing.

Dari segi penggunaan teknologi, pensyarah rata-rata telah menggunakan teknologi P&P seperti penggunaan aplikasi Google Plus bagi membangunkan e-kandungan atau menjalankan pembelajaran teradun (Blended Leanring oleh para pensyarah Fakulti Muzik. Konsep ***criss cross*** yang diperkenalkan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran *hands-on* menjadi salah satu keunikan proses pembelajaran di Fakulti Filem, Teater dan Animasi kerana ia mampu memberikan pelajar latihan dan pengalaman praktikal yang menyeluruh.

Jadual 7.8.2.3 seterusnya mempamerkan contoh aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan pihak industri untuk tujuan pembangunan akademik dan penyelidikan. Fakulti Perubatan sebagai contoh telah mengadakan kolaborasi penyelidikan bersama Novartis, Sanofi Aventis, Novotech, Quintiles Pharmaceutical dan lain-lain.

Jadual 7.8: Libatsama Industri dan Komuniti

Aktiviti	Hasilan	PTJ
Memorandum Persefahaman FiTA-AMIKOM, Yogjakarta	Pembangunan Jabatan Filem	Fakulti Filem, Teater dan Animasi dan STMIK AMIKOM
Seminar *"How to Make Money from Investment in Capital Market"*	Pendedahan kepada pelajar dan pensyarah tentang aktiviti-aktiviti Bursa Malaysia,	UiTM Cawangan Perlis
Program Pengajaran Bahasa Melayu di Kalangan Guru-guru dari Muslim Wittayya School, Phuket, Thailand (Perlis)	Memupuk kerjasama dan jalinan dua hala antara UiTM Cawangan Perlis dan masyarakat luar dan antarabangsa.	UiTM Cawangan Perlis

AMIKOM and Malaysia's UiTM agree to develop film department

The Communication and Information Technology Management School AMIKOM (STMIK AMIKOM) recently signed a memorandum of understanding (MoU) with Malaysia's MARA Technology University (UiTM) to develop the former's film department.

The Sept. 16 signing ceremony was attended by a number of UiTM bigwigs, including its vice chancellor Hassan Said, dean Razak Hj. Mohaideen, film, theater and animation school deputy dean Khairul Anwar bin Mat Kassim, special officer to vice chancellor Raja Mohamad Fikri Raja Azman, head of film center Ahmad Faizul Abd. Rashid and head of animation center Muhamad Azhar Abdullah.

They were received by STMIK Amikom chairman M. Suyanto, as well as the university's board of directors at the campus' cinema room. The MoU signing was witnessed by the Information and Communication Ministry's technology expert staff Woro Indah Widyastuti.

During the ceremony, UiTM leaders took the chance to watch animations produced by MSV pictures, including the *Battle of Surabaya* cinema and television series, as well as an animated movie on a Chinese missionary who spread Islam in Indonesia: Cheng Ho.

The MoU signing event was divided into two agendas. First, an inter-university agreement between Syanto and Hassan Said comprising agreements on student exchange, internships and career opportunities for students from both campuses, as well as joint research and event programs.

Second, the signing of the MoU between MSV pictures and FiTA Studios Malaysia, represented by MSV pictures chief executive officer Aryanto Yuniawan and FiTA dean Razak Hj. Mohaideen. An important agreement point covers co-production of animations between the two studios.

Pihak industri juga dilibatkan dalam inovasi P&P sepertimana yang dijalankan di Fakulti Perakauan. Produk *Intelligent Accounting Training Solution (I-AccTS)* dibangunkan dengan kolaborasi bersama firma SALIHIN dengan memfokuskan penggunaan produk di dalam Kelas AIS510 iaitu memberi kemudahan kepada pelajar mempelajari Accounting Software dengan lebih berkesan dan dapat mempertingkatkan jumlah kelulusan peperiksaan software Perakaunan.

Jadual 7.9: Pencapaian Hasil Pembelajaran

Pencapaian	PTJ
Pencapaian pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi di peringkat industri tempatan dan antarabangsa seperti Putri Purnama Sugua telah menggondol beberapa anugerah peringkat Malaysia dan seterusnya terpilih untuk menyertai program incubator peringkat antarabangsa di Phnom Penh	Fakulti Filem, Teater dan Animasi
Formula Society of Automotive Engineering (FSAE- Australasia) World Class varsity design, assembly and race car competition, Calder Raceway Circuit, Caldef Park Victoria, Australia telah disertai oleh 13 orang pelajar pada 8-11 Disember 2016.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Muzik meraih 3 Pingat Emas dan Anugerah Khas Komposisi di 30th Praga Cantat Prague, Czech Republic Vienna, Austria	UiTM Chamber Choir (Fakulti Muzik)
3 kumpulan pelajar telah memenangi hadiah utama di Innovative Youth Leader 3.0: Social Media Video Advertising Peringkat Nasional. Pelajar telah menghasilkan video untuk enam (6) syarikat utama Malaysia.	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

7.9 Penutup

Tahun 2016 telah merakamkan pelbagai pencapaian dan penganjuran aktiviti-aktiviti berteraskan akademik yang amat membanggakan oleh BHEA, PTJ, Fakulti, UiTM Cawangan dan Pusat Akademik. Dalam menghadapi cabaran tahun 2017, BHEA telah menyusun dan merancang pelbagai aktiviti untuk memperbaiki, mempertingkat dan memperkukuh mutu pengajaran dan pembelajaran, pencapaian akademik pelajar dan pengurusan akademik Universiti ke tahap lebih tinggi dan cemerlang selaras dengan aspirasi UiTM, KPT dan Negara.

PENGANTARABANGSAAN

7.10 Pengenalan



Rajah 7.25
Halatuju OIA 2016

Pelbagai strategi pengantarabangsaan yang telah direncana sepanjang tahun 2016 untuk memastikan objektif pengantarabangsaan universiti dapat dicapai. Selaras dengan *tagline* sambutan ulangtahun UiTM ke-60 melonjak UiTM ke persada global.

Dalam merealisasikan halatuju pengantarabangsaan ini, OIA berperanan untuk mengambil peluang dalam mencari ruang kolaborasi antarabangsa. Fokus utama OIA adalah untuk menjalinkan kerjasama antarabangsa dengan institusi pengajian tinggi antarabangsa memandang pendidikan tinggi merupakan teras universiti. Selain itu, hubungan baik dengan pihak kedutaan menjadi strategi terbaik untuk hubungan dua hala bagi Malaysia khususnya UiTM dengan pihak negara antarabangsa.

7.11 Jaringan Hubungan

Sepanjang 2016 Office of International Affairs (OIA) telah membuat sebanyak 66 mesyuarat kolaborasi iaitu 12 mesyuarat bersama pihak kedutaan dan 43 mesyuarat bersama universiti antarabangsa ke UiTM dan lain-lain pihak sepanjang tahun 2016.

Rajah 7.26

Jaringan hubungan OIA

7.11.1 Kunjungan Kerja Rasmi ke Kedutaan Asing di Malaysia

OIA memfokuskan jalinan kerjasama bersama pihak Kedutaan Asing di Malaysia mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan rakan strategik (universiti antarabangsa) negara tersebut dengan pihak UiTM.

7.11.2 Kunjungan Kerja Rasmi ke UiTM

Office of International Affairs juga telah menguruskan siri lawatan kepada pelawat akademik & bukan akademik antarabangsa ke Universiti Teknologi MARA sepanjang tahun 2016 berjumlah 98 orang.

Melalui pelbagai perjumpaan dan mesyuarat ini maka terjalinnya jaringan antarabangsa yang lebih erat dengan termeterainya MoU dan MoA dan pelbagai jenis kolaborasi.

Rajah 7.27

Jaringan Kerjasama diantara UiTM dan Universiti Luar Negara

7.11.3 Kolaborasi Antarabangsa UiTM Sepanjang Tahun 2016

Sepanjang tahun 2016, UiTM telah berjaya menjalinkan hubungan kolaborasi dengan **19** universiti luar negara yang menjalinkan sebarang usahasama dalam pelbagai bidang. Di antara universiti luar negara tersebut adalah:

Jadual 1 : Jaringan pelbagai kolaborasi Antarabangsa dalam tahun 2016

NO.	NEGARA	INSTITUSI	TARIKH
1	Australia	The University of Western	09/09/2016
2		University of New England	29/04/2016
3	Indonesia	Institut Seni Indonesia, Surakarta	29/04/2016
4		Binus University (MOA)	30/09/2016
5		Universitas Ahmad Dahlan Yogyakarta	01/10/2016
6		STMIK AMIKOM, Jogjakarta	16/09/2016
7		Universitas Negeri Semarang	10/10/2016
8	Jepun	Kyushu Institute of Technology	05/09/2016
9		Tokyo Denki University	10/08/2016
10		Toyo University	27/07/2016
11	Korea	Kangwon National University	08/01/2015
12		Kangwon National University (LOI)	16/06/2016
13	Poland	Opole University of Technology	23/09/2016
14	Rusia	Volgograd State Medical University	27/05/2016
15	Sudan	National University	13/06/2016
16	Thailand	Walailak University	07/04/2016
17	Turki	Kastamonu University	11/04/2016
18	United Kingdom	Queen Mary University of London	07/04/2016
19	Amerika Syarikat	California State University, San Marcos	29/06/2016

Untuk memastikan agenda pengantarabangsaan dapat dilaksanakan OIA telah melakukan langkah proaktif dengan membuat penambahbaikan melalui beberapa kertas kerja yang dibawa ke peringkat pengurusan tertinggi untuk ditambahbaik supaya aktiviti pengantarabangsaan dapat dibuat dengan lebih efisien.

Rajah 7.28

Penyertaan dalam Ekspo Pendidikan, Konferensi, Lawatan dan Mesyuarat Luar

Selain itu, pihak OIA juga menyertai beberapa Konferensi Antarabangsa seperti ASEAN Mobilty Conference, China ASEAN Conference, 12th QS Asia Pasific Professional Leaders in Education Conference and Exhibition (APPLE) untuk mendapatkan ilmu pengantarabangsaan disamping memperbanyakkan jaringan dikalangan institusi pengajian tinggi antarabangsa yang menjalankan promosi pengantarabangsaan universiti terutamanya program mobiliti dan program pascasiswazah yang ditawarkan di UiTM.

7.12 Pencapaian Aktiviti Pengantarabangsaan

Terdapat pelbagai impak positif kepada universiti, pelajar dan staf melalui aktiviti pengantarabangsaan diantaranya adalah *"International Institutional Visibility"* di peringkat global.

Tahun 2016 memperlihatkan usaha OIA dan pihak fakulti dan cawangan untuk meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan melalui penganjuran *Summer Programme* yang telah dilancarkan oleh Naib Canselor UiTM pada pertengahan tahun 2016. Sebanyak 10 *Summer Programme* yang telah dianjurkan oleh OIA, fakulti dan kampus cawangan pada tahun 2016 yang telah dapat menjana pendapatan sebanyak RM304,502.00 dengan universiti terkemuka seperti Korea (Hanyang University), Jepun (Gunma University, Bunkyo Gakuin University, Toyo University), United Kingdom (Sussexx University), Indonesia (Institut Agama Islam Negeri Mataram) dan lain-lain.

Terdapat 6 kategori pencapaian aktiviti pengantarabangsaan iaitu Mobiliti Pelajar *(Inbound / Outbound),* Mobiliti Staf *(Inbound / Outbound),* Aktiviti Pelajar, Projek Kerjasama, Kerjasama Penyelidikan dan Usahasama Program Akademik.

7.12.1 Mobiliti Pelajar *(Inbound / Outbound)*

Program mobiliti pelajar antarabangsa adalah satu kaedah terbaik untuk memberi pendedahan peringkat global kepada pelajar samada Mobiliti Pelajar *Inbound* atau *Outbound.*



Rajah 7.29
Mobiliti Pelajar

Pada Tahun 2016, UiTM mempunyai seramai 121 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa daripada pelbagai bidang (Sumber IPSis). Pihak OIA lebih memfokus kepada peningkatan bilangan pelajar mobiliti *inbound* dan mobiliti *outbound*. Terdapat dua kategori iaitu pertukaran pelajar (*student exchange*) dan *Summer Programme*. Bagi program pertukaran pelajar adalah merupakan program mobiliti yang melebihi 3 bulan atau 1 semester manakala *Summer Programme* merupakan program mobiliti jangka pendek yang selalunya tempoh 2 minggu ke 3 bulan. Bagi tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 92.2 peratus bilangan pelajar *Summer Program Outbound* dan 48.7 peratus bagi bilangan pelajar *Summer Programme Inbound.*

Terdapat 13 tajaan yang diterima untuk mobiliti pelajar UiTM sepanjang tahun 2016. Diantaranya adalah seramai 4 orang pelajar telah mendapat tajaan penuh daripada Chungnam National University untuk menyertai *Chungnam National University Summer Session for International Students* (CNU&SSIS). Manakala 2 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah mendapat tajaan penuh ke Gyeongsang National University (GNU).

Manakala bagi program pertukaran pelajar telah mendapat peruntukan dari ASEAN International Mobility for Students Program (AIMS) ke Universitas Pendidikan Indonesia, Binus University, Bogor Agricultural University, University of Tsukuba, Mae Fah Luang University dan Prince of Songkla University. 4 orang pelajar UiTM telah mendapat tajaan ke Matsuyama Shinonome College dan Bunkyo Gakuin University.

7.12.2 Mobiliti Staf *(Inbound / Outbound)*

Program mobiliti staf adalah salah satu projek transformasi yang masih dalam proses kerana untuk mencapai pendedahan global. Terdapat beberapa kategori didalam mobility staf seperti sabatikal, pasca kedoktoran (*post-doctoral*), pemeriksa luar, pengajaran/ kuliah, pengajaran bersama (*co-teaching)*, latihan professional, sangkutan industri dan konsultasi.



Rajah 7.30
Mobiliti Staf

Bagi menyediakan staf yang bertaraf global pihak universiti telah menghantar 17 orang staf ke beberapa institusi antarabangsa seperti Fachhochschule Hannover - University of Applied Sciences and Arts, Asia Implant Institute dan Universitas Andalas bagi pendedahan bertaraf global.

Selain itu, bagi memastikan taraf akademik universiti telah melantik 7 pemeriksa luar bagi menjamin ketelusan dan taraf sistem akademik UiTM. UiTM juga mempunyai 10 orang pasca Kedoktoran (*post-doctoral*) daripada pelbagai universiti seperti University of Oxford, University of Nottingham, University Of Manchester, University of Texas Medical Branch dan lain-lain.

7.12.3 Aktiviti Pelajar

i. Pencapaian Program Mobiliti Pelajar Antarabangsa UiTM bagi Tahun 2016

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang 2016. Sebanyak 31 *embedded programme* (juga dikenali sebagai aktiviti "*Internationalization at Home"*) dimana pelbagai program dianjurkan dengan gabungan pelajar UiTM bertujuan agar aktiviti tersebut boleh membantu

untuk memberi pendedahan antarabangsa. Terdapat 29 siri lawatan dianjurkan untuk melawat tempat menarik di OIA. Projek CSR bersama pihak OIA, OIA *Buddies* dan pihak Kementerian Pendidikan.

Rajah 7.31
Aktiviti Pelajar

Diantara pencapaian terbaik pelajar antarabangsa UiTM adalah mendapat tempat kedua dalam pertandingan *1 World Culture 2016 International Students Cultural Festival in Celebration of Song & Dance* yang diadakan di Nilai University, Putra Nilai, Negeri Sembilan pada 13 November 2016 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan.

Pihak OIA juga memastikan penglibatan lebih ramai pelajar UiTM untuk berinteraksi dengan pelajar antarabangsa melalui pelbagai program kerana program-program seperti ini dapat merealisasikan hasrat universiti untuk mengaplikasikan konsep *Internationalisation at Home.*

7.12.3 Projek Kerjasama dan Kerjasama Penyelidikan

Sepanjang tahun 2016, pelbagai projek kerjasama dan kerjasama penyelidikan dibuat untuk memastikan jalinan kolaborasi akademik antarabangsa dimanfaat secara total.

Diantara projek kolaborasi yang berlaku pada 2016 ialah Manipal University bersama Fakulti Pergigian dengan membuat Penilaian Program Akademik (*Outbound*). Selain itu, jalinan kejasama dengan Institut Teknologi Bandung bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik berjaya menganjurkan konferensi bersama iaitu 6th International Conference on System Engineering and Technology (ICSET).

Rajah 7.32
Projek Kerjasama dan Kerjasama Penyelidikan

Selain negara ASEAN, UiTM juga melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan konferensi bersama International Conference of Electronic Devices, System and Application 2016 di UAE.

Terdapat kerjasama penyelidikan yang telah dibuat pada 2016 seperti penyelidikan mengenai "*Does Vitamin a supplementation protect schoolchildren from acquiring soiltransmitted helminthiasis? Arandomized controlled trial*" bersama Fakulti Sains Kesihatan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), SEGi University & Colleges, Sana'a University (Yemen), dan Umaru Musa Yar'adua University.

7.13 Penutup

Tahun 2016 membuktikan bahawa *Awareness Campaign* bagi *Summer Programme* yang telah dibuat OIA berjaya menarik minat fakulti dan kampus cawangan untuk menganjurkan dan mempelbagaikan *Summer Programme* mengikut kepakaran dan kekuatan setiap fakulti dan kampus cawangan. *Summer Programme* akan terus menjadi agenda utama OIA dalam merancakkan pengantarabangsaan di UiTM kerana program ini merupakan salah satu inisiatif terbaik bagi penjanaan pendapatan universiti.

OIA sangat komitmen dalam merealisasikan hasrat universiti untuk melonjak UiTM ke persada global dimana pelbagai strategi telah dan akan direncanakan bagi merancakkan aktiviti pengantarabangsaan di seluruh fakulti dan kampus cawangan. OIA amat positif dengan strategi yang telah direncanakan agar dapat dilaksanakan pada tahun hadapan dengan bantuan daripada semua staf OIA dan pihak Pengurusan Tertinggi Universiti akan dapat menjadikan UiTM sebuah universiti yang bertaraf global setanding dengan universiti terunggul didunia ini menjadi realiti.

BAB 8.0

PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI

8.1 Pendahuluan

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat kampus negeri serta cawangannya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*, ii) *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, iii) ketetapan badan-badan profesional serta iv) keperluan ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelaras utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain portfolio berkaitan kualiti. Pada tahun 2016 InQKA memberi fokus kepada beberapa projek Headline KPI universiti yang bertujuan untuk i) menambahbaik proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek Operational Excellence (OE), ii) meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif Penarafan Universiti (QS dan THE), dan iii) Inisiatif ketampakan UiTM dipentas digitalisasi global menerusi Pemantapan Web Media UiTM.

8.2 Aktiviti Kualiti

Selaras dengan pemantapan tadbirurus UiTM di bawah program Trans4U. peranan InQKA sebagai pusat kualiti universiti telah berjaya menguruskan aktiviti-aktiviti yang menjamin tadbirurus kualiti seperti berikut:

Jadual 8.1: Senarai Aktiviti Kualiti InQKA

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil. 1 Tahun 2016	6 Januari 2016
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Ke-2 Bil 1 Tahun 2016	17 Mac 2016
3.	Audit Pematuhan (SV4 & SV5) MS ISO 9001:2008 oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)	14 – 15 Januari 2016.
4.	*Roadshow* Penarafan Universiti ke 10 Fakulti	27-28 Januari 2016
5.	*Briefing on University Ranking: Understanding the Approach*	29 Januari 2016
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK (JPKIK)	4 April 2016
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM)	9 Mei 2016
8.	Mesyuarat Rakan Strategik Penarafan Universiti 2017	13 Mei 2016
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU)	24 Jun 2016
10.	Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)	29 Jun – 1 Julai 2016
11.	Dialog Bersama PNC InQKA di UiTM Seremban 3	3 Jun 2016
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan	15 November 2016
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK	30 November 2016

Buat julung-julung kalinya InQKA telah menerima lawatan penandarasan dan penempatan *Work Attachment* dari dalam dan luar negara pada tahun 2016.

Jadual 8.2: Senarai Lawatan Penandaras dan *Work Attachment* di InQKA

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Penandaarasan oleh Jazan Universiti, Arab Saudi	4 Ogos 2016
2.	Lawatan Pemerhatian Penilaian Luar Oleh Pegawai Jaminan Kualiti Afghanistan dan Thailand ke UiTM Shah Alam	27 September 2016
3.	Lawatan Rasmi Pegawai Jaminan Kualiti Dari Jepun, Afghanistan dan Thailand Ke UiTM Shah Alam	28 September 2016
4.	Work Attachment 2016/2017 pegawai MQA	24 – 28 Oktober 2016

Pensijilan ISO9001:2008 UiTM telah diperbaharui berkuat kuasa dari 2 Ogos 2016 hingga 14 September 2018. Tahun 2017 akan menyaksikan InQKA bekerja dengan gigih bersama-sama Jabatan/Bahagian/Unit yang berkaitan untuk peralihan dari ISO9001:2008 kepada ISO9001:2015.

CERTIFICATE OF APPROVAL

Pejabat Canseleri, UiTM
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia

ISO 9001:2008
EN ISO 9001:2008
BS EN ISO 9001:2008
MS ISO 9001:2008

Pengurusan korporat institusi pengajian tinggi.

Rajah 8.1

Sijil ISO9001:2008 Pejabat Canseleri UiTM

8.3 Sistem Kualiti Universiti

UiTM menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang Bersepadu yang mengambilkira keperluan COPIA dan ISO 9001:2008. Skop perlaksanaan SPK UiTM terdiri dari semua peringkat pengajian dan bidang tumpuan yang merangkumi penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan dan penglibatan masyarakat & kelestarian.

Untuk memantapkan lagi SPK sedia ada, Sistem Pengurusan Kualiti Versi Kedua telah dilaksanakan bermula dari Oktober 2014 sehingga September 2016. Lebih dari 80% PTJ telah berjaya menyedia dan memantapkan SPK masing-masing dengan memastikan manual, prosedur dan dokumen kualiti diselenggara dengan baik. Audit Dalam juga dilaksanakan oleh lebih dari 80% PTJ. Bilangan staf yang diberikan latihan berkaitan SPK adalah seramai 764 orang semuanya.

Pada bulan November 2015, versi baru ISO 9001:2015 telah diperkenalkan. Sebagai persediaan melangkah ke versi ini, InQKA telah mengadakan beberapa siri latihan dan taklimat kepada staf di seluruh UiTM sepanjang tahun 2016. Kursus dan bengkel telah diberikan kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kualiti serta Wakil Pengurusan semua PTJ. Manakala satu taklimat diadakan untuk Pengurusan Atasan berkaitan peranan mereka dalam peralihan ke arah ISO 9001:2015. Kerja-kerja penyediaan dokumen yang memenuhi keperluan ISO 9001:2015 dijadualkan bermula pada Februari-Jun 2017 untuk bahagian korporat manakala untuk PTJ lain dari Februari-November 2017.

8.4 Kecemerlangan Operasi

Pengarah Kecemerlangan Operasi (OE) telah diwujudkan pada 1 Mei 2016 dengan menaik taraf skop tugas Ketua Pengurusan Kualiti di InQKA. Ia bertujuan untuk memastikan kecemerlangan operasi UiTM. Ianya sangat penting untuk meningkatkan prestasi universiti dari segi operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Keberkesanan proses hasil dari penambahbaikan proses yang dilakukan dapat diukur berdasarkan penjimatan dari segi kos, masa, dan juga penggunaan sumber yang lain.

Terdapat beberapa aktiviti utama dalam usaha membangunkan kecemerlangan operasi universiti yang terdiri daripada pembentukan pasukan pelatih, komunikasi dan penubuhan pasukan OE, latihan untuk OE, membangunkan sistem *'on line process improvement register' (OPIR)*, mengenalpasti dan merekod proses dan proses untuk penambahbaikan, mengukur prestasi proses semasa, menambahbaik proses, mengukur keberkesanan proses yang ditambahbaik, dan akhir sekali melaksana proses yang ditambahbaik. Perlaksanaan inisiatif kecemerlangan operasi UiTM akan menggunapakai pendekatan '*DMAIC' Six Sigma.* Keseluruhan proses ini dijangka siap pada November 2017.

Seramai lebih kurang 130 orang staf yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti dan Pelatih OE telah dilatih tentang perlaksanaan kecemerlangan operasi dan *'tools'* yang digunakan untuk penambahbaikan proses seperti *Pareto Diagram, Fishbone Chart, Check Sheet, Value Stream Mapping, Flow Chart, Process Mapping* dan juga *Service Blue Printing.* Mereka pula melatih *'Excellence Team'* di PTJ masing-masing yang kini berjumlah lebih kurang 900 orang.

8.5 Web Media dan Media Sosial

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti (JKE) UiTM Bil. 10/2015 telah meluluskan pemindahan fungsi Web Media UiTM dari Bahagian Canseleri Komunikasi dan Korporat ke InQKA. Pemindahan Web Media UiTM ke InQKA telah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2015.

8.5.1 Dasar Pengurusan Laman Web Universiti Edisi 2016 dan Dasar Media Sosial Universiti

Sepanjang tahun 2016 Jabatan Web Media InQKA telah memantapkan pengurusan Web Media UiTM. Dasar Pengurusan Laman Web Universiti Edisi 2016 dan Dasar Media Sosial Universiti telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) yang telah diadakan pada 7 September 2016.

8.5.2 Penggunaan Perisian SOCIO

Aplikasi SOCIO telah mula digunapakai pada bulan September 2016. Aplikasi ini mampu mengesan aduan-aduan yang disampaikan oleh para pelajar secara tidak rasmi di media sosial.

Aplikasi ini juga mampu mengesan sebarang maklumbalas berkenaan UiTM oleh semua pihak sama ada pelajar, kakitangan dan orang awam sama ada dalam bentuk positif atau negatif.

Dengan adanya aplikasi ini, pihak UiTM berkemampuan untuk membendung sesuatu isu dengan segera sebelum ia menular dan tersiar di dalam media masa. Selain itu, ianya mampu membantu pihak pengurusan untuk merancang aktiviti yang bersesuaian dengan situasi terkini di media sosial. Ia juga sebahagaian dari inisiatif meningkatkan "visibility" UiTM di persada dunia. Pihak SOCIO mengadakan latihan untuk InQKA membangunkan strategi digital yang tepat dan berkesan kepada mencorakkan pembudayaan

8.5.3 Pelancaran Laman Web UiTM yang baharu

Laman web baharu UiTM telah dilancarkan pada 8^{hb} Disember 2016 di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM oleh YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Laman web baharu ini mula boleh digunakan pada 4^{hb} Januari 2017.

Laman web baharu UiTM berjaya memberikan wajah baru yang lebih segar dan menarik. Kriteria-kriteria laman web dan kandungan laman web juga telah ditambahbaik. Laman web baharu UiTM akan dijadikan laman web contoh kepada semua laman web pusat tanggungjawab UiTM.

Laman web baharu UiTM yang dibangunkan ini adalah selari dengan perkembangan laman web masakini. Ia memberikan satu momentum atau impak yang positif kepada warga UiTM khususnya dan masyarakat luar amnya. Dengan ini, laman web baharu UiTM menjadi alat yang menyokong dan berkeupayaan merealisasikan UiTM menjadi sebuah universiti yang tersohor di mata dunia.

8.6 Penarafan Universiti

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) merupakan bahagian yang diberi mandat untuk mengurus kompilasi data dari beberapa jabatan penting untuk dikemaskini, dimuatnaik, dilapor dan dipantau pencapaian keputusan penarafan universiti oleh badan-badan penarafan. Badan-badan penarafan yang dimaksudkan adalah penarafan QS (*QS World University Ranking, QS Asian University Ranking, QS World University Ranking By Subject, QS Star Rating*), penarafan T*imes Higher Education* (*THE World University Ranking dan THE World University Ranking By Subject*), penarafan SETARA dan D'SETARA oleh MQA.

Penarafan Universiti ini juga adalah merupakan salah satu *Headline KPI* untuk semua universiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, Projek Transformasi UiTM (Trans4U) – Penarafan Universiti telah mensasarkan kedudukan UiTM untuk setiap badan penarafan sehingga tahun 2018. Pihak InQKA juga bertanggungjawab membantu Pusat-pusat Tanggungjawab untuk membina strategi untuk mencapai sasaran tersebut.

8.6.1 Pencapaian Penarafan

Keputusan *QS By Subject* yang dikeluarkan pada 22 Mac 2016 telah menunjukkan UiTM memperbaiki kedudukan dengan memperolehi 5 subjek disenaraikan untuk tahun 2016 berbanding 3 subjek bagi tahun 2015.

Rajah 8.6

Pencapaian semasa penarafan universiti

Bagi penarafan QS STARS pula, UiTM telah memperoleh 5 bintang untuk kriteria Pengajaran, Fasiliti dan Inovasi, 4 bintang untuk kriteria Kebolehpasaran, 3 bintang untuk Pengantarabangsaan, dan Senibina/*Build Environment* dan 2 bintang untuk kriteria Penyelidikan dan Tanggung Jawab Sosial. Secara keseluruhan UiTM telah memperoleh 3 bintang untuk penarafan QS STARS.

Rajah 8.67

Pencapaian penarafan QS STARS

8.6.2 12th QS Apple Conference and Exhibition

12th QS Apple Conference and Exhibition (QS-APPLE) anjuran QS Asia telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 22 hingga 24 November 2016. UiTM telah menghantar delegasi seramai lapan (8) orang ke 12th QS-APPLE. Selain daripada terlibat dengan pameran sepanjang program, UiTM juga telah menghantar penyertaan dalam pertandingan *Creative Awards* yang dipertandingkan. Walau pun UiTM tidak memenangi sebarang anugerah, penyertaan UiTM telah meningkatkan *visibility* UiTM dipersada antarabangsa.

Berikut adalah senarai anugerah yang telah dipertandingkan:

i. *Best International Print Advertisement*
ii. *Most Creative Corporate Institution Video*
iii. *Best International Student Recruitment Brochure*
iv. *Best International Website Page*
v. *Most Creative Exhibition Booth*

8.6.3 Pembangunan Pangkalan Data (Sistem UiRIS)

Hasil daripada Bengkel Pembinaan Pangkalan Data Penarafan 2017, pembangunan Sistem UiRIS telah dimulakan. Kerja-kerja pembangunan sistem UiRIS sedang giat dijalankan dengan kerja sama pihak Jabatan Infostruktur. Modul 1 sistem UiRIS dijangka siap pada bulan Mac 2017. Ini akan disusuli dengan pembangunan Modul 2 sistem UiRIS yang akan merangkumi keperluan data semua jenis penarafan tersebut termasuk MyRA yang dikendalikan oleh IRMI.

8.7 Penilaian Kendiri (COPPIA)

Penilaian Luar (*External Review)* InQKA kini di peringkat akhir kitaran ketiga bagi tempoh 2015/2016. Di dalam kitaran ini, verifikasi ke atas penemuan ERR2 *(External Review Report Cycle 2*) dibuat termasuk penemuan ERR1 (External Review Report Cycle 1) yang masih tertangguh. Verifikasi terhadap tindakan yang diambil dikategori mengikut status: *Resolved, Unresolved* dan *Action in progress*. Skop penilaian pula adalah pelaksanaan dan keberkesanan sistem jaminan kualiti pusat akademik dalam memenuhi keperluan COPIA serta pelaksanaan dan penyelenggaraan berterusan serta keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti selaras dengan keperluan ISO9001:2008 seperti yang dinyatakan di dalam manual kualiti pusat akademik.

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 19 pusat akademik telah dinilai. Hasil penilaian tersebut mendapati sistem jaminan kualiti di pusat akademik di UiTM masih kekal dan kukuh.



Rajah 8.7

Jadual Penilaian Luar 2016 (Cycle 3)

8.8 Inovasi dan Kreativiti

Tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisisan serta penghasilan ide-ide baharu yang kreatif dan inovatif menjurus kepada penghasilan berkualiti yang dapat dinikmati dengan ketara dan secara meluas serta memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan UiTM, khususnya dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara.

8.8.1 KIK Peringkat IPTA

Sebanyak 4 kumpulan IK telah terpilih untuk mewakili UiTM ke Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam 2016. Kumpulan-kumpulan ini merupakan antara kumpulan IK terbaik yang telah berjaya dalam Konvensyen KIK peringkat UiTM kali ke-20 tahun 2015. Berikut merupakan pencapaian kumpulan yang bertanding:

Jadual 8.3: Jadual Penarafan Kumpulan IK di Peringkat IPTA

KUMPULAN	KAMPUS	PENARAFAN
AKAL	UiTM PERLIS	EMAS
FASTMAX	UiTM KELANTAN	EMAS
KRISTAL	UiTM PULAU PINANG	PERAK
GEN'S 5S	UiTM PERAK	PERAK

Jadual 8.4: Jadual Penganugerahan Peringkat IPTA

ANUGERAH	PENERIMA	KAMPUS
ANUGERAH FASILITATOR TERBAIK	EN ZULKIFLI ASWAN	UiTM PERLIS

8.8.2 Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM

Projek-projek KIK yang baharu dihasilkan pada tahun 2016 telah dipertandingkan diperingkat Zon.

Rajah 8.8
Jadual Penganjuran KIK Peringkat Zon UiTM

8.8.3 Konvensyen KIK Peringkat UiTM

Buat julung kalinya Konvensyen KIK Peringkat UiTM telah dianjurkan oleh InQKA sendiri. Konvensyen KIK Peringkat UiTM kali ke-21 telah berjaya diadakan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), UiTM, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Konvensyen ini disertai oleh kumpulan-kumpulan IK yang telah berjaya melepasi konvensyen di peringkat Zon (Zon Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak). Penyertaan terhad kepada 20 kumpulan sahaja.



Rajah 8.9
Bilangan kumpulan bagi setiap zon yang terpilih ke konvensyen KIK Peringkat UiTM

Buat pertama kalinya juga, pertandingan **KIK All Stars** telah diadakan bagi mengiktiraf projek-projek KIK yang telah dihasilkan sejak tahun 2005 sehingga kini dan berimpak tinggi. Penyertaan yang diterima amat memberansangkan. Terdapat 36 penyertaan daripada seluruh UiTM. Kumpulan yang berjaya mengungguli anugerah ini buat pertama kalinya adalah **Kumpulan INFO-10** daripada UiTM Johor. Kumpulan ini telah menghasilkan produk yang diberi nama MyDocShelves yang merupakan satu produk yang mendigitalkan dokumen konvo dan dimuatnaik sebagai aplikasi digital yang mampu dicapai secara mudahalih.

8.9 Penilaian Kecemerlangan

Anugerah Kualiti UiTM telah mula diperkenalkan sejak tahun 1994. Pada awalnya, hanya 12 anugerah sahaja dipertandingkan. Akan tetapi, jumlah anugerah yang dipertandingkan telah berubah dari tahun ke tahun, sesuai dengan tumpuan dan pendekatan kualiti yang dirancang.

Amnya, anugerah ini diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada gerakan kualiti yang menyeluruh khususnya di kalangan warga dan jabatan UiTM sendiri. Ringkasnya, anugerah ini merupakan satu penghargaan kepada jabatan dan warganya yang berusaha kearah kecemerlangan dan membudayakan pengurusan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, memenangi anugerah semata-mata bukan matlamat penganugerahan. Menambahbaik pengurusan dari masa ke semasa dan mengamalkan budaya kualiti menyeluruh akan secara tidak langsung meningkatkan nilai dan kualiti kerja yang berterusan.

Selaras dengan semangat untuk meningkatkan nilai dan kualiti kerja warga universiti secara berterusan, skop pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) telah ditambahbaik. Skop pelaporan telah difokuskan kepada bidang tumpuan yang lebih spesifik. Bidang tumpuan adalah mengikut kepada teras unit/jabatan/fakulti/kampus iaitu samada i) pengajaran & pembelajaran,

ii) penyelidikan dan penerbitan, iii) jaringan industri dan/atau iv) perkhidmatan. Pusat tanggung jawab harus melaporkan aktiviti yang dijalankan dan pencapaian prestasi bagi jangkamasa 2011-2015 mengikut kepada perancangan strategik bagi bidang tumpuan yang dipilih.

Rajah 8.10
Perubahan AKNC Tahun 2016

Penilaian Laporan AKNC : Kriteria & Markah

2008 - 2015

KRITERIA	TAJUK	MARKAH
Kriteria Satu	KEPIMPINAN	120
Kriteria Dua	PERANCANGAN STRATEGIK	85
Kriteria Tiga	TUMPUAN PELANGGAN	85
Kriteria Empat	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN	90
Kriteria Lima	TUMPUAN TENAGA KERJA	85
Kriteria Enam	TUMPUAN PROSES/OPERASI	85
Kriteria Tujuh	HASIL	300
Kriteria Lapan	INOVASI	150
	JUMLAH	1000

2016

KRITERIA	TAJUK	MARKAH
Kriteria Satu	KEPIMPINAN (inovasi)	120
Kriteria Dua	PERANCANGAN STRATEGIK (inovasi)	85
Kriteria Tiga	TUMPUAN PELANGGAN (inovasi)	85
Kriteria Empat	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (inovasi)	90
Kriteria Lima	TUMPUAN TENAGA KERJA (inovasi)	85
Kriteria Enam	TUMPUAN PROSES/OPERASI (inovasi)	85
Kriteria Tujuh	HASIL (5 item hasil - 90 markah)	300 + (150)
	JUMLAH	1000

Perubahan pada tahun 2016 adalah Kriteria Inovasi telah dikeluarkan sebagai item kriteria. Namun elemen inovasi telah ditambah kepada kriteria yang berkaitan seperti kepimpinan, pengukuran dan proses. Markah bagi Kriteria Inovasi telah di masukkan ke Kriteria Hasil.

Rajah 8.11
Perubahan Kriteria dan Markah Penilaian Laporan AKNC 2016



Rajah 8.12
Perubahan hadiah AKNC 2016

Keputusan AKNC 2016 adalah seperti berikut:

Rajah 8.13
Pemenang AKNC 2016 Kategori Bahagian/Unit

Rajah 8.14
Pemenang AKNC 2016 Kategori Kampus Negeri

Rajah 8.15
Pemenang AKNC 2016 Kategori Fakulti

Rajah 8.16
Juara Keseluruhan AKNC 2016

8.10 Penutup

InQKA mempunyai 30 orang staf yang terdiri daripada seorang Penolong Naib Canselor, 2 orang Pengarah, 7 orang Ketua, 2 orang Koordinator dan 18 orang Staf Pentadbiran. Semua pengurusan aktiviti yang telah dirancang pada akhir tahun 2015 dilaksanakan dengan berpandukan kepada Kalendar Aktiviti InQKA 2016. Kalendar Aktiviti InQKA merupakan arahan kerja kepada semua staf InQKA dan membolehkan mereka bertindak dengan proaktif dalam memastikan kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang.

InQKA turut mengamalkan perkongsian Doa Pagi oleh Penolong Naib Canselor InQKA melalui aplikasi WhatsApp yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni di kalangan warga InQKA. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan program-program yang mengukuhkan semangat keserakanan di kalangan warga InQKA seperti program Majlis Berbuka Puasa, Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Jamuan Hari Raya, Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih dan Program Perancangan Strategik InQKA.

Secara keseluruhan tahun 2016, InQKA berjaya menguruskan bajet dengan baik (varian kurang daripada 10%) dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang dan hanya tiga daripada 100 aktiviti yang disenaraikan di dalam kalendar yang tidak dapat dilaksana. Kesemua aktiviti InQKA adalah inisiatif yang terbit atau boleh dipetakan kepada sebelas agenda RMK11 UiTM dan teras pada Pelan Perancangan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi).

BAB 9.0

PENCAPAIAN PELAJAR & AKTIVITI KESATUAN

9.1 Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar memainkan peranan besar dalam usaha menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti pembangunan pelajar melalui persatuan pelajar dan kokurikulum. Secara keseluruhannya, penganjuran aktiviti pelajar dikategorikan kepada 7 kategori yang melibatkan aspek akademik dan ilmiah, khidmat masyarakat dan social, kreatif dan inovasi, sukan dan rekreasi, kerohanian, kebudayaan dan warisan dan akhir sekali keusahawanan. UiTM komited untuk melahirkan graduan yang holistic dan berkualiti, justeru, Bahagian Hal Ehwal pelajar sentiasa mengutamakan aspek pencapaian dan penglibatan pelajar dalam berpersatuan dan aktiviti pembangunan pelajar. Melalui penglibatan ini, secara langsung dapat mencungkil dan menggilap bakat dan potensi pelajar tersebut. Pada tahap ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar terus menyokong dan membantu pelajar agar memastikan bakat dan potensi mereka ada berada pada tahap tertinggi bukan sahaja di dalam negara malah ke peirngkat antarabangsa.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar secara konsisten untuk memastikan kecemerlangan bakat pelajar diletakkan pada tahap yang tertinggi. Ini bersesuaian dengan perlaksanaan dasar pembangunan pelajar dan sekaligus membantu meletakkan nama UiTM pada peta dunia. Semangat ini diterjemahkan oleh Bahagian hal Ehwal pelajar melalui perlaksanaan program-program dan aktiviti pelajar dan penglibatan pelajar dalam program-program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Carta dan jadual di bawah menunjukkan pecahan kategori aktiviti yang telah dijalankan dan jumlah aktiviti bagi program-program yang telah dijalankan di UiTM Shah Alam bagi tahun 2016 sahaja.



Rajah 9.1
Jumlah % keseluruhan Aktiviti Pelajar Mengikut Kategori

Jadual 9.1: Aktiviti Pelajar Mengikut Kategori

Kategori	Jumlah	Peratusan %
Akademik/Ilmiah	104	7
Sosial/Khidmat Masyarakat	775	52
Kreatif/Inovasi	44	3
Sukan/Rekreasi	194	13
Kerohanian	149	10
Kebudayaan dan Warisan	163	11
Keusahawanan	61	4
Jumlah Keseluruhan	1490	100%

9.2 Pencapaian Aktiviti Pelajar Di Peringkat Antarabangsa

Berikut adalah antara senarai aktiviti / program pelajar UiTM yang telah mengharumkan nama UiTM di peta dunia.

Jadual 9.2: Aktiviti Pelajar Mengikut di peringkat Antarabangsa

Bil	Perkara/Tajuk	Pencapaian	Kategori
1.	Shell Eco- Marathon Asia 2016 kategori Prototype : Hydrogen Fuel Cell dan Urban Concept : Hydrogen Fuel Cell Luneta Park Manila, Filipina pada 3 hingga 6 Mac 2016	Juara	Antarabangsa
2.	Pertandingan Mooting @ Foreign Direct Investment di korea Selatan pada 16-22 Ogos 2016	Johan Asia Pasifik	Antarabangsa
3.	UiTM telah mewakili Asia Pasifik ke peringkat dunia bagi pertandingan tersebut di Argentina pada 31 Oktober hingga 8 November 2016	Tempat ke-3 Peringkat Dunia	Antarabangsa
4.	World Association Marching Shows Band Tempat: Stadium Hoki Kuala Lumpur.	Tempat ke-3	Antarabangsa
5.	Open Cambridge Debating Championship Intervarsity Oxford IV Debating Competition	Finalist Suku Akhir	Antarabangsa
5.	World University Debating Championship (WUDC) edisi 2016 yang bertempat di Thessaloniki, Greece	Pasukan Ke-2 Terbaik Dunia (Pusingan Pertama)	Antarabangsa
6.	United Asian Debating Championship (UADC) edisi 2016 yang bertempat di Bangkok, Thailand	Peringkat akhir	Antarabangsa

7.	Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri dalam kategori Alam Melayu yang telah berlangsung pada 21-25 Mac 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa	Johan Kategori Alam Melayu	Antarabangsa
8.	Debat Siswa antara Malaysia dan Brunei yang telah diadakan di Universiti Brunei Darussalam pada 10-16 Oktober 2016.	Mewakili Malaysia	Antarabangsa
9.	Sukan Olimpik di Rio Brazil bagi acara Perahu Layar kategori laser standard	Tempat ke-37 dari 46 atlet	Antarabangsa
10.	Pasukan bola sepak negara bawah 20 tahun	2 orang Pelajar UiTM	Antarabangsa
11.	Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa UMS Labuan 2016 anjuran Kementerian Perlancongan Sabah dan Perbadanan Labuan yang diadakan pada 17 hingga 20 November 2016 di Dewan Universiti Malaysia Sabah kampus Labuan.	Naib johan peringkat Antarabangsa	Antarabangsa
12.	Yamaha Music Scholarship Asia (YMSA) 2016	Saudara Ahmad Amirul Aysraf Zainul Abidin dari Fakulti Muzik menerima biasiswa daripada YMSA	Antarabangsa
13.	UiTM Women's Corale dan UiTM Chamber Choir dari Fakulti Muzik	1) Gold Medal-1st Prize World Champion 2) Gold Medal dan Martin Foundation Special Award for Performance	Antarabangsa
14.	Prize Winner bagi Kertas P2 Laporan Korporat ACCA	Nurul Nabilah Abdul Jalil dianugerah tempat ke-6 terbaik dunia	Antarabangsa
15.	The Foreign Direct Investment (FDI) Moot 2016	Tempat ke-6 dalam Pusingan Asia Pasifik, University Kebangsaan Seoul, Korea Selatan	Antarabangsa
16.	Global Finals of the Foreign Direct Investment Moot 2016, Buenos Aires Argentina	Tempat Pertama-Paris Bar Law School Tempat Kedua-Harvard Law School	Antarabangsa
17.	Pertandingan Badminton Grand Prix Rusia di Vladivostok	Juara-Zulfadli Zulkifilli	Antarabangsa
18.	The 2nd International English Speech Contest for Rajabhat & Asean Universities, Thepstari Rajabhat University, Lop Buri, Thailand	Tempat Pertama-Syakiratul Ezwana Shahrul Niza Tempat Kedua-Muhammad Ashwa Mazlan	Antarabangsa
19.	Biasiswa Macmillian United Kingdom	Penerima Anugerah Biasiswa- Mohd Sirhajwan Sidek	Antarabangsa
20.	Latitudes International Design Challenge, University of Westminster	Team Urban Chimney, FSPU sebagai juara	Antarabangsa

9.3 Laporan Kejayaan Peringkat Antarabangsa

Kejayaan di pentas antarabangsa mencerminkan UiTM sangat mementingkan aspek kecemerlangan bakat yang perlu ditonjolkan oleh mahasiswa dan sekaligus meletakkan nama UiTM di peta dunia.

Antara kejayaan – kejayaan yang telah mengharumkan nama UiTM ialah kejayaan pelajar UiTM menjuarai kategori Prototype : Hydrogen Fuel Cell dan Urban Concept : Hydrogen Fuel Cell dalam pertandingan Shell Eco- Marathon Asia 2016 yang telah diadakan di Luneta Park Manila, Filipina pada 3 hingga 6 Mac 2016. UiTM juga telah memenangi tempat pertama peringkat Asia Pasific bagi pertandingan mooting @ Foreign Direct Investment di korea Selatan pada 16-22 Ogos 2016. Berikutan daripada itu, UiTM telah mewakili asia pasifik ke peringkat dunia bagi pertandingan tersebut di Argentina pada 31 Oktober hingga 8 November 2016 dan mendapat tempat ketiga. Selain itu, UiTM juga telah memenangi tempat ketiga bagi pertandingan World Association Marching Shows Band yang telah diadakan di Stadium Hoki Kuala Lumpur.

Dalam dunia debat, UiTM terus unggul mengukir nama dan kejayaan dengan menjuarai beberapa pertandingan debat baik di peringkat antarabangsa. Jika pada tahun lepas Pasukan Debat Bahasa Inggeris UiTM telah berjaya melakar sejarah menjadi Universiti Pertama di Malaysia dan Negara Asia pertama yang dinobatkan sebagai Johan kategori Open Cambridge Debating Championship Intervarsity, tahun 2016 pula, UiTM meneruskan momentum dengan kejayaan sebagai finalist kategori Open Cambridge Debating Championship Intervasity manakala bagi pertandingan Oxford IV Debating Competition UiTM Berjaya memasuki peringkat suku akhir.

Bukan itu sahaja, pasukan debat Bahasa Inggeris UiTM telah berjaya muncul sebagai pasukan kedua terbaik di dunia (pusingan pertama) pada World University Debating Championship (WUDC) edisi 2016 yang bertempat di Thessaloniki, Greece. Selain itu, pasukan debat Bahasa Inggeris UiTM telah berjaya mara ke peringkat akhir United Asian Debating Championship (UADC) edisi 2016 yang bertempat di Bangkok, Thailand.

Demi memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa pula, Unit Debat Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah berkerjasama dengan Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam dalam pengajuran Program Pengantarabangsaan Bahasa Melayu Melalui Debat. Program ini telah berlangsung di Universiti Brunei Darussalam pada 28-31 Oktober 2016. Program ini akan dijalankan secara berkala untuk melonjakkan pembudayaan Bahasa Melayu dan mengharumkan nama UiTM peringkat antarabangsa.

Dalam bidang sukan, seorang pelajar UiTM telah mewakili negara di sukan Olimpik di Rio Brazil bagi acara perahu layar kategori laser standard, buat kali yang ke-2. Beliau berjaya mendapat tempat 37 daripada 46 atlet yang bertanding.

Dalam bidang seni dan kebudayaan, pelajar UiTM telah berjaya menjadi Naib Johan peringkat antarabangsa dalam Pertandingan Pertandingan Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa UMS Labuan 2016 anjuran Kementerian Perlancongan Sabah dan Perbadanan Labuan yang diadakan pada 17 hingga 20 November 2016 di Dewan Universiti Malaysia Sabah kampus Labuan.

Pegawai, penasihat dan semua pelajar yang terlibat telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam memastikan hasrat university untuk meletakkan nama UiTm di peta dunia tercapai.

Jadual 9.2: Aktiviti Pelajar Mengikut di peringkat Kebangsaan

Bil	Perkara/Tajuk	Pencapaian	Kategori
1.	Pertandingan Unduk Ngadau di dalam Festival Kamaatan G3S yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia pada 29 April hingga 1 Mei 2016.	Johan (tempat Pertama)	Kebangsaan
2.	Pertandingan puisi anjuran Muzium Negeri Selangor dan mewakili Negeri Selangor ke Peringkat Kebangsaan	Naib Johan	Kebangsaan
3.	Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2016	Johan 53 Pingat Emas, 46 Pingat Perak 35 Pingat Gangsa	Kebangsaan
4.	UiTM adalah satu-satunya Universiti Awam di negara ini yang berjaya memasuki Liga Perdana Bola Sepak Malaysia	5 tahun berturut-turut	Kebangsaan
5.	Pertandingan Pidato Integriti 2016 pada 28-29 Mac 2016	Johan dan Naib Johan	Kebangsaan
6.	tanggal 11 November 2016, UiTM telah berjaya membuat rekod baharu Malaysia iaitu pendakian 60 puncak gunung di seluruh Malaysia. Ini sekaligus memecahkan rekod pendakian 30 puncak gunung yang telah direkodkan pada tahun 2013.	Malaysia Book of Records	Kebangsaan
7.	Pertandingan Debat Keamanan antara IPT yang berlansung pada 12-15 Februari 2016 di Universiti Pertahanan Negara Malaysia.	Johan dan Pendebat Terbaik	Kebangsaan
8.	Pertandingan Debat Terbuka Ilmu Khas(DETIK) yang diadakan di IPG Ilmu Khas Cheras pada 8-10 Okober 2016	Johan dan Pendebat Terbaik	Kebangsaan
9.	Pertandingan Penyediaan dan Pembentangan Dasar antara Pemimpin Mahasiswa IPT 2016	Johan	Kebangsaan
10.	Pertandingan Debat Belia 2016 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25-28 November 2016	Naib Johan	Kebangsaan
11.	Majlis Anugerah Kecemerlangan, Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) pada 18 November 2016	Pasukan Terbaik Malaysia	Kebangsaan

9.4 Laporan Kejayaan Pelajar Di Peringkat Kebangsaan

Sepanjang tahun 2016, Pasukan Debat Bahasa Melayu UiTM telah menunjukkan kehebatannya dan mengekalkan prestasi cemerlang apabila telah dinobatkan sebagai Pasukan Terbaik Malaysia dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan, Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) pada 18 November 2016 baru-baru ini. Dalam majlis tersebut juga, dua orang pendebat Bahasa

Melayu UiTM, Saudara Muhammad Iqram Zulkifli dan Muhammad Haziq Jamaludin telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Individu MADUM bagi tahun 2015/2016. Penganugerah ini diberi berdasarkan kepada pencapaian semasa pendebat.

Pasukan Debat Bahasa Melayu UiTM telah berjaya mengungguli kejuaraan dan dinobatkan sebagai Johan serta Pendebat terbaik dalam Pertandingan Debat Keamanan antara IPT yang berlansung pada 12-15 Februari 2016 di Universiti Pertahanan Negara Malaysia. Pasukan debat Bahasa Melayu UiTM juga telah berjaya dinobatkan sebagai johan dan pendebat terbaik dalam Pertandingan Debat Terbuka Ilmu Khas(DETIK) yang diadakan di IPG Ilmu Khas Cheras pada 8-10 Okober 2016. Pada 15 Oktober yang, pasukan Debat Bahasa Melayu UiTM juga telah dinobatkan sebagai Johan dalam Pertandingan Penyediaan dan Pembentangan Dasar antara Pemimpin Mahasiswa IPT 2016.Akhir sekali, dalam Pertandingan Debat Belia 2016 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25-28 November 2016 Pasukan Debat Bahasa Melayu UiTM berjaya dinobatkan sebagai naib johan.

Kelab Debat dan Pidato Bahasa Melayu UiTM juga terus melakar nama dalam pertandingan pidato. pada 28-29 Mac 2016, Pemidato bahasa Melayu telah berjaya mendapat tempat kedua dan ketiga dalam kategori siswa manakala dalam Pertandingan Pidato Integriti 2016 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia, wakil dari UiTM telah berjaya muncul sebagai johan dan naib johan.

Dalam bidang sukan, dengan gabungan pelajar dan staf UiTM di seluruh negara, pada tanggal 11 November 2016, UiTM telah berjaya membuat rekod baharu Malaysia iaitu pendakian 60 puncak gunung di seluruh Malaysia. Ini sekaligus memecahkan rekod pendakian 30 puncak gunung yang telah direkodkan pada tahun 2013. Dalam pada itu juga, pasukan UiTM telah membuktikan keunggulannya dengan mengekalkan kedudukan dalam Liga Perdana Bola Sepak Malaysia buat tahun ke-5. UiTM adalah satu-satunya Universiti Awam di negara ini yang berjaya memasuki Liga Perdana Bola Sepak Malaysia. Di atas kepercayaan dan kejayaan itu, terdapat dua orang pemain UiTM telah dipilih untuk mewakili pasukan bola sepak negara bawah 20 tahun. Selain itu, pasukan UiTM juga telah berjaya menjadi johan pertandingan Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2016. Pasukan UiTM telah diwakili seramai 463 orang atlet dan berjaya mendapat 53 Pingat Emas, 46 Pingat Perak dan 35 Pingat Gangsa.

Dalam bidang seni dan kebudayaan, UiTM telah mendapat tempat pertama Pertandingan Unduk Ngadau di dalam Festival Kamaatan G3S yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia pada 29 April hingga 1 Mei 2016. Selain itu, UiTM juga telah berjaya mendapat Naib Johan pada 1 Oktober 2016 di dalam program pertandingan puisi anjuran Muzium Negeri Selangor dan mewakili Negeri Selangor ke Peringkat Kebangsaan.

9.5 Aktiviti Pusat Kerjaya dan Kaunseling

9.5.1 Laporan Program Career And Industrial Relation Expo (CaIREx 2016)

Program Career and Industrial Relation Expo (CaIREx) 2016 adalah satu program anjuan Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berkonsepkan ekspo kerjaya yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti pameran kerjaya daripada pelbagai latar belakang industri, temu duga terbuka dan ceramah atau taklimat kerjaya.

Penganjuran program CaIREx telah dilaksanakan pada setiap tahun bermula dari tahun 2003. Pada tahun 2016, genaplah penganjuran CaIREx kali yang ke-13.

CaIREx 2016 telah berlangsung pada 25 – 26 Mei 2016 bertempat di Dewan Seri Budiman dan Anjung Seri Budiman. Program bermula daripada jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan pelajar dan graduan maklumat terkini tentang dunia kerjaya serta memberikan maklumat kepada bakal graduan tentang aktiviti serta peluang kerjaya di sesebuah organisasi sama ada agensi kerajaan mahupun swasta. Para peserta turut berpeluang menghadiri temu duga terbuka dan berinteraksi secara terus dengan wakil-wakil dari industri.

Penyertaan syarikat adalah sebanyak 37 buah syarikat dari sektor berbeza. Terdapat 25 syarikat menawarkan 52 jawatan kosong dengan 258 kekosongan jawatan dan latihan industri. Seramai 830 orang pelajar dan graduan telah mengunjungi CaiREx 2016 dan seramai 258 orang graduan telah menjalani temu duga pekerjaan serta 306 resume diserahkan kepada pelbagai syarikat sepanjang dua hari program berlangsung.

Majlis Perasmian CaIREx 2016 telah diadakan di Dewan Seri Budiman jam 2.30-4.40 petang pada 25 Mei 2016. Majlis ini dirasmikan oleh Tuan Haji Mohamed Soder Rahmad, Ketua Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

BAB10

PENERBITAN UiTM

10.1 Pengenalan

Penerbit UiTM (UiTM Press) adalah sebuah pusat penerbitan university yang bertanggungjawab menerbitkan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk rujukan pelajar serta pensyarah UiTM khasnya dan masyarakat umum khususnya.

Bernaung di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) iaitu sebuah badan yang bergiat aktif dalam pembangunan bidang penerbitan ilmiah dan saintifik. Pada ketika ini MAPIM dianggotai oleh 27 anggota terdiri daripada semua penerbit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pusat penyelidikan di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan agensi kerajaan.

Kerjasama strategik dengan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MAPOBA), Perbadanan Kota Buku (PKB), Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) adalah salah satu usaha bagi memperkasakan peranan Penerbit UiTM.

Selaras dengan Outcome 3 UiTM, Pelopor Pembangunan dan Pengembangan Ilmu Terkehadapan Penerbit UiTM memainkan peranan yang amat penting dalam menerbitkan buku penyelidikan, jurnal, dan syarahan profesor staf akademik. Penerbit UiTM dengan kerjasama Unit Impak dan Etika Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI) dan pihak Ketua Penyunting jurnal-jurnal UiTM sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan penerbitan hasil penyelidikan UiTM dan jurnal-jurnal UiTM melalui perbincangan, mesyuarat-mesyuarat khas serta menganjurkan bengkel atau kursus berkaitan.

Pada tahun 2016, Penerbit UiTM telah menjemput Profesor Madya Dr. Zuraidah Abd. Manaf, Ketua, Pusat Sitasi Malaysia bersama beberapa orang pegawai beliau untuk memberi taklimat kepada staf Penerbit UiTM berkaitan Garis Panduan Penerbitan Jurnal.

20.2 Penerbitan

Bagi menerbitkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, Penerbit UiTM sentiasa memastikan manuskrip yang diterima dinilai dan disunting dengan baik agar sesuai dijadikan rujukan dan bertepatan kehendak dan keperluan semasa. Selari dengan Outcome 2 UiTM, Peningkatan Bilangan Graduan Bumiputera yang mendapat pekerjaan, Penerbit UiTM menghasilkan buku rujukan, buku teks, manual lab, buku umum sebagai pengisian ilmu pengetahuan kepada pelajar dalam memastikan kebolehpasaran graduan meningkat.

Tahun 2016, Penerbit UiTM menerima 69 judul manuskrip, 38 judul aktif (sedang dalam proses suntingan, penilaian dan/atau menunggu giliran untuk disunting), 21 judul telah terbit (bagi manuskrip yang diterima bagi tahun 2016 sahaja), manakala 10 judul ditolak selepas dibawa ke Mesyuarat Penilaian Teknikal Buku kerana tidak menepati kriteria di Penerbit UiTM.

Jadual 10.1: Bilangan Manuskrip Yang Diterima Bagi Tahun 2016

BIL	JUDUL	AKTIF	TERBIT	TOLAK
1	Introduction To Business Analytics Via Statistical Analysis Systems (SAS)	1		
2	Journal Of Mechanical Engineering (JMECHE) Volume 12 No.2 December 2015		1	
3	Pengalaman Bersama Saintis-Saintis Rotavirus Tersohor Di Melbourne			1
4	Asian Journal Of University Education (AJUE) Vol. 10 No.1 June 2014		1	
5	Social And Management Research Journal Vol 12. No.2 December 2015		1	
6	Asian Journal Of University Education (AJUE) Vol. 10 No.2 Disember 2014		1	
7	Journal of Asian Behavioural Studies (jABs) Volume 3, Number 12, September October 2013			1
8	Journal of Asian Behavioural Studies (jABs) Volume 3, Number 13, November December 2013			1
9	Architecture Sketches Ideas And Presentation	1		
10	Panduan Pencarian Bahan Berkesan Melalui Webopac	1		
11	Rotavirus Dan Lain-lain Virus Penting Di Dalam Kesihatan Awam	1		
12	Aktifkan Orang Muda Program 52 Minggu	1		
13	Concise Notes On Medical Microbiology	1		
14	Tafaqquh Ilmu Teras Islam	1		
15	Batek - The Forest People of Pahang A Glimpse Into The Life of The Forest Peole of Taman Negara Pahang, Malaysia	1		
16	Classroom Research In Action - Using Colour Codes To Teach Academic Writing	1		
17	Conducting Practice In Mind (P.I.M) For Golfers - A Handbook			1
18	Social Media - Analytics and Information Sharing			1
19	Syarahan Profesor UiTM Pentadbiran Pembangunan Dalam Perspektif		1	
20	Professorial Lecture UiTM - Communication And Attribution In A Crisis		1	
21	Concept Maps For Beginner Biologist			1
22	Asia - Pacific Management Accounting Journal (APMAJ) Vol. 11 No. 1 June 2016		1	
23	Professorial Lecture Uitm - From Mere Managing Costs To Future Business Sustainability		1	

BIL	JUDUL	AKTIF	TERBIT	TOLAK
24	Asian Journal Of University Education (AJUE) Vol. 11 No.2 December 2015	1		
25	Analytical Psychology And Modern Malaysian Painting	1		
26	Professorial Lecture UiTM - Exploring Student Transition Minding The Gap		1	
27	Professorial Lecture UiTM - Reporting The War - Zionist, Psychological Warfare And Media Domination	1		
28	Guidelines To Food Product Development	1		
29	Professorial Lecture UiTM - Nexus Of Inquiry - Based Instruction, Active Learning And Formative Assessment In Education		1	
30	Malaysian Accounting Review (MAR) Vol. 14 No. 2, December 2015	1		
31	Pendemokrasian Maklumat Blog Di Malaysia Lahirnya Masyarakat Madani Baru	1		
32	The Emergence Of Global Halal Business (2nd Edition)	1		
33	International Journal On E-Learning And Higher Education (IJELHE) Vol 5 Jun 2016	1		
34	International Journal On E-Learning And Higher Education (IJELHE) Vol 6 January 2017	1		
35	Professorial Lecture UiTM - Today's Biodiversity For A Sustainable Tomorrow	1		
36	Reducing Maternal Mortality	1		
37	Probiotik Dari Dapur Anda	1		
38	P.I.M Training Program For Golfers Conducting Research Proposal Handbook			1
39	Quantitative Analysis And Techniques For Engineers, Scientists & Managers	1		
40	Scientific Research Journal Vol. 12 No.2 December 2015 - Diterbit		1	
41	Solicitors' Account And Remunerations In Wset Malaysia	1		
42	Asian Journal of Enviroment-Behaviour Studies Volume 4, Number 15, September/October 2013			1
43	Asian Journal of Enviroment-Behaviour Studies Volume 4, Number 16, September/October 2013			1
44	International Journal On E-Learning Abd Higher Education Vol. 4 January 2016		1	

BIL	JUDUL	AKTIF	TERBIT	TOLAK
45	Social And Management Research Journal Vol. 13 No.1 June 2016		1	
46	Solved Problems In Solid Machanics	1		
47	Classroom Research In Action 'Using Movies And The Diamond Approach In Essay Writing'	1		
48	Mechanistic Flexible Pavement Design For Malaysian Conditions		1	
49	Microbiology Survival Kit		1	
50	Physics I Laboratory Manual	1		
51	Introduction To Physical Chemistry	1		
52	International Islamic Performing Arts An Artistic Discourse	1		
53	Scientific Research Journal Vol. 13 No. 1 June 2016		1	
54	Trust Factor In E-Commerce Usage	1		
55	Roadmap Of Spss Analysis For Undergraduate Research	1		
56	Journal Of Mechanical Engineering (JMECHE) Volume 13 No 1 June 2016		1	
57	Basics Of Construction Contracts PAM PWD CIDB and FIDIC STANDARD FORMS	1		
58	Writing And Presenting Thesis A Guidebook For Undergraduates	1		
59	Professorial Lecture UiTM - Structural Wall Panels		1	
60	Asian And African Views On International Law		1	
61	I Survive Stats	1		
62	Professorial Lecture UiTM - Flurial Geomorpholagy Anthropogenic Agrnts of Change And Their Implications		1	
63	Rempah dan Kari	1		
64	Tangga Batu Melaka	1		
65	Arshad Ayub A Celebrated Life		1	
66	Seismic Behaviour Of Precast Shear-Key Wall Under In-Plane Cyclic Loading	1		
67	Research Manual And Guidelines In The Social Science			1
68	Dunia Blog Di Malaysia Akauntabiliti & Kredibiliti	1		
69	Flora & Fauna of the Ulu Gombak Forest Reserve	1		
	JUMLAH	**38**	**21**	**10**

10.2.1 Kategori Penerbitan

Daripada 69 judul manuskrip yang masuk, 26 judul berjaya diterbitkan pada tahun 2016, iaitu 21 judul (manuskrip yang diterima bagi tahun 2016) dan 5 judul (manuskrip yang diterima tahun sebelumnya). Rajah 10.1 di bawah menunjukkan bilangan terbitan mengikut kategori bagi tahun 2016. Jumlah penerbitan adalah merujuk kepada manuskrip yang diterbitkan oleh Penerbit UiTM sahaja.



Rajah 10.1
Bilangan Terbitan Mengikut Pecahan Kategori Bagi Tahun 2016

10.3 Pemasaran

Sepanjang tahun 2016, Penerbit UiTM telah menyertai 21 aktiviti jualan dan promosi buku di seluruh kampus UiTM dan anjuran pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Jadual 10.2: Bilangan Penyertaan Aktiviti Jualan dan Promosi Buku Bagi Tahun 2016

BIL	KETERANGAN	TARIKH	PENGANJUR / LOKASI
1	Pendaftaran Pelajar IPSIS	6 Mac 2016	DATC
2	Promosi Awal Semester	10 Mac 2016	Kampus Puncak Alam
3	Selangkah Ke UiTM	12 -13 Mac 2016	DATC
4	Pesta Buku PTAR 2016	28 - 30 Mac 2016	PTAR
5	Konvokesyen UiTM ke 84	24 - 28 April 2016	DATC
6	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	29 April - 9 Mei 2016	MAEPS, Serdang

BIL	KETERANGAN	TARIKH	PENGANJUR / LOKASI
7	Promosi IPSIS	7 Mei 2016	SACC, Shah Alam
8	Karnival Gegau Kampus Bandar UTeM 2016	24 - 26 Mei 2016	UTeM, Melaka
9	Selangor Book Fair 2016	28 Jul - 7 Ogos 2016	SACC, Shah Alam
10	RoLE 2016	22 -23 Ogos 2016	Kampus UiTM Bandaraya Melaka
11	Jualan Promosi UiTM Melaka	8 - 9 September 2016	UiTM Kampus Alor Gajah
12	Jualan Promosi Puncak Alam	20 September 2016	Kampus Puncak Alam
13	Pesta Buku Indonesia	28 September - 2 Oktober 2016	Jakarta Convention Centre
14	Fest @ FSPU	30 September 2016	FSPU
15	Pesta Buku UPSI	12 -15 Oktober 2016	UPSI, Tanjung Malim
16	Promosi Program IPSIS	15 Oktober 2016	SACC, Shah Alam
17	Sector Focused Career Fair	18 Oktober 2016	UNITEN, Muadzam Shah
18	Pesta Buku Kedah	19 -23 Oktober 2016	Village Mall, Sg. Petani
19	Konvokesyen UiTM ke 85	22 - 27 Oktober (2016	DATC
20	Pesta Buku Lelong Putrajaya	21 - 30 Oktober 2016	Putrajaya
21	Fiesta Lingua	18 November 2016	APB
22	INTAN Research Fair	28 November 2016	INTAN, Bukit Kiara
23	Seminar Penulisan Thesis	29 November 2016	APB
24	Jualan/ Promosi Awal Semester	08 Disember 2016	UiTM Perlis
25	Ekspo Buku Malaysia	14 - 18 Disember 2016	PWTC

10.4 Penjanaan Pendapatan

Bagi meningkatkan penjanaan pendapatan universiti dan mengurangkan kebergantungan kepada Dana Kerajaan (Outcome 4) UiTM, Penerbit UiTM turut mempromosi dan menjual hasil terbitannya kepada seluruh warga kampus dan masyarakat luar.

Sehingga 31 Disember 2016, hasil daripada Jualan dan Kutipan Hutang Tertangguh/Tertunggak (2006 hingga 2015) Penerbit UiTM dicatatkan sebanyak RM1,032,252.91.

	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2015	42,486.93	61,454.95	176,108.45	41,829.20	22,889.50	232,586.20	63,236.80	51,348.20	121,397.13	58,840.65	142,556.85	103,580.33
2016	47,349.22	50,145.25	102,790.45	28,830.72	78,779.26	142,323.77	31,858.50	70,863.64	101,301.05	64,773.10	115,198.10	198,039.85

Rajah 10.2
Hasil Daripada Jualan Dan Kutipan Hutang Penerbit UiTM

Rajah 10.2 menunjukkan terdapat penurunan pada pendapatan hasil Jualan dan Kutipan Hutang Tertangguh/Tertunggak iaitu sebanyak 8% dari jumlah pendapatan pada tahun 2015. Penurunan hasil pendapatan adalah berpunca dari beberapa faktor berikut:

i. Penurunan hasil daripada jualan pada bulan Mac 2016 adalah kerana agihan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) agak lewat, pada bulan April berbanding pada bulan Mac 2015. Pada bulan April semester telah bermula, pelajar kurang membeli buku dan menggunakan baucar tersebut untuk perkara-perkara yang lain.

ii. Penerbitan buku *Step Up Academic Writing skill dan Skilled Reading: A Guided Approach* pada Jun 2015 serta penguatkuasaan penggunaan buku tersebut oleh Akademi Pengajian Bahasa sebagai buku teks kepada pelajar di seluruh kampus UiTM telah melonjakkan hasil jualan pada Jun 2015. Walau bagaimana pun, pada tahun 2016 Penerbit UiTM mendapati terdapat beberapa buah kampus cawangan telah menggunakan buku lain dan menyebabkan jualan buku tersebut pada tahun ini menurun.

iii. Tiada sebarang jualan atau promosi sepanjang bulan Jun 2016 kerana bulan tersebut adalah bulan Ramadan.



Rajah 10.3
Pecahan Hasil Jualan Dan Kutipan Hutang Penerbit UiTM Bagi Tahun 2016

Rajah 10.3 pula menunjukkan hasil jualan daripada kedai buku Penerbit UiTM masih menjadi komponen utama dengan 50%. Kedai buku Penerbit UiTM ini ditubuhkan sejak Februari 2012 bagi memberi khidmat yang terbaik kepada pelanggan. Manakala hasil jualan melalui pesanan pula menyumbang 37% diikuti hasil daripada jualan/pameran 8% dan 5% daripada kutipan hutang.

10.5 Penutup

Pelbagai strategi melalui program pemasaran seperti jaringan kerjasama strategik dengan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MAPOBA), Perbadanan Kota Buku, Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) telah diperkukuhkan lagi dan dijangka mampu meningkatkan hasil penjanaan pendapatan universiti seterusnya menyebarluas bahan pengajaran dan pembelajaran terbitan Penerbit UiTM.

Penerbit UiTM sentiasa komited dalam menerbitkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran semasa agar setanding dengan penerbit luar.

Anugerah dan pengiktirafan oleh pihak luar menyuntik semangat dan perangsang motivasi kepada usaha Penerbit UiTM untuk menerbitkan buku-buku ilmiah yang berkualiti. Pada tahun 2016, Profesor Dr. Ghazali Daimin telah diiktiraf menerima Anugerah Buku Negara 2016 pada 14 Disember 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Buku Teknik Asas Lukisan Digital telah dipilih sebagai antara penerima Anugerah Buku Negara kategori Buku Lukisan Digital Terbaik.

Penerbit UiTM juga telah memperluas peranan pemasaran apabila buat julung kalinya telah mengambil bahagian dalam Pesta Buku Antarabangsa Indonesia (IBF) 2016 yang berlangsung pada 28 September hingga 2 Oktober 2016. Ini merupakan antara inisiatif strategik untuk memasarkan buku-buku terbitan Penerbit UiTM di luar negara melalui kerjasama bersama Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Penyertaan pada kali pertama ini juga disifatkan strategi terbaik untuk menembusi pasaran buku di negara itu.

Selain terlibat dalam mempamer serta membuat jualan buku di booth yang disediakan pihak MAPIM, perkongsian pengalaman dan pembelajaran terutamanya dalam aspek penjualan hak cipta (*Copyright*) buku-buku terbitan Penerbit UiTM kepada penerbit luar negara yang berminat melalui pembinaan jaringan hubungan antara penggiat industri buku antarabangsa adalah menjadi agenda utama penyertaan ini.

Penerbit UiTM telah mengorak langkah menggalak aktiviti penulisan dan penerbitan buku (*acquisition*) di kalangan pensyarah dengan mengadakan sesi taklimat dan bengkel di fakulti dan cawangan semasa promosi dan jualan buku. Terbitan *Get Published @ UiTM Press* juga diharap boleh membantu penulis yang ingin menerbit dengan Penerbit UiTM.

Bengkel Penerbitan Jurnal anjuran bersama Penerbit UiTM dan Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI) direncana pelaksanaannya pada tahun 2017 bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Ketua Penyunting tentang ilmu pengetahuan dan maklumat terkini berkaitan penerbitan jurnal dan tindakan yang perlu dilakukan atas keperluan pihak Penerbit UiTM. Bengkel ini juga akan menjelaskan keperluan mematuhi *The COPE Code of Conducts and Best Practice Guidelines for Journal Editors,* yang ditubuhkan pada 1997. Di samping itu, bengkel ini bakal menjadi landasan komunikasi dan koordinasi antara pihak Penerbit UiTM dan pihak pengurusan jurnal-jurnal UiTM untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan permasalahan yang mungkin dimiliki oleh setiap jurnal UiTM serta mengenalpasti langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam pengurusan jurnal dalam usaha pengindeksan jurnal-jurnal UiTM.

Penstrukturan semula unit telah dilaksanakan bertujuan untuk memperkemas governan dengan menerapkan ciri-ciri tadbir urus yang baik, cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh pihak berkepentingan (*stakeholder)* di samping memastikan perkhidmatan yang diberikan 'value for money' serta pengurangan terhadap pembaziran sumber dan dana (*7 waste)* dalam organisasi ke arah *Lean Management* bagi menghasilkan organisasi yang lebih dinamik dan berdaya saing.

Dalam usaha Penerbit UiTM meningkatkan hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, inisiatif-inisiatif baru dalam penjanaan pendapatan juga akan terus dipertingkatkan dengan mencari punca pendapatan yang lain seperti menjual hak cipta, memasarkan buku-buku yang ada permintaan kepada masyarakat luar, memasarkan buku-buku terbitan Penerbit UiTM melalui Jualan Atas Talian, membuka kedai buku yang dekat dengan pelanggan dan menjual alatulis yang berkaitan serta mengadakan bengkel berkaitan penerbitan.

PENYATA KEWANGAN

RINGKASAN PENYATA KEWANGAN 2016

PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 telah disediakan selaras dengan keperluan yang dinyatakan melalui Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS).

UiTM sebagai sebuah universiti awam yang menerima peruntukan geran tahunan kerajaan bagi membiayai sebahagian besar aktiviti pengurusan, pembangunan, penyelidikan dan amanah telah menggunapakai konsep *fund accounting* dalam merekodkan urusniaga kewangan.

Penyata Kewangan UiTM adalah merupakan penyatuan dua entiti iaitu UiTM (Akaun Universiti) dan UiTM Holdings (Akaun Anak Syarikat). Akaun Universiti menyatukan Kumpulan Wang (KW) seperti di Rajah 1.



RAJAH 1

KEDUDUKAN KEWANGAN UiTM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016, jumlah pendapatan Universiti dicatatkan berjumlah RM3,779.27 juta iaitu peningkatan 4.70% daripada jumlah pendapatan tahun 2015. Jumlah perbelanjaan Universiti turut meningkat sebanyak 9.67% berjumlah RM3,651.51 juta pada tahun 2016. Jumlah ini telah menyumbang kepada lebihan pendapatan berjumlah RM127.76 juta iaitu penurunan sebanyak 54.35% daripada tahun 2015 seperti pada Jadual 1.

	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan Semula)	Varian (%)
PENDAPATAN			
Hasil Daripada Kerajaan	2,498,490	2,466,488	1.30%
Hasil Daripada Pelajar	321,416	259,739	23.75%
Hasil Daripada Pelaburan & Simpanan Bank	111,850	105,619	5.90%
Hasil Dari Sumber Lain	89,905	90,550	-0.71%
Pendapatan Tidak Melibatkan Aliran Tunai	757,611	687,106	10.26%
JUMLAH PENDAPATAN	**3,779,272**	**3,609,502**	**4.70%**
PERBELANJAAN			
Emolumen	1,360,529	1,307,239	4.08%
Perkhidmatan dan Bekalan	945,928	900,227	5.08%
Pemberian & Kenaan Tetap	571,637	544,269	5.03%
Perbelanjaan Lain	417,953	236,561	76.68%
Perbelanjaan Tidak Melibatkan Aliran Tunai	355,465	341,317	4.15%
JUMLAH PERBELANJAAN	**3,651,512**	**3,329,613**	**9.67%**
LEBIHAN PENDAPATAN	**127,760**	**279,889**	**-54.35%**

JADUAL 1 : Ringkasan Pendapatan dan Perbelanjaan UiTM Tahun 2016 dan 2015

Merujuk kepada Jadual 1, Hasil Daripada Pelajar adalah merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan pendapatan keseluruhan Universiti, iaitu sebanyak 23.75% pada tahun 2016. Ini adalah berikutan daripada pelaksanaan polisi akruan dalam pengiktirafan hasil pelajar mulai tahun 2016. Peningkatan Pendapatan Tidak Melibatkan Aliran Tunai sebanyak 10.26% adalah disebabkan oleh peningkatan geran yang dilunas bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Penyelidikan pada tahun 2016.

Hasil Daripada Kerajaan merupakan komponen terbesar iaitu 66.11% daripada jumlah pendapatan Universiti pada tahun 2016 (Rujuk Rajah 2). Walau bagaimanapun, peratus komposisi Hasil Daripada Kerajaan daripada jumlah pendapatan Universiti telah menurun 2.22% jika dibandingkan dengan tahun 2015. Pendapatan Tidak Melibatkan Aliran Tunai merupakan komponen kedua terbesar iaitu 20.05% daripada jumlah pendapatan Universiti pada tahun 2016 diikuti dengan Hasil Pelajar (8.5%), Pelaburan dan Simpanan Bank (2.96%) dan Sumber Lain (2.38%).



RAJAH 2 : Perbandingan Pendapatan UiTM Tahun 2016 & 2015

Secara keseluruhannya perbelanjaan Universiti telah meningkat sebanyak 9.67% pada tahun 2016 (Rujuk Jadual 1). Walaupun Universiti telah melaksanakan inisiatif pelaksanaan penjimatan perbelanjaan, faktor utama menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan oleh perbelanjaan caj tetap berkaitan projek-projek di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta yang telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016.

Merujuk kepada Rajah 3, perbelanjaan Emolumen masih merupakan komponen terbesar perbelanjaan Universiti pada tahun 2016 dengan 37.26%. Walau bagaimanapun, peratus komposisi perbelanjaan Emolumen daripada jumlah perbelanjaan Universiti telah menurun 2% jika dibandingkan dengan tahun 2015. Peratus komposisi bagi semua komponen perbelanjaan yang lain telah menurun kecuali bagi komponen Perbelanjaan Lain telah meningkat 4.35% jika dibandingkan dengan tahun 2015.

Perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan adalah komponen kedua terbesar iaitu 25.91% daripada jumlah perbelanjaan Universiti pada tahun 2016 dengan Pemberian dan Kenaan Tetap (15.65%), Perbelanjaan Lain (11.45%) dan Perbelanjaan Tidak Melibatkan Aliran Tunai (9.73%).



RAJAH 3 : Perbandingan Perbelanjaan UiTM Tahun 2016 & 2015



RAJAH 4 : Ringkasan Kedudukan Kewangan UiTM Tahun 2016

ASET DAN LIABILITI UiTM PADA 31 DISEMBER 2016

Pada tahun 2016, aset Universiti telah mencatatkan peningkatan 3.06% iaitu RM13,597.77 juta jika dibandingkan dengan tahun 2015 (Rujuk Jadual 2). Penyumbang terbesar adalah dari peningkatan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (100%) dan Pelaburan Jangka Panjang (62.88%). Pada tahun 2016 Universiti telah meningkatkan portfolio pelaburan dalam amanah pelaburan hartanah dalam usaha untuk meningkatkan penjanaan hasil. Peningkatan 30.13% Pembinaan Dalam Kemajuan selaras dengan peningkatan projek pembangunan yang baru dilaksanakan pada tahun 2016. Penurunan aset semasa pada tahun 2016 sebanyak 5.86% adalah selaras dengan penurunan jumlah tunai dan kesetaraan tunai Universiti.

Jumlah liabiliti Universiti pada tahun 2016 berjumlah RM10,562.29 juta iaitu peningkatan 2.69% dari tahun 2015. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan 10.71% daripada jumlah Liabliti Jangka Panjang Universiti kepada syarikat konsesi bagi projek-projek di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta yang telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016.

Secara keseluruhannya, aset bersih Universiti pada tahun 2016 telah meningkat sebanyak 3.06% iaitu berjumlah RM13,275.32 juta dan dapat menampung tanggungan semasa Universiti.

	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan Semula)	Varian (%)
ASET			
Hartanah, Loji & Peralatan	10,237,048	9,791,185	4.55%
Hartanah Pelaburan	250,262	213,332	17.31%
Pembinaan Dalam Kemajuan	36,927	28,377	30.13%
Penghutang Jangka Panjang	81,792	67,076	21.94%
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	40,000	20,000	100.00%
Pelaburan Jangka Panjang	137,182	84,222	62.88%
Aset Semasa	2,814,556	2,989,869	-5.86%
JUMLAH ASET	**13,597,768**	**13,194,061**	**3.06%**
LIABILITI			
Liabiliti Jangka Panjang	5,168,562	4,668,519	10.71%
Geran Kerajaan Tertunda	5,071,278	5,303,709	-4.38%
Liabiliti Semasa	322,450	312,976	3.03%
JUMLAH LIABILITI	**10,562,290**	**10,285,204**	**2.69%**
JUMLAH ASET BERSIH	**13,275,318**	**12,881,085**	**3.06%**

JADUAL 2 : Ringkasan Aset dan Liabiliti UiTM Tahun 2016 dan 2015

ANALISIS

Nisbah Pusingan Aset

Nisbah pusingan aset menggambarkan kadar pendapatan yang akan diperolehi daripada penggunaan harta. Bagi tempoh 2012 hingga 2016, nisbah pusingan aset Universiti adalah pada kadar yang konsisten di antara julat 0.30 hingga 0.50 (Rujuk Jadual 3). Pada tahun 2016, nisbah pusingan aset Universiti kekal pada 0.30 jika dibandingkan dengan tahun 2015.

	2012 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000
Pendapatan (RM)	2,292.9	2,397.3	3,121.88	2,922.40	3,021.66
Aset Tetap (RM)	5,101.70	5,633.10	7,898.00	9,791.19	10,237.05
Nisbah Pusingan Aset	**0.45**	**0.43**	**0.40**	**0.30**	**0.30**

JADUAL 3 : Nisbah Pusingan Aset UiTM Tahun 2012 - 2016

Nisbah Semasa

Nisbah semasa menunjukkan kemampuan Universiti untuk membiayai liabiliti semasa. Merujuk Jadual 4, walaupun nisbah semasa tahun 2016 menurun, kemampuan Universiti dalam membiayai liabiliti semasa adalah tinggi. Dalam masa yang sama Universiti mampu untuk memaksimakan penggunaan aset semasa walaupun dari segi amalan terbaik industri adalah 2:1 (Aset Semasa : Liabiliti Semasa).

	2012 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000
Aset Semasa (RM)	2,122.80	2,513.60	2,908.50	2,989.90	2,814.60
Liabiliti Semasa (RM)	180.90	178.90	294.60	313.00	322.50
Nisbah Semasa	**11.74**	**14.05**	**9.87**	**9.55**	**8.73**

JADUAL 4 : Nisbah Semasa UiTM Tahun 2012 - 2016

Nisbah Hutang Kepada Pelaburan

Nisbah hutang Universiti adalah minima dan konsisten dalam tempoh 2012 hingga 2016 (Rujuk Jadual 5). Dengan nisbah hutang 0.024 pada tahun 2016 menunjukkan risiko adalah rendah dan Universiti dapat memenuhi obligasi terhadap pemiutang.

	2012 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000
Liabiliti Semasa (RM)	180.90	178.90	294.60	313.00	322.50
Jumlah Aset Bersih (RM)	7,469.60	8,237.20	10,818.60	12,881.00	13,275.30
Nisbah Hutang Kepada Pelaburan	**0.024**	**0.022**	**0.027**	**0.024**	**0.024**

JADUAL 5 : Nisbah Hutang UiTM Tahun 2012 – 2016

PRESTASI KUMPULAN WANG DAN ANAK SYARIKAT

Kumpulan Wang Pengurusan



RAJAH 5 : Dana Kumpulan Wang Pengurusan 2012 - 2016

Rajah 5 menunjukkan dana Kumpulan Wang Pengurusan telah digunakan secara optimum dimana dana tahun semasa telah dibelanjakan melebihi 98% setiap tahun. Pada tahun 2016, perbelanjaan Kumpulan Wang Pengurusan adalah sebanyak 99.56% bagi membiayai perbelanjaan operasi Universiti yang terdiri dari Emolumen, Bekalan & Perkhidmatan, Pembelian Aset dan Kenaan Tetap.

Kumpulan Wang Pembangunan



RAJAH 6 : Dana Kumpulan Wang Pembangunan 2012 - 2016

Pada tahun 2016, penurunan Geran Kerajaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah disebabkan oleh pengurangan geran yang diterima bagi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Dari Rajah 6, dapat dilihat trend penurunan peruntukan tunai dari tahun 2012 hingga 2016. Peruntukan tunai ini terdiri daripada komitmen untuk membiayai projek dan pembelian peralatan di bawah Rancangan Malaysia.

Kumpulan Wang Penyelidikan



RAJAH 7 : Dana Kumpulan Wang Penyelidikan 2012 - 2016

Pada tahun 2016, Kumpulan Wang Penyelidikan telah mencatat lebihan perbelanjaan berjumlah RM1.19 juta berikutan perubahan polisi perakaunan kepada Geran Tertunda dalam mengiktiraf pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan. Secara keseluruhan, pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan meningkat 15.91% dan 30% jika dibandingkan tahun 2015.

Kumpulan Wang Amanah Disatukan



RAJAH 8 : Dana Kumpulan Wang Amanah Disatukan 2012 - 2016

Hasil terimaan tunai dari pelajar, pelaburan dan simpanan bank telah meningkat pada tahun 2016. Penurunan hasil seperti Rajah 8 adalah disebabkan oleh pengurangan keuntungan perubahan nilai saksama bagi hartanah pelaburan sebanyak 66.20%. Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan Wang Amanah Disatukan telah meningkat 17.93% pada tahun 2016 bagi menampung sebahagian perbelanjaan operasi Universiti yang tidak dapat ditampung oleh Kumpulan Wang Pengurusan dan membiayai aktiviti-aktiviti pelajar dan fakulti.

Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta



RAJAH 9 : Aset Bersih & Pemiutang Pajakan Jangka Panjang 2014 - 2016

Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta ditubuhkan sejak tahun 2014 bagi merekodkan semua urusniaga kewangan projek yang dibangunkan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta. Pada tahun 2016, jumlah aset bersih adalah RM5,238.23 juta manakala pemiutang pajakan jangka panjang berjumlah RM5,111.71 juta.

Kumpulan Wang Endowmen

Kumpulan Wang Endowmen telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan sehingga 31 Disember 2016 baki dana endowmen adalah berjumlah RM1.22 juta.

UiTM Holdings



RAJAH 10 :Prestasi UiTM Holdings 2014 - 2016

Pada tahun 2016, UiTM Holdings telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.70 juta, menurun 39.29% dibandingkan dengan tahun 2015. Walau bagaimanapun, pendapatan UiTM Holdings meningkat 28.17% dan perbelanjaan turut meningkat 25.76%.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 63.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknologi MARA atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Teknologi MARA 1976, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Teknologi MARA dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti Teknologi MARA 1976.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ni.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 OGOS 2017

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
(AKAUN INDUK)

Kami, Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin, FASc dan Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin

GELARAN : PENGERUSI LEMBAGA

TARIKH : 09 AUG 2017

TEMPAT :UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said

GELARAN : NAIB CANSELOR

TARIKH : 09 AUG 2017

TEMPAT : UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
(AKAUN KUMPULAN)

Kami, Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin, FASc dan Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin

GELARAN : PENGERUSI LEMBAGA

TARIKH : 09 AUG 2017

TEMPAT :UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said

GELARAN : NAIB CANSELOR

TARIKH : 09 AUG 2017

TEMPAT : UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Saya, Dr. Mohd Anuar Mazuki, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di (tempat) SHAH ALAM)
pada 4 AUG 2017

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No : B279
Nama: NOR RAHAH BT. AB. GHANI

.....

PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 2.41, Anggerik Mall
No. 5, Jalan 14/8, Sekyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016	2015	2016	2015
		RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)	RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)
ASET BUKAN SEMASA					
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3 (a)	10,260,688	9,794,975	10,237,048	9,791,185
HARTANAH PELABURAN	3 (b)	250,262	213,332	250,262	213,332
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	4	47,239	34,816	36,927	28,377
PENGHUTANG PINJAMAN JANGKA PANJANG	5	81,792	67,076	81,792	67,076
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	40,000	20,000
PELABURAN JANGKA PANJANG	7	137,182	84,222	137,182	84,222
ASET TIDAK KETARA		13,818	3,795	-	-
ASET CUKAI TERTUNDA		92	745	-	-
		10,791,074	**10,198,962**	**10,783,212**	**10,204,192**
ASET SEMASA					
INVENTORI		1,392	1,388	-	-
PENGHUTANG, CAGARAN DAN BAYARAN DAHULUAN	8	144,174	111,738	80,377	80,408
AMAUN TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT SUBSIDIARI		-	-	9,398	10,303
CUKAI TERLEBIH BAYAR		470	595	-	-
DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN	9	2,673,974	2,843,619	2,673,974	2,834,619
TUNAI DAN BAKI BANK	10	58,804	75,450	50,807	64,539
		2,878,814	**3,032,790**	**2,814,556**	**2,989,869**
JUMLAH ASET		**13,669,888**	**13,231,752**	**13,597,768**	**13,194,061**
EKUITI					
KUMPULAN WANG PENGURUSAN	14	401,705	475,934	401,705	475,934
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	15	15,371	2,979	15,371	2,979
KUMPULAN WANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA	16	2,623	2,586	2,623	2,586
KUMPULAN WANG AMANAH DISATUKAN	17	2,543,610	1,808,718	2,543,610	1,808,718
KUMPULAN WANG ENDOWMEN	18	1,223	552,644	1,223	552,644
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	19	8,946	3,996	8,946	3,996
KUMPULAN WANG PINJAMAN DISATUKAN	20	62,000	62,000	62,000	62,000
SYARIKAT SUBSIDIARI	21	9,080	7,099	-	-
		3,044,558	**2,915,956**	**3,035,478**	**2,908,857**
KEPENTINGAN MINORITI		340	620	-	-
		3,044,898	**2,916,576**	**3,035,478**	**2,908,857**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

		KUMPULAN		UNIVERSITI	
	NOTA	2016	2015	2016	2015
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
LIABILITI BUKAN SEMASA					
LIABILITI JANGKA PANJANG	22	5,183,276	4,668,519	5,168,562	4,668,519
GERAN KERAJAAN TERTUNDA	23	5,071,278	5,303,709	5,071,278	5,303,709
LIABILITI CUKAI TERTUNDA		103	97	-	-
		10,254,657	**9,972,325**	**10,239,840**	**9,972,228**
LIABILITI SEMASA					
PEMIUTANG	11	180,546	138,491	151,931	127,807
LIABILITI KEPADA PELAJAR	12	519	35,006	519	35,006
BIASISWA PELAJAR		7,878	866	7,878	866
LIABILITI-LIABILITI LAIN	13	164,891	155,064	148,968	137,325
AMAUN TERHUTANG KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI		-	-	1,618	1,133
MANFAAT KAKITANGAN JANGKA PENDEK		11,536	10,839	11,536	10,839
PERUNTUKAN CUKAI		4,963	2,585	-	-
		370,333	**342,851**	**322,450**	**312,976**
JUMLAH LIABILITI		**10,624,990**	**10,315,176**	**10,562,290**	**10,285,204**
JUMLAH EKUITI & LIABILITI		**13,669,888**	**13,231,752**	**13,597,768**	**13,194,061**

Penyata Kedudukan Kewangan di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Nota Penyata Kewangan yang berkenaan di muka surat 7 hingga 63.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016	2015	2016	2015
		RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)	RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)
PENDAPATAN					
HASIL DARIPADA KERAJAAN		2,498,490	2,466,488	2,498,490	2,466,488
HASIL DARIPADA PELAJAR		321,416	259,739	321,416	259,739
HASIL DARIPADA PELABURAN & SIMPANAN BANK	24	111,850	103,619	111,850	105,619
HASIL DARIPADA SUMBER LAIN		181,139	161,804	89,905	90,550
		3,112,895	**2,991,650**	**3,021,661**	**2,922,396**
PENDAPATAN YANG TIDAK MELIBATKAN ALIRAN TUNAI					
GERAN KERAJAAN YANG DILUNAS		715,757	559,554	715,757	559,554
KEUNTUNGAN SEMASA PELUPUSAN HARTA TETAP		1,387	526	1,387	526
KEUNTUNGAN SEMASA HAPUSKIRA HARTA TETAP		311	288	311	288
KEUNTUNGAN TEREALISASI-JUAL/BELI PELABURAN		41	30	41	30
KEUNTUNGAN BELUM TEREALISASI PERUBAHAN NILAI PASARAN		1,935	17,437	1,935	17,437
KEUNTUNGAN PERUBAHAN NILAI SAKSAMA		36,931	109,271	36,931	109,271
PELARASAN HARTA TEMPOH TERDAHULU		1,249	-	1,249	-
		757,611	**687,106**	**757,611**	**687,106**
JUMLAH PENDAPATAN		**3,870,506**	**3,678,756**	**3,779,272**	**3,609,502**
PERBELANJAAN					
EMOLUMEN		1,374,782	1,321,056	1,360,529	1,307,239
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	25	1,011,831	950,784	945,928	900,227
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP		571,637	544,269	571,637	544,269
PERBELANJAAN LAIN		418,346	236,579	417,953	236,561
		3,376,596	**3,052,688**	**3,296,047**	**2,988,296**
PERBELANJAAN YANG TIDAK MELIBATKAN ALIRAN TUNAI					
SUSUTNILAI		345,507	336,011	343,511	334,959
PELUNASAN ASET TIDAK KETARA		699	49	-	-
KERUGIAN PENGGANTIAN HARTA TETAP		48	37	48	37
KERUGIAN PENGGANTIAN INVENTORI		1	3	1	3
PENAMBAHAN PERUNTUKAN HUTANG RAGU		89	15	89	15
PENAMBAHAN PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN		5,727	6,184	5,727	6,184
HAPUSKIRA KEHILANGAN		87	118	87	118
HAPUSKIRA HUTANG LAPUK		120	1	120	1
PELARASAN HASIL/BELANJA TEMPOH TERDAHULU		5,882	-	5,882	-
		358,160	**342,418**	**355,465**	**341,317**
JUMLAH PERBELANJAAN		**3,734,756**	**3,395,106**	**3,651,512**	**3,329,613**
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN		**135,750**	**283,650**	**127,760**	**279,889**
ZAKAT		238	8	-	-
CUKAI		6,051	2,913	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		**129,461**	**280,729**	**127,760**	**279,889**

Penyata Pendapatan Komprehensif di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Nota Penyata Kewangan yang berkenaan di muka surat 7 hingga 63.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN								
	KUMPULAN WANG PENGURUSAN	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	KUMPULAN WANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA	KUMPULAN WANG AMANAH (Dinyatakan semula)	KUMPULAN WANG ENDOWMEN	KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN (Dinyatakan semula)	KUMPULAN WANG PINJAMAN DISATUKAN	SYARIKAT SUBSIDIARI KEUNTUNGAN TERKUMPUL	JUMLAH (Dinyatakan semula)
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
PADA 1 JANUARI 2016	475,934	2,979	2,586	1,808,718	552,644	3,996	62,000	7,719	2,916,576
PELARASAN TAHUN LEPAS	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SEPERTI YANG DINYATAKAN SEMULA	475,934	2,979	2,586	1,808,718	552,644	3,996	62,000	7,719	2,916,576
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	(51,404)	2,024	37	178,301	-	(1,198)	-	1,701	129,461
PEMINDAHAN ANTARA KUMPULAN WANG	(21,846)	10,368	-	556,751	(551,421)	6,148	-	-	-
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) MODAL SUMBANGA	(979)	-	-	(160)	-	-	-	-	(1,138)
PADA 31 DISEMBER 2016	**401,705**	**15,371**	**2,623**	**2,543,610**	**1,223**	**8,946**	**62,000**	**9,420**	**3,044,898**
PADA 1 JANUARI 2015	500,101	(6,165)	2,852	1,495,953	534,000	125,854	62,000	6,074	2,720,669
PELARASAN TAHUN LEPAS	2,931	9,214	(266)	26,963	-	(129,636)	-	-	(90,794)
SEPERTI YANG DINYATAKAN SEMULA	503,032	3,049	2,586	1,522,916	534,000	(3,782)	62,000	6,074	2,629,875
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	18,863	10	-	241,716	15,156	4,144	-	2,845	282,734
PENUBUHAN ANAK SYARIKAT	-	-	-	-	-	-	-	800	800
DIVIDEN	-	-	-	-	-	-	-	(2,000)	(2,000)
PEMINDAHAN ANTARA KUMPULAN WANG	(45,087)	(80)	-	38,045	3,488	3,634	-	-	-
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) MODAL SUMBANGA	(874)	-	-	6,041	-	-	-	-	5,167
PADA 31 DISEMBER 2015	**475,934**	**2,979**	**2,586**	**1,808,718**	**552,644**	**3,996**	**62,000**	**7,719**	**2,916,576**

Penyata Perubahan Ekuiti di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Nota Penyata Kewangan yang berkenaan di muka surat 7 hingga 63.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	UNIVERSITI							
	KUMPULAN WANG PENGURUSAN	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	KUMPULAN WANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA	KUMPULAN WANG AMANAH DISATUKAN (Dinyatakan semula)	KUMPULAN WANG ENDOWMEN	KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN (Dinyatakan semula)	KUMPULAN WANG PINJAMAN DISATUKAN	JUMLAH (Dinyatakan semula)
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
PADA 1 JANUARI 2016	475,934	2,979	2,586	1,808,718	552,644	3,996	62,000	2,908,857
PELARASAN TAHUN LEPAS	-	-	-	-	-	-	-	-
SEPERTI YANG DINYATAKAN SEMULA	475,934	2,979	2,586	1,808,718	552,644	3,996	62,000	2,908,857
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	(51,404)	2,024	37	178,301	-	(1,198)	-	127,760
PEMINDAHAN ANTARA KUMPULAN WANG	(21,846)	10,368	-	556,751	(551,421)	6,148	-	-
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) MODAL SUMBANGA	(979)	-	-	(160)	-	-	-	(1,138)
PADA 31 DISEMBER 2016	**401,705**	**15,371**	**2,623**	**2,543,610**	**1,223**	**8,946**	**62,000**	**3,035,478**
PADA 1 JANUARI 2015	500,101	(6,165)	2,852	1,495,953	534,000	125,854	62,000	2,714,595
PELARASAN TAHUN LEPAS	2,931	9,214	(266)	26,963	-	(129,636)	-	(90,794)
SEPERTI YANG DINYATAKAN SEMULA	503,032	3,049	2,586	1,522,916	534,000	(3,782)	62,000	2,623,801
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	18,863	10	-	241,716	15,156	4,144	-	279,889
PENUBUHAN ANAK SYARIKAT	-	-	-	-	-	-	-	-
DIVIDEN	-	-	-	-	-	-	-	-
PEMINDAHAN ANTARA KUMPULAN WANG	(45,087)	(80)	-	38,045	3,488	3,634	-	-
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) MODAL SUMBANGA	(874)	-	-	6,041	-	-	-	5,167
PADA 31 DISEMBER 2015	**475,934**	**2,979**	**2,586**	**1,808,718**	**552,644**	**3,996**	**62,000**	**2,908,857**

Penyata Perubahan Ekuiti di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Nota Penyata Kewangan yang berkenaan di muka surat 7 hingga 63.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2016	2015	2016	2015
	RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)	RM'000	RM'000 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN:				
TERIMAAN TUNAI UNTUK BELANJA MENGURUS	2,498,490	2,466,488	2,498,490	2,466,488
TERIMAAN TUNAI UNTUK PENYELIDIKAN	35,817	43,891	35,817	43,891
TERIMAAN TUNAI UNTUK PEMBANGUNAN	450,700	504,526	450,700	504,526
TERIMAAN TUNAI DARIPADA PELANGGAN	501,807	976,818	443,943	937,401
CAGARAN DIBAYAR	455	302	453	302
PENDAHULUAN STAF	(48)	(189)	(48)	(189)
BIASISWA PELAJAR	7,012	102	7,013	102
LIABILITI - LIABILITI LAIN	9,827	(2,883)	11,644	(17,005)
TUNAI DIBAYAR KEPADA PEMBEKAL DAN STAF YANG LAIN	(3,327,899)	(3,557,715)	(3,263,471)	(3,521,247)
TUNAI DIBAYAR KEPADA PEMBEKAL DAN STAF	**(3,310,653)**	**(3,560,383)**	**(3,244,409)**	**(3,538,037)**
TUNAI DIJANA DARIPADA KENDALIAN	**176,161**	**431,340**	**184,541**	**414,269**
CUKAI PENDAPATAN DIKEMBALIKAN/(DIBAYAR)	(3,128)	(1,468)	-	-
TUNAI BERSIH AKTIVITI KENDALIAN	**173,033**	**429,872**	**184,541**	**414,269**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:				
BELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	(175,309)	(155,803)	(138,865)	(144,017)
HASIL PROSID JUALAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	1,714	523	1,714	523
PINJAMAN KEPADA STAF	(14,664)	(14,057)	(14,666)	(14,056)
PENGURANGAN/(PENAMBAHAN) PELABURAN	(50,985)	(7,273)	(70,982)	(17,275)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	**(239,243)**	**(176,610)**	**(222,799)**	**(174,825)**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:				
BAYARAN PINJAMAN BERJANGKA, PAJAKAN KEWANGAN & SEWA BELI	(120,081)	(85,763)	(136,119)	(85,727)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN	**(120,081)**	**(85,763)**	**(136,119)**	**(85,727)**
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	**(186,291)**	**167,499**	**(174,377)**	**153,717**
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	2,919,069	2,751,570	2,899,158	2,745,441
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	**2,732,778**	**2,919,069**	**2,724,781**	**2,899,158**

Penyata Aliran Tunai di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Nota Penyata Kewangan yang berkenaan di muka surat 7 hingga 63.

KUMPULAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

NOTA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

NOTA 1 : AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Universiti Teknologi MARA merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan khusus untuk kaum Bumiputera bertujuan untuk menyediakan program pendidikan di peringkat separa profesional dan profesional terutamanya dalam bidang sains dan teknologi serta perniagaan dan pengurusan. Alamat bagi institusi pengajian tinggi awam berdaftar adalah seperti berikut :

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tiada sebarang perubahan besar berlaku pada aktiviti ini dalam tahun berakhir 31 Disember 2016.

NOTA 2: DASAR PERAKAUNAN UTAMA DAN PENDEDAHAN UMUM

2.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA disediakan mengikut piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang diluluskan. Ini adalah penyata kewangan pertama Universiti Teknologi MARA disediakan mengikut piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS). Tarikh peralihan dari *Private Entities Reporting Standard* (PERS) kepada *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) adalah pada 1 Januari 2015. Penggunaan rangka kerja MPERS perlu diaplikasi pada Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, Angka perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPERS.

2.2 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Instrumen kewangan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

2.2.1 Risiko Tukaran Asing

Universiti terdedah kepada risiko tukaran asing.

2.2.2 Risiko Kadar Faedah

Universiti terdedah kepada risiko perubahan kadar faedah terhadap liabiliti pajakan bagi projek PFI yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi.

2.2.3 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan Universiti. Universiti terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

2.2.4 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Universiti tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

2.3 Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Pengukuran hartanah, loji dan peralatan selepas pengiktirafan adalah berdasarkan kos ditolak peruntukan susut nilai dan peruntukan kerugian penjejasan (sekiranya ada) – MPERS *Section 17.15* (*Property, Plant and Equipment)*.

2.3.1 Harta-harta Mudah Alih

Mulai tahun 1996 harta tetap UiTM diambilkira bagi pembelian barang yang bernilai RM3,000 dan ke atas seunit kecuali bagi pembelian di bawah :-

- Langsir, karpet, peralatan makmal dari gelas dan perisian komputer tanpa mengambilkira kos dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta tetap.

Mulai tahun 1995 buku tidak lagi diambilkira sebagai harta tetap.

Mulai tahun 1998 komponen kos harta tetap yang dibeli dengan menggunakan kaedah FOB tidak mengambilkira kos insurans dan pengangkutan sebagai kos harta. Ini adalah disebabkan masalah pentadbiran untuk memperakaunkan kos-kos yang berkenaan sebagai kos harta tetap.

Mulai tahun 2005 semua jenis perabot termasuk perabot *built-in* diiktiraf sebagai inventori tanpa mengira kos.

2.3.2 Bangunan dan Kemudahan

Mulai tahun 2005 bangunan diklasifikasikan kepada dua kategori seperti garis panduan di bawah :-

Bangunan Jangkahayat 50 tahun

Bangunan yang dijangka mempunyai jangkahayat 50 tahun. Susutnilai adalah 2% setahun. Walau bagaimanapun, penentuan jangkahayat sesebuah bangunan adalah di bawah pertimbangan Bahagian Pembangunan.

Bangunan Jangkahayat 10 tahun

Bangunan yang dibina melebihi RM500,000.00 tetapi jangkahayat bangunan tersebut dijangka tidak akan melangkau 50 tahun. Susutnilai bangunan tersebut adalah 10% setahun. Walau bagaimanapun, penentuan jangkahayat bangunan tersebut adalah di bawah pertimbangan Bahagian Pembangunan.

Mulai tahun 2011, kos pembinaan, kos tambahan dan kos ubahsuai ke atas bangunan dan kemudahan ditingkatkan daripada RM50,000.00 kepada RM500,000.00 untuk diambilkira sebagai harta modal.

2.3.3 Susutnilai

Susutnilai atas harta tetap dikira untuk melupuskan kos harta dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangkahayat harta yang berkenaan. Susutnilai atas kadar tahunan dikenakan dalam tahun sesuatu harta dibeli dan tidak dikenakan bagi tahun harta dijual atau dilupuskan. Kadar-kadar susutnilai adalah seperti berikut :-

Butiran Harta	Kadar Susutnilai
Tanah (Pegangan Kekal)	0%
Tanah (Pegangan Pajakan)	Jangkamasa Pajakan
Bangunan (Jangkahayat 50 tahun)	2%
Bangunan (Jangkahayat 10 tahun)	10%
Kemudahan	5%
Kenderaan	20%
Jentera	20%
Kelengkapan Pejabat dan Lengkapan	20%
Kelengkapan Elektronik	25%
- Komputer dan alat kelengkapan prosesan data elektronik	20%
- Sistem Aplikasi (Software) dan Kelengkapan Alat Elektronik Yang Lain	
Kelengkapan Elektrik	20%
Kelengkapan Perhubungan Dan Penyiaran	20%
Kelengkapan Fotografi, Perubatan, Muzik, Percetakan Dan Riadah	20%
Kelengkapan Bekalan Air Dan Elektrik	20%
Kelengkapan Keselamatan Dan Kebersihan	20%
Kelengkapan Yang Lain	20%

2.3.4 Tanah

Tanah-tanah yang disenaraikan oleh Universiti adalah di bawah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan:-

1) Kampus Dungun, Terengganu
2) Kampus Machang, Kelantan
3) Kampus UiTM Seksyen 17, Shah Alam
4) Kampus Puncak Perdana
5) Kampus Puncak Alam
6) Kampus Selayang & Sungai Buloh
7) Kampus Dengkil
8) Kampus Bertam, Pulau Pinang
9) Tanah Kuala Muda, Kedah
10) Kampus Teluk Intan, Perak
11) Kampus Bandaraya Melaka
12) Kampus Jasin, Melaka
13) Kampus Kulai & Pasir Gudang, Johor
14) Kampus Kuala Terengganu
15) Kampus Rembau, Negeri Sembilan
16) Kampus Seremban 3, Negeri Sembilan
17) Kampus Raub, Pahang
18) MSN Jengka, Pahang

2.4 Kumpulan Wang Pembangunan Cawangan

Mulai tahun 2001 Kumpulan Wang Pembangunan Cawangan telah diwujudkan di mana sumber pendapatannya adalah imbuhan dari Kumpulan Wang Pembangunan Pusat Shah Alam, manakala perbelanjaannya dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan Cawangan dalam tahun kewangan yang sama. Semua kenaan bank dan hasil simpanan bank dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Shah Alam. Polisi ini telah berkuatkuasa mulai tahun 2012.

2.5 Pengiktirafan Pendapatan

Kriteria bagi pengiktirafan semua pendapatan di dalam akaun adalah seperti berikut:

- Bagi jualan barang dan perkhidmatan – apabila barang atau perkhidmatan telah dihantar kepada pelanggan dan pengesahan penerimaan telah dibuat.
- Hasil pecah kontrak biasiswa kakitangan – apabila terima bayaran. Jumlah kenaan pecah kontrak akan diperakaunkan sebagai Hasil Tertunda dan akan dilunaskan apabila dibayar.
- Hasil pelajar - mulai tahun 2016, Universiti Teknologi MARA telah meminda polisi perakaunan di dalam mengiktiraf hasil
  pelajar daripada menggunakan prinsip akruan hasil tunai kepada prinsip akruan.
- Hasil simpanan tetap Al-Mudharabah – apabila diterima oleh pihak universiti (iaitu apabila simpanan tetap telah matang) dan bukan mengikut konsep akruan.

2.6 Kumpulan Wang Pendapatan Shah Alam

Mulai tahun 2008, Kumpulan Wang Pendapatan Shah Alam telah ditubuhkan di mana hasil kod akaun 73000 dan 74000 Kumpulan Wang Pengurusan Shah Alam dan Cawangan telah dipindahkan ke kumpulan wang tersebut.

2.7 Pengiktirafan Perbelanjaan

Mulai tahun 2008, kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan di dalam akaun adalah seperti berikut:

- Bagi pembelian barang dan perkhidmatan – apabila barang-barang diterima atau perkhidmatan disempurnakan dan dokumen-dokumen berikut telah diterima pada / sebelum 31 Disember sesuatu tahun tetapi belum dibayar dalam tahun yang sama hendaklah diambilkira sebagai pemiutang tahun tersebut berdasarkan perkara-perkara di bawah :
  - Waran Perbelanjaan PB 3/80 yang telah diluluskan
  - Pesanan Jabatan/Kerja yang telah dikeluarkan
  - Bil atau invois daripada syarikat.
  - Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diterima

2.8 Bayaran Balik Perbelanjaan

Bayaran balik perbelanjaan bagi telefon, perubatan, belanja konvokesyen, penyediaan makanan dan sewa rumah telah dikreditkan ke kod perbelanjaan berkenaan mulai 1989.

2.9 Penyatuan

Mulai tahun 1998 akaun-akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikatnya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Urusniaga dan baki antara syarikat adalah dikeluarkan semasa penyatuan dan akaun yang disatukan hanya meliputi urusniaga luaran sahaja. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun anak syarikat ialah dengan menggunakan kaedah ekuiti.

2.10 Anak Syarikat

Kumpulan menganggap syarikat sebagai anak syarikat apabila ia menguasai lebih separuh daripada komposisi lembaga pengarah atau lebih separuh daripada kuasa mengundi, atau memegang lebih separuh daripada modal saham biasa yang diterbitkan.

2.10 Stok

Stok dinilai secara kaedah "*First In, First Out* (FIFO)". Stok bagi Shah Alam dan semua cawangan telah dikenakan kepada Penyata Pendapatan dalam tahun 2002 kerana Universiti berpendapat bahawa rekod ada tidak dapat memberi penilaian stok yang tepat dan telah mengakibatkan perbelanjaan Universiti diambilkira dan harta semasa terkurang dinyatakan atau sebaliknya.

2.11 Pelaburan Lain

(a) Saham Tidak Tersenarai

METEOR Sdn. Bhd.	**Tarikh Sijil**	**Unit**	**Harga Seunit (RM)**
	15 Jun 1999	200,000	1.00
	15 Febuari 2001	300,000	1.00

Nota : METEOR adalah syarikat yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan dengan objektif untuk membangunkan konsep Universiti Terbuka. Pemegang saham METEOR terdiri daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam.

(b) Saham Tersenarai

Perlis Plantation Bhd.	**Unit**	**Kos (RM)**	**Harga Pasaran Seunit Pada 31/12/2016 (RM)**
	1,162,666	1.63	17.69

Nota :

a. Pada tahun 1999, saham ini ditukarkan daripada 60,000 unit saham Malaysian Sugar Sdn. Bhd. (saham tidak tersiar) bernilai RM60,000 kepada 436,000 unit saham Perlis Plantation Bhd. bernilai RM1.9 juta.

b. Pada tahun 2001, Perlis Plantation Berhad telah mengisytiharkan dan menerbitkan saham bonus pada nisbah 1:3. Pelarasan dibuat pada tahun 2002, kerana maklumat diterima pada tahun 2002. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif.

c. Pada tahun 2005, Perlis Plantation Berhad telah mengistiharkan dan menerbitkan saham bonus pada nisbah 1:1.

2.12 Pelaburan

Semua Pelaburan Tidak Tersiar dinyatakan pada kos.

Pada setiap tarikh pelaporan, Pelaburan Tersiar dinyatakan pada nilai pasaran. Sebarang perubahan nilai pasaran yang wujud daripada pelaburan dalam kategori ini diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. – MPERS *Section 11.14 (c)*

2.14 Perbezaan Polisi Perakaunan

a) **UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd**

Terdapat perbezaan kepada sebahagian daripada polisi perakaunan anak syarikat ini jika dibandingkan dengan polisi perakaunan Universiti. Perbezaan-perbezaan adalah seperti berikut :

i. Nilai minima memodalkan harta tetap ialah RM1,000.

ii. Langsir, linen dan pinggan mangkuk telah dimodalkan sebagai harta walaupun nilainya kurang dari RM1,000. Susutnilai dikenakan kepada kumpulan akaun ini dengan kadar 20 peratus.

b) **Section One Sdn. Bhd.**

Terdapat perbezaan kepada sebahagian daripada polisi perakaunan anak syarikat ini jika dibandingkan dengan polisi perakaunan Universiti. Perbezaan-perbezaan adalah seperti berikut :-

i. Nilai minima memodalkan harta tetap ialah RM1,000.

2.15 Pemberian Kerajaan Bagi Projek Pembangunan

Pemberian Kerajaan untuk projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Kerajaan Tertunda dan akan dilunas mengikut susutnilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan. MPERS *Section 24 – Government Grants.*

2.16 Peruntukan Hutang Ragu

Mulai tahun 2002, Universiti telah melaksanakan polisi hutang ragu seperti berikut:-

Peruntukan Am

Semua hutang yang melebihi satu tahun diperuntukkan hutang ragu pada kadar 5%.

Peruntukan Khas

Sementara hutang melebihi satu tahun yang tidak dapat dikutip selepas tindakan mahkamah atau jumlahnya kurang dari jumlah kos mahkamah ianya diperuntukkan hutang ragu pada kadar 100%.

Angka-Angka perbandingan berkaitan telah dinyatakan semula untuk mengambilkira perubahan polisi ini.

Peruntukan Hutang Ragu bagi Penghutang pecah kontrak tidak dibuat kerana dijangka dapat dikutip sepenuhnya bagi penyata kewangan tahun berakhir 2016

2.17 Penyata Aliran Tunai Kaedah Langsung

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, Universiti telah menukar format Penyata Aliran Tunai dari Kaedah Tidak Langsung kepada Kaedah Langsung. Sehubungan itu, butiran berikut telah diklasifikasikan semula dari aktiviti kendalian kepada aktiviti pelaburan seperti berikut:-

i) Aset Kumpulan Wang Pembangunan
ii) Prosid dari pelupusan harta tetap
iii) Skim Pembiayaian Pembelian Komputer dan Kenderaan staf serta keuntungannya
iv) Hasil dividen

2.18 Pembayaran Ansuran Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan – Bukan Harta Modal

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, pembayaran ansuran kerja-kerja dalam pelaksanaan (bukan harta modal) diiktiraf sebagai belanja pada tahun perbelanjaan dibuat iaitu dikenakan terus kepada kod belanja tanpa perlu dikenakan kepada kod kerja-kerja dalam pelaksanaan. Universiti berpendapat bahawa kerja-kerja dalam pelaksanaan – bukan harta modal merupakan daripada jenis dimana manafaatnya diperolehi Universiti semasa kerja sedang dilaksanakan.

2.19 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam pelaksanaan ialah kerja-kerja pembinaan atau ubahsuai yang menaiktaraf harta modal bangunan dan kemudahan serta perolehan harta alih modal yang termasuk dalam kerja-kerja pembinaan atau ubahsuai yang menaiktaraf harta modal bangunan dan kemudahan yang belum disempurnakan pada akhir tempoh kewangan. Ini merangkumi kerja-kerja pembangunan kemudahan perhubungan komputer (sistem rangkaian dan lain-lain) dan kerja-kerja pemasangan kemudahan keselamatan (televisyen litar tertutup, sistem pintu keselamatan, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain).

2.20 Bayaran Dahuluan Harta Modal

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, bayaran ke atas perolehan harta modal, termasuk tanah, harta modal bangunan dan kemudahan (yang telah siap) serta harta alih modal yang belum sempurna pada akhir tempoh kewangan diperakaunkan sebagai bayaran dahuluan harta modal.

2.21 Aset Cukai Tertunda

UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd. membuat peruntukan cukai tertunda menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti pada tarikh lembaran imbangan.

2.22 Harta Sewa Beli

Harta yang diperolehi melalui perjanjian sewabeli diperakaunkan bersesuaian dengan MPERS *Section 20 - Leases.*

2.23 Pajakan

Pajakan terdiri daripada pajakan kewangan dan pajakan operasi. Pajakan diikategorikan sebagai pajakan kewangan apabila sebahagian besar manfaat dan risiko pemilikan harta pajakan dipindahkan kepada pemajak. Pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar manfaat dan risiko pemilikan harta pajakan diikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembiayaan PFI dikategorikan sebagai pajakan kewangan kerana hak milik harta akan dipindahkan kepada pemajak (UiTM) seperti yang dinyatakan dalam perenggan 20.5, MPERS *Section 20 - Leases*. Merujuk prinsip *substance over form*, walaupun secara teknikal pemindahan hak milik belum berlaku sepanjang tempoh konsesi, hakikatnya manfaat dan risiko telah dipindahkan apabila harta pajakan siap dan mula digunakan oleh UiTM.

Harta tanah, loji dan peralatan yang diperolehi melalui pajakan kewangan PFI diiktiraf sebagai harta UiTM selepas harta pajakan siap dibina. Polisi susutnilai ke atas harta pajakan adalah berdasarkan polisi perakaunan susutnilai UiTM ke atas hartanah, loji dan peralatan.

2.24 Yuran Pengajian Pemegang Biasiswa Kakitangan UiTM

Mulai tahun 2005 perbelanjaan yuran pengajian pemegang bisiswa staf UiTM akan diakrukan mengikut tarikh penerimaan invois. Polisi ini perlu digunakan bersama-sama dengan polisi perakaunan UiTM berkaitan dengan pengiktirafan perbelanjaan yang dibayar selepas tahun semasa.

Polisi tersebut mengiktiraf perbelanjaan dan merekodkan kepada akaun pemiutang bagi pembelian barang dan perkhidmatan yang telah diterima oleh UiTM pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa serta dokumen-dokumen yang berkaitan telah diterima pada atau sebelum 31 Disember tahun tersebut.

2.25 Manfaat Kakitangan

i) Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Mengakaunkan bayaran award gantian cuti rehat bagi kakitangan tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran ganjaran bagi kakitangan kontrak yang akan tamat kontrak pada tahun berikutnya sebagai manfaat kakitangan jangka pendek.

ii) Manfaat Kakitangan Jangka Panjang

Mengakaunkan bayaran award gantian cuti rehat bagi kakitangan tetap yang akan bersara dalam tempoh 2 hingga 5 tahun daripada tahun berakhir kewangan serta bayaran ganjaran bagi kakitangan kontrak yang akan tamat kontrak pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai manfaat kakitangan jangka panjang.

2.26 Pelan Caruman Tetap

UiTM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.27 Penjejasan Aset

Mulai tahun 2006, UiTM mengakaunkan penjejasan aset bagi aset yang dengan jelas tidak boleh digunakan lagi tetapi pada tahun berakhir kewangan, aset masih wujud dan belum mendapat kelulusan untuk dihapuskira atau dilupuskan.

Nilai bersih aset mestilah melebihi nilai sisa aset pada tahun berakhir kewangan. Jika nilai bersih aset bersamaan dengan nilai sisa aset (RM 1.00) , penjejasan aset tidak perlu dilakukan.

2.28 Penubuhan Tabung Amanah Deposit Cagaran

Mulai 1 September 2005 semua urusan terimaan, bayaran pemulangan, pengendalian simpanan tetap, pindahan keuntungan pelaburan simpanan tetap ke Akaun Amanah Am dan pembayaran-pembayaran lain berkaitan cagaran akan dikendalikan oleh Tabung Amanah Deposit Cagaran di bawah kawalan Jawatankuasa Akaun Amanah Cagaran.

2.29 Kumpulan Wang Amanah Disatukan

Struktur pelaporan penyata kewangan UiTM telah dipinda semula melalui penyatuan semua akaun amanah yang merangkumi lima kumpulan wang sedia ada iaitu Kumpulan Wang Amanah Am, Kumpulan Wang Perundingan, Kumpulan Wang INTEC, Kumpulan Wang Pengurusan Kolej dan Kumpulan Wang Pendapatan. Semua kumpulan wang ini akan disatukan di bawah Kumpulan Wang Amanah Disatukan berkuatkuasa mulai penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

2.30 Kumpulan Wang Pengurusan Kolej

Kumpulan Wang Pengurusan Kolej telah ditutup berkuatkuasa mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Berikutan penutupan tersebut, semua transaksi hasil tahun semasa, perbelanjaan tahun semasa, baki aset dan baki liabiliti dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah di bawah Tabung Amanah Kolej.

2.32 Kumpulan Wang Pendapatan Cawangan

Kumpulan Wang Pendapatan Cawangan telah ditubuhkan pada tahun 2013 bagi menguruskan agihan 30% hasil tahun lepas Kumpulan Wang Pengurusan (73000 dan 74000) dan Kumpulan Wang Amanah (sebahagian hasil 74000) serta hasil pelaburan yang dijana oleh kedua-dua Kumpulan Wang Pendapatan Cawangan UiTM (KA) dan Kumpulan Wang Pendapatan UiTM (KY). Kumpulan Wang Pendapatan Cawangan UiTM ini diperakaunkan secara berasingan, mempunyai penyata pendapatan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira secara berasingan. Kumpulan Wang ini kemudian digabungkan bersama Kumpulan Wang pendapatan UiTM (KY) dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan serta lembaran imbangan disatukan.

2.33 Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta

